[Dokumen ini belum disemak]

DEWAN RAKYAT

**PARLIMEN KESEBELAS**

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT PERTAMA**

**Bil. 14** **Rabu** **13 April 2005**

# K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Kawalan Pertukaran Wang (Pindaan) 2005 (Halaman 27)

Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan (Pindaan) 2005 (Halaman 44)

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Rabu, 13 April 2005**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

---

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN**

1 **Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah kesan terhadap dagangan Malaysia-China berikutan inisiatif pembentukan kawasan perdagangan bebas (AFTA) antara ASEAN dengan China.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]:** Tuan Yang di-Pertua, ASEAN dan China telah bersetuju untuk mewujudkan kawasan perdagangan bebas (free trade area – FTA) ASEAN+China menjelang tahun 2010. Ini akan dilaksanakan melalui liberalisasi secara progresif perdagangan barangan, perkhidmatan dan pelaburan serta kerjasama dalam bidang-bidang yang mana kedua-dua pihak mempunyai kepentingan bersama. Perjanjian FTA mengenai perdagangan barangan telah ditandatangani pada 29 November 2004, manakala FTA bagi bidang-bidang perkhidmatan dan pelaburan masih lagi di peringkat rundingan.

Bagi FTA yang melibatkan perdagangan barangan ianya akan dilaksanakan secara dua peringkat. Pertama, program *Early Harvest* yang telah dilaksanakan mulai 1 Januari 2004 dan FTA penuh yang akan dilaksanakan mulai 1 Julai 2005. Di bawah program *Early Harvest* duti import ke atas barangan tertentu telah dihapuskan secara progresif mulai 2004. Malaysia mempunyai 990 produk di bawah *Early Harvest Programme* yang terdiri daripada produk-produk pertanian belum diproses dan barangan perkilangan seperti minyak sayuran, koko, bahan pencuci, asid *stearic* dan *glass envelope for cathode ray tube.* Malaysia telah mendapat faedah dari pelaksanaan

program ini di mana eksport barangan tersebut ke China pada tahun 2004 bernilai sebanyak RM514 juta.

Tuan Yang di-Pertua, China kini merupakan negara rakan perdagangan Malaysia yang kelima terbesar. Perdagangan dua hala Malaysia-China meningkat sebanyak 32.2% dari RM53.6 bilion pada tahun 2003 kepada RM71.4 bilion pada 2004. Eksport ke China pada tahun 2004 bernilai RM32.14 bilion, meningkat 24.2% berbanding RM25.88 bilion yang dicatat pada tahun 2003. Import daripada China juga meningkat 41.8% kepada RM39.3 bilion daripada RM27.7 bilion pada tahun sebelumnya.

Perjanjian FTA ASEAN+China akan mewujudkan sebuah pasaran bersepadu dengan jumlah 1.8 bilion pengguna Keluaran Dalam Negara Kasar sebanyak USD2 trilion dan anggaran nilai perdagangan tahunan USD1.23 trilion. Kerjasama ini akan meningkatkan lagi aliran perdagangan antara negara-negara ASEAN dan China dan membuka peluang kepada syarikat-syarikat Malaysia untuk meluaskan pasaran produk-produk mereka ke China berbanding dengan negara-negara yang tidak mempunyai FTA dengan negara tersebut. Pelaksanaan FTA ini juga merupakan usaha untuk mengekalkan kedudukan dan daya saing rantau Asian sebagai satu destinasi utama pelaburan asing. Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Kita tidak dapat menafikan bahawa China mempunyai potensi yang begitu hebat dalam konteks perdagangan lebih-lebih lagi dalam konteks AFTA yang telah disebutkan tadi sebagai sebuah negara yang besar, yang memiliki lebih daripada RM1.3 bilion penduduknya, lumayan sekali peluang-peluang perdagangannya. Persoalannya sekarang ialah apakah daya saing Malaysia, apakah kekuatan yang dimiliki oleh pengusaha-pengusaha di Malaysia ini, sejauh manakah daya saing Malaysia dapat memenuhi keperluan-keperluan di negara China terutamanya dan juga saingan daripada negara-negara jiran kerana dalam masa sekarang ini, dalam kedudukan sekarang ini menurut, dengan izin, The World Competitiveness Year Book 2002 menunjukkan bahawa status Malaysia adalah di tangga ke-26 berbanding dengan Singapura yang duduk di tangga kelima. Apakah potensi Malaysia dalam mengharungi cabaran perdagangan global antarabangsa ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana kita sedia maklum pada peringkat ini Malaysia telah berjaya menjadi sebuah negara pengeksport ke-18 terbesar di dunia dan negara pengimport ke-20 terbesar di dunia.

Saya bersetuju dengan kenyataan Yang Berhormat bahawa daya saing adalah faktor utama dalam menentukan masa hadapan negara. Ada produk-produk tertentu yang kita mempunyai daya saing di negara China dan negara-negara lain. Bagi produk-produk yang berintensif tenaga buruh, Kerajaan Malaysia telah pun mengesyorkan ataupun menggalakkan syarikat-syarikat untuk memindah projek-projek, kilang-kilang mereka luar daripada negara kita dan perkara ini telah dilaksanakan oleh syarikat-syarikat seperti bidang tekstil berpindah ke Kampuchea dan juga Vietnam, automotif ada yang berpindah ke Thailand dan produk-produk lain.

Dari segi Malaysia dan China seperti mana saya nyatakan dari segi perdagangan kita telah meningkat, dan apa yang kita lakukan hubungan kita dengan China begitu rapat, kita selalu mengadakan misi perdagangan di sana kerana saiz pasaran yang begitu besar. Beberapa potensi yang dapat kita lihat di sana, pertama, dari segi *market access* kepada produk kita yang begitu luas.

Kedua, dari segi *middle class community* di situ besar dan mereka memerlukan produk yang bernilai tinggi, yang mana kita dapat menghasilkan.

Ketiga, dari segi sektor servis. Kita tahu dalam bidang pendidikan, bidang kesihatan dan bidang pelancongan, mereka merupakan golongan yang besar datang ke negara kita.

Keempat, China merupakan sebuah negara yang mempunyai *saving* dan juga rizab luar yang begitu banyak dan ini merupakan satu potensi besar untuk kita menarik pelaburan mereka ke negara ini. Terima kasih.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Negara kita sebelum ini memainkan peranan yang amat penting dalam menaikkan hubungan perdagangan antarabangsa melalui kumpulan serantau yang bernama AFTA ini. Kita menjadi salah satu penyokong kuat dan kita mengkritik negara-negara tetangga seperti Singapura yang beberapa tahun yang lalu memulakan upacara menandatangani perjanjian perdagangan dua hala sahaja ataupun FTA, tetapi akhir-akhir ini kita juga

sekarang ini telah terlibat dalam perjanjian FTA, dan yang terakhir sekali dengan negara-negara Australia sempena lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini.

Soalan tambahan saya, adakah ini menandakan perubahan dasar perdagangan antarabangsa kita daripada mengutamakan kerjasama serantau dan perdagangan serantau seperti AFTA, nampaknya mengetepikan itu dan mengutamakan - seperti negara-negara lain sekarang ini kerjasama dua hala iaitu melalui FTA – FTA yang sedang kita lakukan hari ini.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi perjanjian perdagangan antarabangsa melibatkan tiga peringkat – satu, di peringkat multilateral yang melibatkan WTO; kedua, di peringkat *regional* yang melibatkan ASEAN dalam konteks kita atau EU dalam konteks Eropah; ketiga, di peringkat bilateral. Dari segi untuk mendapat rundingan untuk mengadakan perjanjian, pada peringkat ini kita dapati adalah lebih mudah sistem bilateral ini dilaksanakan dan ini sedang dilaksanakan oleh hampir semua negara. Oleh yang demikian, kita juga perlu menceburi dari segi mengadakan hubungan bilateral dengan negara-negara lain seperti mana dinyatakan oleh Yang Berhormat iaitu Australia dan New Zealand, kerana ada kepentingan yang boleh kita perolehi melalui perdagangan dan juga melalui perkhidmatan bilateral, *regional* dan multilateral akan jalan sama dalam proses.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang melihat bahawa kesan baik kepada perdagangan Malaysia keseluruhannya, tetapi adakah pihak kementerian juga melihat bahawa kesan buruk kepada khususnya pengilang-pengilang kecil SMI-SME di Malaysia, oleh kerana kemasukan barang-barang murah daripada negeri China. Umpamanya dalam bidang automotif, kita import daripada negara luar daripada Malaysia, dalam ASEAN, dalam konteks AFTA adalah murah, 10% oleh kerana tidak dikenakan *sale tax* dan kita gunakan *part* daripada Malaysia sendiri yang terkena *sale tax* 10%, makna part yang kita dapat daripada Malaysia 10% lebih mahal daripada part yang kita dapat daripada Thailand dan negara ASEAN lain. Begitulah pula nanti daripada negeri China.

Kalau ini berlaku kita dengan sendirinya akan membunuh SMI-SME kita dalam bidang-bidang yang tertentu. Jadi, apakah pengurusan dari segi *tax structure* yang kita hendak cadangkan kepada kementerian supaya perkara ini tidak berlaku.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi bidang automotif seperti mana yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, kerajaan akan mengumumkan dari segi insentif-insentif dalam automotif termasuk dari segi struktur duti, dari segi beberapa perkara lain. Secara umumnya kita sedar bahawa di dalam satu perjanjian ada bidang yang kita mempunyai *advantage*, dan ada bidang yang kita tidak mempunyai *advantage*.

Dari segi negara kita, perniagaan yang berteraskan kepada intensif tenaga kerja kita tidak begitu kompetitif. Itu sebabnya kerajaan menggalakkan mereka untuk keluar daripada negara kita dan beroperasi di negara-negara yang mempunyai daya saing yang lebih tinggi jika dibuat di sana. Sebagai contoh, apabila *MultiFibre Agreement (MFA)* telah pun menyebabkan kepada kuota untuk tekstil Malaysia dieksport ke Amerika Syarikat dan Eropah dihapuskan, tetapi negara Kampuchea dan Vietnam masih lagi mempunyai *preferential treatment* di negara tersebut, maka pemindahan ke sana yang telah dilakukan oleh syarikat-syarikat tekstil kita telah berjaya bagi mereka untuk menembusi pasaran tersebut, maka realitinya harus diambil oleh usahawan kita.

2. **Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah penyakit tibi yang kian meningkat.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telah, sedang dan akan melaksanakan sembilan strategi di peringkat kebangsaan, negeri dan juga daerah bagi menangani masalah-masalah penyakit tibi:

(i) mempertikaikan aktiviti pendidikan kesihatan kepada orang ramai bagi mengenal tanda-tanda awal penyakit Tibi;

(ii) membuat pemeriksaan saringan di klinik-klinik kesihatan dan hospital bagi kes-kes yang mempunyai tanda-tanda penyakit tersebut ;

(iii) membuat pemeriksaan saringan ke atas mereka yang risiko tinggi seperti penghidap HIV-AIDS, pendatang asing dari negara yang mempunyai kejadian Tibi yang tinggi, penghuni institusi seperti penjara ataupun pusat serenti mereka yang menghidap penyakit diabetes atau berhadapan dengan kegagalan buah pinggang dan sebagainya;

(iv) menjalani saringan kesihatan secara mandatori ke atas pekerja-pekerja asing yang ingin memohon permit kerja dalam negara;

(v) memperluaskan pemantauan ke atas rawatan Tibi melalui kaedah penyeliaan langsung rawatan atau dengan izin, *directly observe treatment (DOT)* dengan menggunakan anggota kesihatan dan perubatan serta sukarelawan yang telah dilatih;

(vi) menggunakan sistem *inspectorate* untuk mengesan konteks dan pesakit Tibi yang ingkar rawatan;

(vii) melaksanakan program pelalian kepada bayi dan juga kanak-kanak sekolah serta mempergiatkan aktiviti-aktiviti tersebut terutama kanak-kanak Orang Asli di Semenanjung seta peribumi di Sabah dan Sarawak;

(viii) mempertingkatkan aktiviti latihan kepada kakitangan perubatan dan kesihatan serta sukarelawan dan akhir sekali bekerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan, pengamal-pengamal perubatan di sektor swasta dan hospital swasta.

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, mengikut Dr. Nermal Singh, Timbalan Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit bahawa banyak kes Tibi ini tidak dapat didiagnosiskan disebabkan oleh kegagalan sistem untuk mengenal pasti penyakit itu, adakah ini benar, jika benar apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mengatasi masalah ini? Sekian, terima kasih.

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, kita di kementerian mengakui tentang beberapa kelemahan dalam sistem yang telah saya nyatakan tadi. Walau bagaimanapun, insiden Tibi di Malaysia kita masih baik berbanding dengan

negara-negara lain. Malaysia di tempatkan sebagai negara yang mempunyai insiden Tibi yang secara sederhana dikelaskan seperti negara Jepun, negara Singapura serta Korea. Kebanyakan kes-kes Tibi adalah kes-kes import dan ada juga kaitan penyakit Tibi dengan penghidap HIV yang sedang meningkat.

Sekarang ini kita ada lebih kurang 60 ribu pesakit HIV dan pesakit HIV kita adalah berasaskan kepada *intravenous drug user* dengan izin. Jadi, ekoran daripada itu baru-baru ini kabinet buat keputusan untuk mengurangkan insiden penyakit Tibi import, kita buat satu polisi di mana semua pekerja-pekerja asing tidak kira sama ada dia datang daripada negara yang mempunyai insiden Tibi yang tinggi diwajibkan menjalani pemeriksaan perubatan dalam jangka masa 30 hari selepas mereka berada di Malaysia berbanding dengan sistem lama di mana kita hanya mengadakan saringan, kita ambil lima ke sepuluh peratus daripada mereka yang tiba untuk kita melakukan saringan. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengakui bahawa kedudukan *[Ketawa]* insiden Tibi di Malaysia tidak begitu tinggilah berbanding dengan negara-negara yang lebih teruk, tetapi maklumlah kita mesti berbanding dengan negara-negara yang lebih maju, insiden yang lebih rendah dan bolehkah Yang Berhormat terangkan insiden yang sebenarnya mengenai Tibi dan itu bagaimana kita dapat memperbaiki keadaan pendatang-pendatang sama ada daripada Indonesia ataupun negara-negara yang lain. Ini memang soalan ini soalan tambahan pula. Pemeriksaan yang mereka terima kita tidak boleh percaya, dia datang ke sini dan macam mana kita dapat mengatasi sebab sistem yang kita ada adakah Yang Berhormat sedar bahawa ada kelemahan di dalam sistem pemeriksaan perubatan sekarang ada kelemahan dan termasuklah ada lebih satu juta yang diakui oleh pihak kerajaan yang pendatang tanpa izin (PATI) dan sebagainya merekalah yang membawa itu Tibi juga, macam mana kita dapat mengatasinya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila jawab.

**Dr. Tan Seng Giaw:**…..sebab kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila jawab, sila jawab.

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Kepong dia pusing-pusing ya. Tuan Yang di-Pertua terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Kepong. Kalau ikut statistik pada

2003 kita ada 15,912 kes dan ini bersamaan dengan 63.5 per 100,000 penduduk. Sebab itu saya nyatakan tadi bahawa kita dalam kelas sederhana dari sudut insiden Tibi dan saya akui bahawa sistem yang ada diguna pakai mempunyai *loophole,* dengan izin, di mana kalau pekerja asing datang secara hala, secara betul terdapat di beberapa negara di mana sistem kesihatan dan *medical chit* ini boleh dibeli, saya dapat tahu, dia boleh beli dekat warung pun.

Jadi, bila *chit* ini di bawa ke pegawai imigresen kita untuk diberi *calling* visa dia lulus, tetapi bila kita periksa di sini dan kita periksa ikut sistem lama, 13 bulan baru kita periksa. Sebab itu sistem yang diluluskan di kabinet baru-baru ini maknanya kita iktiraf apa juga bentuk sijil yang mereka bawa tetapi bila sampai dekat sini kita wajibkan dalam masa 30 hari kita periksa , ini dari sudut pekerja asing dengan izin, tetapi kita tidak boleh juga hendak kawal pekerja asing tanpa izin, ini dia kelemahan-kelemahan kita sistem yang ada hanya digunakan untuk sistem yang *structured,* dengan izin, untuk yang halal, tetapi yang haram kita tidak boleh kawallah.

3. **Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah dan nilai pelaburan syarikat-syarikat milik kerajaan (GLC) dalam bidang pertanian dan industri asas tani dan menyatakan nama-nama syarikat tersebut serta bidang-bidang pelaburan yang sedang diceburi itu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, syarikat milik kerajaan yang terlibat di dalam bidang pertanian dan industri asas tani ialah Kedah Akuakultur Sdn Bhd. dengan nilai pelaburan sebanyak RM65 juta, syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang terlibat asas tani ini antaranya terdiri daripada anak-anak syarikat Kumpulan *Sime Darby,* Golden Hope Plantation Bhd., Highland and Peninsula, , Kumpulan Guthrie, anak-anak FELCRA Bhd., FELDA, RISDA serta Lembaga Tabung Haji dengan anggaran nilai pelaburan keseluruhannya sebanyak RM16.7 juta.

Tuan Yang di-Pertua, anak syarikat yang tersebut tadi secara *breakdown*nya saya akan sebut di sini bahawa anak syarikatnya Consolidated Plantation, anak syarikat PNB dan EPF yang terlibat dengan kelapa sawit dan getah dan sayuran, Golden Hope Plantation Bhd., anak syarikat PNB dan EPF terlibat dalam bidang kelapan sawit dan getah dan juga buah-buahan, Highland and Peninsula anak syarikat PNB dan EPF

terlibat dalam bidang kelapa sawit, Kumpulan Guthrie anak syarikat PNB dan EPF dalam bidang kelapa sawit dan getah, Syarikat Bernas terlibat dengan beras, FELCRA Berhad terlibat dalam bidang getah, FELDA terlibat dalam bidang kelapa sawit, getah dan coco, Mardec terlibat dalam bidang getah, KUB Agrotax Sd. Bhd. dan KUB Sepadu Sdn. Bhd. anak syarikat MOF Incorporated terlibat dalam bidang kelapa sawit, sekian Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Daripada jawapan itu diperhatikan kebanyakan (GLC) ini terlibat dalam getah dan kelapa sawit yang mana pada pandangan saya yang ini semua orang boleh buat, orang kampung boleh tanam kelapa sawit dan getah. Apa yang kita harapkan ialah penglibatan (GLC) ini dalam bidang *food base industry* ataupun *agro-base* yang lain yang boleh menjana kepada pelaburan, sayuran, buah-buahan. Kita suruh orang-orang kampung tanam belimbing, lepas itu belimbing ke mana nak pergi, kita tidak tahu, pasarannya tidak ada. Jadi, apa yang kita harapkan ialah (GLC) ini terlibat dalam perusahaan mengetin makanan misalnya ataupun perusahaan tanaman buah-buahan secara besar-besaran di mana mereka boleh membantu petani-petani kecil untuk menerima pasaran daripada petani. Apa pandangan atau jawapan lain daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih,Tuan Yang di-Pertua. Pada masa sekaranglah, sebelum ini kerajaan tidak promosi industri makanan seperti yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Parit secara besar-besaran, baru kali inilah kerajaan menggalahkan industri asas tani, maka bidang-bidang tersebut memang saya setujulah bahawa bidang-bidang tersebut patutnya diceburi oleh syarikat-syarikat (GLC) dan memang Tuan Yang di-Pertua banyak *downstream* aktiviti yang boleh dijalankan dalam bidang ini. Kita semua tahulah orang kampung ini kalau dia nak tanam buah-buahan ataupun apa juga produk, kalau tidak ada pasaran memang dia tidak akan berjaya. Sebab itu konsep *contract farming* dan sebagaimana memang patut digalakkan. Saya setuju dengan Parit.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang menarik dari jawapan Setiausaha Parlimen tadi ialah syarikat-syarikat kerajaan atau (GLC) yang melabur. Jadi, di kawasan saya, kawasan Parlimen Kalabakan, DUN

Morotai kita ada satu syarikat kerajaan Golden Hope. Apa yang mendukacitakan syarikat-syarikat kerajaan ini mereka ini mengaut keuntungan tetapi mereka tidak menjaga kebajikan pekerja, misalan kemudahan-kemudahan tidak dibagi, surau kalau kita tinjau daif, sekolah-sekolah yang ada tidak dibantu walhal kadangkala ada keluarga-keluarga yang meninggal, mereka tidak benarkan dikubur di kawasan perkuburan.

Jadi, apa erti apabila kita menekan kepada syarikat-syarikat lain bukan kerajaan supaya memberi kemudahan walhal syarikat kerajaan sendiri tidak memberi kemudahan dan kebajikan kepada rakyat. Mereka mengaut keuntungan begitu banyak dari kawasan dengan pekerja-pekerja maka kita minta supaya kerajaan mengarahkan syarikat-syarikat ini untuk menjaga dan memberi kemudahan kepada mereka semua.

Kerana satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya orang-orang ini dikehendaki untuk keluar tidak bekerja, gaji mereka dipotong. Tetapi mereka tidak dijaga kebajikannya. Jadi kita minta Setiausaha Parlimen melalui Dewan yang mulia ini boleh meminta semua syarikat-syarikat milik kerajaan ini memberi kemudahan-kemudahan kepada pekerja.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Kalabakan. Tuan Yang di-Pertua, kebetulan Sabah adalah sebuah negeri pengeluar kelapa sawit yang terbesar di Malaysia. Saya mengambil teguran itu sebagai satu teguran yang positif dan saya akan membawa perkara ini dalam peringkat pengurusan Menteri Kewangan. Terima kasih.

**4. Datuk Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

(a) setakat manakah keberkesanan kempen Kitar Semula yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian; dan

(b) adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk memperkenalkan sistem baru dalam pembuangan sampah iaitu sampah basah dan kering bagi setiap rumah-rumah.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, Program Kitar Semula Kebangsaan yang

dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah dilancarkan pada tahun 2000. Selaras dengan pelancaran tersebut, kementerian telah mengadakan siri aktiviti kesedaran bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap budaya kitar semula. Medium yang digunakan oleh kementerian untuk tujuan kesedaran adalah poster, risalah, buletin, televisyen, radio, Laman web Kitar Semula dan pelbagai jenis yang lain.

Selepas program ini ada indikator-indikator keberkesanan Kempen Kitar Semula adalah seperti berikut:

Kementerian telah mengadakan satu soal selidik kepada 2,000 responden di 67 PBT berkenaan dengan kesedaran dan pengamalan mereka terhadap Kempen Kitar Semula. Pada tahun 2002 lebih daripada 79% daripada responden itu sedar mengenai Program Kitar Semula. Apabila dikaji selepas kempen-kempen ini setahun yang lalu, jumlah ini telah meningkat hingga 100% dan ini adalah satu petunjuk bahawa kesedaran telah meningkat.

Selain daripada itu, apabila kita menganalisis laporan-laporan yang diterima daripada Pihak Berkuasa Tempatan, kita berpendapat bahawa kaedah-kaedah kitar semula telah meningkat dari 1% pada tahun pertama kempen dilaksanakan sehingga 5% pada masa kini. Bilangan pusat kitar semula di dalam negara kita pada mulanya yang kurang daripada 100 buah di dalam 5 tahun ini telah meningkat kepada 800 buah pusat-pusat pengambilan kitar semula.

Untuk menjawab soalan yang kedua berkenaan dengan pengasingan sisa pepejal di rumah, kerajaan sedang menggubal satu rang undang-undang Perkhidmatan Pengurusan Sisa Pepejal yang ada memberi peruntukan dan kuasa kepada kerajaan untuk mewajibkan masyarakat mempraktikkan kitar semula di rumah. Melalui rang undang-undang ini mungkin masyarakat akan diwajibkan untuk mengasingkan barang-barang kitar semula atau pun mengasingkan sampah basah daripada sampah kering.

Pada peringkat ini juga kementerian sedang berusaha untuk mendidik masyarakat bahawa sampah basah seperti sisa makanan juga boleh di kitar semula untuk dijadikan kompos bagi tujuan aktiviti perkebunan dan untuk perancangan yang lebih tersusun dan ekstensif kementerian telah memasukkan elemen-elemen kitar semula di dalam perangkaan Rancangan Malaysia Kesembilan. Terima kasih.

**Dato' Seri Tiong King Sing:** Terima kasih di atas jawapan yang diberi oleh Setiausaha Parlimen. Tetapi sedih sedikitlah......

**Beberapa Ahli:** Haaaa....

**Dato' Seri Tiong King Sing:** Kenapa ada dua Timbalan Menteri di dalam Dewan yang mulia ini tidak menjawab soalan? *[Disampuk]* Walaupun banyak kempen sudah dijalankan oleh kementerian tetapi sampah-sampah masih lagi dibuang merata-rata, contohnya di *flat-flat.* Nampaknya kempen itu tidak berapa efisien.

Soalan saya, bagaimanakah pihak kementerian merancang dalam usaha-usaha mendidik dan memberi pendidikan kepada setiap keluarga di dalam tatacara pembuangan sampah secara betul? Terima kasih.

**Dr. S. Subramaniam:** Mengenai kesedihan yang telah diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat, di kementerian kita, kita mengasingkan soalan-soalan kepada Setiausaha Parlimen, Timbalan Menteri dan Menteri, dan ini adalah giliran saya untuk menjawab soalan ini. *[Ketawa]*

Untuk menjawab soalan yang kedua, saya telah pun menjawab soalan ini pada permulaan jawapan tadi bahawa kita telah mengadakan pelbagai jenis kempen dan telah membelanjakan lebih kurang RM38 juta bagi kempen-kempen kesedaran ini melalui *mass* media, poster, kempen-kempen yang diadakan melalui NGO, parti-parti politik dan sebagainya untuk memberi pendidikan di kalangan rakyat. Kita harap Ahli-ahli Parlimen yang ada di sini pun boleh mengadakan kempen-kempen di kawasan - kawasan mereka. *[Dewan riuh]* Pendidikan seperti ini boleh diberikan kepada masyarakat. Ini adalah tugas kita semua dan bukan tugas kementerian sahaja. Terima kasih. *[Dewan semakin riuh]*

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Seorang Ahli:** Larut, Larut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kelana Jaya

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya berkongsi pendapat dengan Ahli Yang Berhormat bagi Bintulu, saudara saya apabila giliran untuk kita menjawab.

Soalan saya, walaupun tadi Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa ada kempen bersama-sama ahli-ahli politik, bila peruntukan itu disampaikan? Soalan utama

saya Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada rancangan untuk memperkenalkan sistem baru dalam pelupusan sisa pepejal. Mengenai pengasingan sampah basah dan sampah kering itu, bagi tiap-tiap keluarga mereka lebih suka membuang terus kemudian diambil dan dilupuskan oleh pihak-pihak yang tertentu.

Pihak Kerajaan Tempatan ada menerima banyak cadangan tentang *solid waste management* ini. Saya hendak bertanya, dari semua cadangan-cadangan yang dikemukakan itu sama ada Pencernaan Anaerobik Muatan Tinggi (*High Loaded Anaerobic Digestion*) atau Pelupusan Secara Pengaliran Udara Panas (*Termal T-Composition)* ataupun *incinerator* ataupun *calcification*, apakah sistem yang paling baik untuk *solid waste management* bagi negara kita? Apakah kementerian telah membuat kajian sistem mana yang paling baik untuk negara kita? Terima kasih.

**Dr. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini mempunyai jawapan yang teknikal.......

**Beberapa Ahli**: *[Menyampuk]*

**Dr. S. Subramaniam:** Walaupun demikian saya akan cuba menjawabnya dari segi saya. *[Dewan riuh semula]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sila beri peluang pihak Menteri jawab.

**Seorang Ahli:** Mambong boleh jawab.

**Dr. S. Subramaniam:** Selepas saya menjawab saya minta bantuan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Mambong. *[Ketawa]*

Pada masa sekarang, sistem-sistem pengurusan sisa pepejal yang telah diamalkan oleh kementerian ialah melalui tapak pelupusan sisa pepejal *sanitary.* Di dalam cadangan Rancangan Malaysia Kelapan kita telah mencadangkan tiga *incinerator* untuk dibangunkan di Cameron Highlands, Pulau Pinang dan Selangor. Satu daripadanya telah diluluskan di negeri Selangor untuk dibangunkan di Broga, tetapi ia di dalam tindakan mahkamah. Oleh itu projek tersebut telah ditangguhkan buat sementara sehingga pihak kementerian merayu terhadap tindakan mahkamah.

Tetapi untuk jangka masa panjang, rancangan kementerian ialah untuk menggunakan sistem-sistem pelupusan sisa pepejal yang pelbagai jenis

*(complementary)* termasuk *insinerator, sanitary landfill* dan mungkin juga termasuk sistem *composting* seperti yang telah diberitahu oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

5. **Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa ]** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan apakah status terkini siasatan terhadap punca *"blackout"* yang melanda kawasan pantai barat negara pada bulan Januari 2005, dan apakah tindakan-tindakan khusus yang telah diambil oleh pihak Tenaga Nasional Bhd untuk mengelak kejadian seperti ini berulang.

**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk memberikan jawapan ini bersekali dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Idris bin Haji Haron pada 14 April 2005 mengenai perkara yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Berikutan kejadian bekalan elektrik terputus di Lembah Klang dan bahagian selatan Semenanjung pada 13 Januari 2005, kerajaan telah mengarahkan Suruhanjaya Tenaga untuk menyiasat secara terperinci punca-punca yang menyebabkan kejadian tersebut berlaku. Seterusnya pihak Suruhanjaya Tenaga telah menubuhkan pasukan siasatan khas untuk menyiasat kejadian tersebut dan laporan terperinci siasatan tersebut telah siap dan dibentangkan kepada kerajaan pada 2 Mac 2005.

Hasil siasatan mendapati kejadian tersebut berlaku bukan disebabkan oleh kecuaian TNB sebaliknya disebabkan oleh pembangunan yang tidak seimbang *(unbalanced development)* dari segi perancangan dan pelaksanaan projek penjanaan dan penghantaran elektrik di Stesen Janakuasa Kapar. Pembangunan yang tidak seimbang ini telah mewujudkan kekangan kepada operasi sistem grid di pencawang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengelakkan kejadian seperti ini berulang, TNB telah mengambil langkah-langkah jangka pendek dan jangka sederhana dalam usaha untuk memperkukuhkan sistem yang sedia ada seperti berikut:

**Langkah Jangka Pendek:-**

(i) pemindahan tenaga dari utara ke tengah selatan sentiasa dipantau dan di analisis setiap hari dengan menggunakan alat simulasi berkomputer dengan mengguna pakai kriteria yang lebih ketat bagi memastikan sistem bekalan yang stabil dan berdaya harap;

(ii) penyelarasan sistem di kesemua stesen jana kuasa dan pencawang utama sedang dinilai semula dan diaudit dengan lebih terperinci untuk memastikan ia lebih berdaya harap berpandukan kepada kriteria pengukuran yang lebih tinggi.

**Langkah Jangka Sederhana:-**

Satu pembinaan loji jana kuasa yang baru di kawasan selatan bagi memperbaiki keseimbangan permintaan dan bekalan dalam lingkungan kawasan dan mengurangkan pemindahan tenaga yang besar yang tidak diperlukan daripada kawasan utara, tengah dan timur dan sebaliknya projek-projek stesen jana kuasa tersebut adalah:-

(i) Stesen Janakuasa Tuanku Jaafar, Port Dickson Fasa I dan II yang akan beroperasi pada tahun 2005 dan 2008;

(ii) Stesen Janakuasa Tanjong Bin Power Sdn. Bhd. di Johor yang akan beroperasi pada 2007; dan

(iii) Stesen Janakuasa Jimah Energy Ventures Sdn. Bhd. di Lukut, Negeri Sembilan yang akan beroperasi pada 2009.

Projek *Central Reinforcement* (CER) sedang dilaksanakan juga untuk mengukuhkan dan memperbaiki daya harap rangkaian grid di kawasan tengah. Projek ini dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2007. Apabila projek ini selesai, penggunaan stesen *switch,* Stesen Janakuasa Pelabuhan Klang akan lebih fleksibel dan stabil.

Satu pusat kawalan beban nasional (NLDC) baru yang dilengkapi dengan sistem yang canggih dan menggunakan teknologi terkini akan ditubuhkan bagi menggantikan pusat sedia ada. Projek ini sedang dalam peringkat reka bentuk dan dijangka siap pada akhir tahun 2007.

Arahan Kerajaan - Selain daripada langkah-langkah yang diambil oleh TNB kerajaan telah mengarahkan Suruhanjaya Tenaga meningkatkan penguat kuasa dan menjalankan audit tenaga dan pemantauan secara lebih kerap terhadap semua jana kuasa di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Ini adalah untuk memastikan semua jana kuasa berada di dalam keadaan yang baik dan mengikut peraturan yang ditetapkan bagi mengelakkan kejadian putus bekalan elektrik berulang.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pemantauan perkakas *switch* secara *remote supervisory,* pada masa ini pihak TNB mempunyai sistem pemantauan yang baik di *National Load Dispatch Center (NLDC)* untuk mengesan sebarang kebocoran dan gangguan pada sistem TNB.

Walau bagaimanapun, pihak TNB akan mengambil langkah untuk meningkatkan keupayaan sistem dengan menggantikannya dengan sistem yang baru agar dapat berfungsi dengan lebih baik dan memberikan maklumat yang lebih tepat terhadap sebarang *constrain* yang wujud di dalam sistem TNB. Terima kasih.

**Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Timbalan Menteri. Kita sedia maklum kedudukan geografi Malaysia dalam Asia Tenggara ini agak unik kerana kita ada sempadan darat dan laut dengan semua negara ASEAN kecuali Laos dan Burma. Memandangkan kelebihan ini Malaysia sebenarnya sesuai sebagai tulang belakang *Asian Great*.

Sekarang Semenanjung hanya ada sambungan talian, iaitu *inter connection* dengan Thailand dan Singapura. Soalannya, sejauh manakah sambungan yang sedia ada ini dapat membantu mengurangkan ketidakimbangan yang telah disebutkan oleh Timbalan Menteri dan sejauh manakah kemungkinan *black-out* sekali lagi dapat dikurangkan dan sejauh mana pula sambungan ini dapat membantu dalam pemulihan sekiranya berlaku sekali lagi *black-out*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, setengah sudah dijawab tapi minta pihak Menteri menjawab.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya sebagai rakyat Malaysia, gangguan tenaga elektrik biasa dan kerap berlaku tetapi orang ramai, pengguna-pengguna tenaga elektrik tidak merasainya kerana sistem grid yang ada di negara kita ini yang menyambungkan jana kuasa-jana kuasa yang

begitu banyak daripada utara, selatan dan juta timur ke sistem grid ini menyebabkan bekalan tenaga elektrik di negara kita sentiasa mencukupi.

Di antaranya berhubung dengan Yang Berhormat katakan tadi sambungan elektrik daripada EGAT Thailand dan juga daripada Singapura. Kadang-kadang bila bekalan elektrik tidak mencukupi, kita boleh minta daripada Thailand, begitu juga ada masa tertentu kita minta daripada Singapura dan sebab itu keadaan elektrik sentiasa stabil di negara ini. Tetapi kejadian pada Januari yang lepas, *supply* yang hendak diminta daripada Thailand ataupun Singapura tidak mencukupi maka dengan itulah berlakunya *black-out* tempoh hari.

Saya juga telah menyatakan bahawa Tenaga Nasional Berhad telah berusaha untuk mengimbangkan dari segi pembangunan elektrik ini. Kerana pada hari ini, untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan jana kuasa yang ada di negara kita terletak di sebelah utara, manakala permintaan yang banyak terletak di kawasan tengah dan juga di selatan. Maka hari ini, sebagaimana yang telah saya jawab tadi kebanyakan jana kuasa-jana kuasa yang baru yang dicadangkan oleh pihak kerajaan atau Tenaga terletak di bahagian selatan antaranya adalah Janakuasa Tunku Jaafar di Port Dickson, Janakuasa Tanjung Bin di Johor dan begitu juga Stesen Janakuasa Jimah Energy Venture yang terletak di Lukut.

Dengan terbinanya lebih banyak jana kuasa di kawasan tengah dan selatan ini supaya kita tidak terlalu bergantung kepada jana kuasa yang terletak di kawasan utara untuk membekalkan jana kuasa elektrik di kawasan tengah dan juga kawasan selatan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Timbalan Menteri, jawapan dengan penuh perasaan. Soalannya. Yang Berhormat mengatakan bahawa jana kuasa diletak di sebelah utara tetapi kami di sebelah utara juga menghadapi masalah, putus *current* ini, api tidak sampai. Dan, apabila saya buat siasatan terperinci, *[Disorak]* saya dapati bahawa kabel-kabel yang digunakan terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar adalah kabel selepas kita mencapai kemerdekaan, ini termasuklah di negeri Perak. *[Disampuk]* Sebelum merdeka dan selepas merdeka sedikit. Jadi, maknanya kabel itu lama sudah dan perlu

ditukar. Jadi, apakah *social contribution*, dengan izin, Tenaga Nasional kepada masyarakat luar bandar.

Tadi Yang Berhormat bagi Titiwangsa bercakap fasal bandar. Di luar bandar juga, Tuan Yang di-Pertua, mereka beli ikan, bila api tidak ada, sehari dua, ikan habis, kesian orang kampung. Jadi, apakah *social contribution* kerana lampu-lampu luar bandar RM10 pun kadang-kadang Tenaga Nasional minta. Sampai ada kerajaan pasang lampu luar bandar, api tidak ada dan mereka telah membuat keputusan hendak gantung *touch light* di tiang lampu Tenaga Nasional yang tidak berapi. *[Ketawa]* Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak larat hendak jawab soalan Yang Berhormat bagi Jerai ini, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, suka saya nyatakan dalam masa antara 2005 hingga 2010 ini, Tenaga Nasional Berhad akan membelanjakan sekitar RM8 bilion untuk memperkukuhkan sistem grid dan juga talian *transmission* yang ada di negara kita ini, supaya dengan pengukuhan ini diharapkan dapat membantu memberi bekalan elektrik yang berkualiti kepada seluruh rakyat negara ini, sama ada di bandar dan di luar bandar.

Di masa yang sama, kita jangan ingat Tenaga Nasional Berhad untungnya terlalu banyak. Kalau dilihat dari segi wang ringgitnya mungkin agak besar tetapi kalau kita lihat dari segi *Return Of Investment*nya (ROI) adalah begitu kecil jika hendak dibandingkan dengan pelaburan yang telah dilakukan oleh Tenaga Nasional. Sekian, terima kasih.

6. **Tuan Mohamed Yusop bin Majid [Setiu]** minta Perdana Menteri menyatakan kadar dan masalah penceraian di kalangan golongan Melayu Islam yang dikatakan semakin meningkat dan menyatakan punca-puncanya serta saranan langkah-langkah yang berkesan telah, sedang dan akan diambil bagi membendung serta mengurangkan fenomena ini.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kadar peratus perceraian di kalangan golongan Melayu Islam di Malaysia secara keseluruhannya pada hari ini masih terkawal dan tidak membimbangkan, iaitu di sekitar 10% hingga 15% sejak tahun 1990 dan 2003.

Menurut kajian yang telah dibuat banyak faktor-faktor penyumbang ke arah perceraian yang mana perceraian boleh berlaku daripada punca yang sekecil-kecilnya seperti masalah langsir yang disiarkan pada 6 April yang lalu dan juga kepada masalah-masalah yang besar. Tujuh faktor utama menyumbang ke arah perceraian ialah:

(i) pasangan gagal melaksanakan tanggungjawab sebagai suami/isteri;

(ii) tahap pengetahuan agama yang rendah;

(iii) campur tangan orang ketiga, sama ada kaum keluarga, seperti mertua atau orang luar;

(iv) perbezaan budaya;

(v) masalah seksual; masalah kewangan; dan yang terakhirnya

(vi) kerjaya.

Kerajaan sentiasa prihatin dengan masalah ini dan berusaha untuk membendungnya. Di antara tindakan yang telah dan sedang diambil ialah:

(i) mengadakan kursus, bengkel, seminar kekeluargaan;

(ii) mewajibkan pasangan yang akan berkahwin supaya menghadiri kursus pra-perkahwinan;

(iii) menyebarkan maklumat kekeluargaan melalui media cetak dan media elektronik;

(iv) mewujudkan pusat pembangunan keluarga Islam dan pusat pembangunan sosial untuk memberi khidmat nasihat; dan

(v) pasangan digalakkan melalui proses kaunseling atau runding cara keluarga dahulu sebelum dibenarkan bercerai dan menetapkan melalui undang-undang setiap perceraian mestilah dilafazkan di mahkamah syariah;

(vi) mengenakan tindakan undang-undang ke atas pasangan yang bercerai di luar mahkamah, sama ada denda atau penjara, atau kedua-duanya sekali; dan

(vii) menggunakan peruntukan undang-undang terhadap mana-mana orang yang cuba mengganggu mana-mana pasangan yang telah berkahwin secara sah mengikut undang-undang.

Manakala tindakan yang bakal diambil ialah mengadakan kursus perkahwinan bagi pasangan yang telah berkahwin, mewujudkan lebih banyak pusat-pusat khidmat runding cara keluarga, menyemak, meminda serta menambah mana-mana peruntukan undang-undang pentadbiran keluarga Islam kepada yang lebih sesuai. Dengan langkah-langkah yang diambil di harap masalah perceraian di kalangan orang Melayu Islam di negara kita akan dapat dikawal dan dikurangkan lagi. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Yusop bin Majid:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Setiausaha Parlimen. Kita sedar adalah satu perkara yang sangat dibenci, dimurkai oleh Allah ialah perceraian. Antara mangsa yang menjadi pada perceraian ini ialah anak-anak, timbul masalah nafkah dan sebagainya, yang menjadi ibu tunggal, datang ke mahkamah syariah, tuntut nafkah, tidak dapat nafkah dan sebagainya adalah berpunca daripada perceraian.

Bagi bekas suami yang bekerja dengan kerajaan, langkah pemotongan gaji dapat dibuat untuk membayar nafkah kepada anak-anak dan bagi suami yang bekerja secara persendirian dan juga swasta tidak ada suatu langkah yang berkesan untuk mengenakan kepada majikan membuat potongan bagi membayar nafkah kepada anak-anak yang menjadi mangsa kepada perceraian ini. Apakah langkah-langkah yang sepatutnya diambil oleh pihak kementerian bagi memastikan masalah nafkah anak-anak akibat daripada perceraian ini dapat diurus dengan baik? Terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Setiu. Apa pun bila kita berbicara persoalan perkahwinan ia tidak harus dilihat daripada aspek negatif sahaja kerana perkahwinan ini kadang-kadang menjadi penyelesaian kepada masalah rumah tangga. Saya bersetuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat bagi Setiu, perceraian ini adalah sesuatu yang dibenci Allah tetapi ia adalah halal.

Tentang masalah pemotongan gaji dan juga nafkah anak-anak ataupun setelah perceraian, memang bagi mereka yang bekerja dengan kerajaan memudahkan lagi proses tersebut melalui potongan gaji tetapi bagi mereka yang bekerja dengan swasta ia hanya dapat diputuskan oleh mahkamah sahaja. Jadi mahkamah boleh mengeluarkan satu perintah supaya pihak swasta tadi ataupun supaya suami membayar gaji, jadi mekanisme yang terpaksa kita gunakan bagi mereka yang bekerja swasta hanyalah melalui perintah mahkamah sahaja. Terima kasih.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bagi saya 10 hingga 15% penceraian ini bukan kecil sebenarnya. Kalau kita mengambil kepada 5 juta pasangan berapa sebenarnya jumlah? Ia agak besar. Kita tidak kisahlah faktor-faktor apa yang menyebabkan perceraian tetapi masalah yang ada di depan kita, terutama sekali kepada Ahli-ahli Parlimen dan wakil-wakil rakyat, melalui proses mahkamah ini panjang tetapi ada ibu-ibu tunggal apabila berlaku perceraian proses mahkamah lambat diputuskan dan tempat mengadu ialah wakil-wakil rakyat terutama sekali wanita itu menjadi miskin serta merta.

Jadi, apakah kerajaan bersetuju supaya melalui Ahli-ahli Parlimen supaya dapat menyelesaikan perkara ini dengan cepat supaya sebuah Tabung Parlimen atau tabung apa yang kita hendak katakan supaya dapat menyelesaikan sementara keputusan mahkamah didapati. Ratusan atau ribuan anak-anak kita yang berlaku perceraian ini tidak pergi sekolah kerana berlaku kemiskinan serta-merta yang tidak dapat diselesaikan oleh mana-mana agensi ataupun jabatan kerajaan. Apakah pendirian kerajaan dalam hal ini? Terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Dungun. Saya bersetuju diadakan tabung tersebut tetapi tidak tahu sejauh mana boleh berkesan sebab apabila kita merujuk kepada proses perceraian ini ada banyak sebab mengapa perkara ini jadi lambat. Antaranya ialah kerana permohonan yang dihadapkan ke mahkamah boleh jadi adalah permohonan cerai atau permohonan lafaz cerai, sebab kadang-kadang dia cerai di mahkamah, jadi perkara ini selesai dengan cepat.

Perkara ini kadang-kadang jadi lambat sebab dia bercerai di luar mahkamah, kemudian masuk pula ke mahkamah untuk mengesahkan, ini menyebabkan perceraian itu lambat. Kadang-kadang kita harus faham bahawa ada banyak jenis perceraian yang menyebabkan kelewatan seperti cerai jenis fasakh ataupun cerai jenis taklik. Dan, kadang-kadang proses kelewatan perceraian itu sebenarnya berbalik kepada plaintif itu sendiri yang mana dia tidak hadir dan kadang-kadang kedua-dua pihak tidak hadir dan kadang-kadang apabila suami yang hendak melafazkan taklik ini timbul pula masalah untuk melantik peguam dan sebagainya. Terima kasih.

7. **Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan berapa ramaikah pesalah yang telah disabitkan di bawah Akta Dadah Berbahaya telah menjalani hukuman gantung sampai mati dari tahun 1975 hingga sekarang mengikut negeri.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sekijang. Dari tahun 1975 hingga 31 Mac 2005, sejumlah 229 hukuman gantung sampai mati telah dilaksanakan terhadap banduan yang telah disabitkan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952. Pecahan mengikut negeri seperti berikut:

| **Negeri** | **Seramai** |
|---|---|
| Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | 95 |
| Pulau Pinang | 45 |
| Kedah | 27 |
| Sabah | 23 |
| Perak | 19 |
| Perlis | 8 |
| Kelantan | 6 |
| Johor | 1 |
| Pahang | 1 |
| Terengganu | 1 |
| Sarawak | 1 |
| Negeri Sembilan | 1 |
| Selangor | 1 |
| Melaka | 0 |

Bagi banduan yang telah dijatuhkan hukuman gantung tetapi pelaksanaannya belum dibuat adalah seramai 101 orang. Terima kasih.

**Tuan Baharum bin Mohamad [Sekijang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dari jawapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dan data-data yang ditunjukkan kepada kita, kita telah berusaha untuk menghapuskan dadah ini semenjak lama dahulu. Sehingga kita telah menggubal pun hukuman gantung sampai mati semenjak lebih 30 tahun.

Tetapi kita masih lagi tidak berjaya dan mereka tidak takut pun dengan hukuman yang kita buat, saya rasa paling maksimum sekali. Kita hendak menjadikan negara kita

bebas dadah pada tahun 2015 nanti. Kalau sudah 30 tahun kita membuat hukuman ini masih lagi belum berjaya dan saya melihat perkara ini adalah sukar untuk kita kerana ia melibatkan kepada dua faktor utama, iaitu pengedar dan penagih. Yang pengedar ini hendak cepat menjadi kaya dan yang penagih ini pula hendak cepat mati.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya hukuman kita ataupun akta kita macam sudah tidak ada relevan lagi. Apa kata kita mansuhkan hukuman ini dan saya cadangkan kerajaan sendiri mengambil alih dengan memberi dadah secara percuma kepada penagih *[Ketawa]* dan kita letakkan mereka di atas pulau ataupun di mana-mana supaya kita mudah memantau kerana lagi banyak kita bagi kepada penagih ini, lagi cepat mereka mati. *[Ketawa]*

Keduanya, saya rasa pengedar dadah ini pun kalau kita sudah bagi percuma, dia tidak ada *demand* lagi. Bila tidak ada permintaan, maka secara automatiknya hendak menjadi pengedar ini sudah tidak ada lagi, sudah kurang. Bagi mereka yang sudah bosan agaknya sudah makan dadah banyak, sudah hisap dadah banyak ini, yang sudah hendak bertaubat, yang itu kita pulihkan. Saya hendak minta pendapat daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat boleh?

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan *relevancy* hukum gantung mandatori sehingga mati, kalau dilihat dari segi trend kes-kes pengedar dadah, kalau sebagai contoh:

| Tahun | Jumlah Pengedar |
|---|---|
| 2000 | 1,430 |
| 2001 | 1,858 |
| 2002 | 2,117 |
| 2003 | 1,678 |
| 2004 | 1,823 |

Dari segi angka-angka yang dinyatakan ini sebagai contoh, bahawa kes pengedaran dadah ini kita dapat mengawalnya. Ini adalah di antara sebabnya kerana kita di Malaysia ini mengadakan hukuman gantung mandatori. Seandainya hukuman

gantung mandatori ini dilupuskan ataupun tidak diguna pakai lagi, sudah tentu angka-angka yang kita dapat mengawal akan lebih tinggi daripada apa yang kita lihat pada hari ini.

Justeru itu, ia akan memberi orang-orang yang tidak bertanggungjawab yang mementingkan keuntungan, berwaspada ataupun mempunyai perasaan takut untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti dadah. Berkaitan dengan memberi percuma dadah kepada penagih, ini memerlukan kajian yang terperinci. Oleh kerana ia perlu dilihat sama ada baik atau buruknya walau pun pada suatu ketika dahulu, di mana berkaitan dengan penagih candu, ada premis-premis yang dilesenkan untuk penagih-penagih candu dibolehkan menghisap candu.

Dari segi itu, mungkin itu boleh menjadikan satu panduan kalau pihak kerajaan untuk membuat kajian. Walau bagaimanapun, saya akan mengemukakan perkara ini kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Daripada angka yang telah disebutkan oleh Setiausaha Parlimen tadi, kita dapat melihat bahawa barangkali tidak ada unsur-unsur rasa gerun dan rasa takut kepada hukuman yang telah kita kenakan.

Saya cadangkan di sini dan apakah pandangan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kalau kita cuba satu kali, cuba satu kali sahaja. Tidak usah acap kali, nanti tidak berkesan. Kita cuba melalui pendekatan Islam. Kita gantung – gantung dia. Tinggal lagi kalau kita gantung atau pun kita pancung dia di hadapan khalayak ramai, kita buat ini sebagaimana yang dilakukan di Arab Saudi, mereka dipancung ataupun digantung di khalayak ramai di hadapan masjid supaya disaksikan oleh seluruh manusia di waktu itu dan ditayangkan di televisyen.

Barangkali cara kita gantung, secara senyap-senyap ini, orang tidak takut, orang tidak gerun dan Al-Quran Al-Karim pun menyebut *[Membacakan sepotong ayat suci Al-Quran]* telah disaksikan oleh sebahagian daripada masyarakat, supaya masyarakat melihat dan masyarakat berasa gerun daripada apa yang dia lihat.

Kita sudah gantung dia sebanyak 229 orang, kemudian yang akan digantung lagi seramai 101 orang, menjadikan lebih daripada 300 orang sama ada yang akan digantung dan yang telah digantung. Apakah kementerian tidak berhasrat untuk kita

laksanakan hukuman ini melalui pendekatan Islam. Kita hendak tengok satu kali sahaja. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat. Sila jawab,** ya.

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jika hukuman hendak dilaksanakan mengikut pendekatan Islam, maka undang-undang kita perlu dibuat kajian terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, apa yang dilihat walau apa cara sekalipun kerana pengedar-pengedar dadah ini adalah merupakan manusia yang mana ada di antaranya begitu penting dan tamak kepada imbuhan-imbuhan yang lumayan. Oleh itu, sudah pasti apa tindakan yang diambil bahawa ada berlakunya pengedaran dadah di tempat kita ini.

**8. Tuan Richard Riot anak Jaem [Serian]** minta Menteri Pelajaran menyatakan rancangan kementeriannya untuk membaik pulih, menaik taraf dan membina baru sekolah-sekolah di negeri Sarawak yang kebanyakannya dalam keadaan daif dan uzur.

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa memberi keutamaan kepada membaik pulih, menaik taraf dan mengganti sekolah-sekolah yang daif dan usang bagi menyediakan suasana yang *conducive* dan selamat bagi pengajaran dan pembelajaran di seluruh negara.

Walau bagaimanapun, skop dan pelaksanaan projek bergantung kepada keperluan dan keutamaan termasuklah sekolah-sekolah di negeri Sarawak. Bagi sekolah-sekolah di negeri Sarawak, Kementerian Pelajaran Malaysia sememangnya memberi perhatian dan keutamaan, khususnya bagi sekolah-sekolah yang daif di kawasan pedalaman.

Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri telah mengadakan beberapa siri lawatan ke Sabah dan Sarawak untuk mendengar dan melihat sendiri keadaan sekolah di sana. Di peringkat Kementerian Pelajaran, cadangan termasuk input daripada Ahli-ahli Parlimen dari Sarawak untuk membantu sekolah-sekolah yang daif di sana telah diambil kira dalam penyediaan Rancangan Malaysia Kesembilan. Terima kasih.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, Yang Berhormat.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pada masa ini sedang dilaksanakan projek-projek pembaikpulihan sekolah-sekolah rendah di negeri Sabah. Persoalan di sini ialah pelaksanaan dan peruntukan itu tidak disalurkan melalui Jabatan Pendidikan Negeri tetapi disalurkan melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan.

Persoalannya di sini ialah kenapakah peruntukan ini disalurkan melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan dan bukan melalui Jabatan Pendidikan sehinggakan pegawai-pegawai Pendidikan Daerah sendiri pun tidak tahu tentang pelaksanaan projek ini, sedangkan yang mengetahui manakah sekolah yang perlu dibaiki adalah pegawai-pegawai Pendidikan Daerah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** Terima kasih. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat yang begitu prihatin terhadap projek yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Saya memang akui apa jua cara untuk melaksanakan projek-projek tentulah ada kelemahan. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran akan sentiasa memantau supaya projek-projek yang telah diluluskan dapat disiapkan dalam jangka masa yang telah ditetapkan.

Walau bagaimanapun, kita akan terus memantau supaya projek itu dapat kita laksanakan demi kepentingan pelajar di kawasan-kawasan pedalaman.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekianlah sesi jawab lisan pada pagi ini.

***[Masa bagi pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat]***

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN PERTUKARAN WANG (PINDAAN) 2005

### Bacaan Kali yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang’ ***[12 April 2005]***

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menyambung jawab.

**11.11 pg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menyambung semula penggulungan mengenai perbahasan pindaan rang undang-undang ini pada hari semalam. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang yang menyokong dan juga mencadangkan supaya pindaan akta ini dapat meningkatkan lagi penalti serta memasukkan peruntukan mengenai pengiklanan dan akan mempertingkatkan lagi kuasa pengawalan bagi memastikan tindakan terhadap wang haram ini tidak berleluasa.

Pihak Bank Negara telah pun memasukkan dengan denda ataupun penalti seperti mana yang telah saya bentangkan itu, kita lihatlah insya-Allah, kalau perlu lagi peningkatan denda dan sebagainya kita akan tingkatkan lagi. Manakala berkaitan hukuman bagi pengiklanan, tidak ditingkatkan sama dan kesalahan-kesalahan bagi perniagaan mata wang asing haram. Kita tidak mempertingkatkan kes ini kerana sifat kesalahan pengiklanan itu sendiri merupakan, dengan izin, *nature of the offence* dan ia tidak sama seriusnya jika dibandingkan dengan aktiviti perniagaan mata wang asing haram itu sendiri. Oleh itu, penalti bagi pengiklanan adalah sama dengan kesalahan-kesalahan lain dalam Akta Kawalan Pertukaran Wang Asing.

Yang Berhormat bagi Bandar Kuching membangkitkan pindaan ini sebagai merupakan *setback* kepada perkembangan dan pembangunan sistem kewangan

negara. Yang Berhormat juga bertanya sama ada langkah-langkah yang diambil ini bertentangan dengan usaha-usaha meliberalisasikan peraturan pertukaran wang asing yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tujuan kita meminda Akta Kawalan Pertukaran Wang Asing ini adalah supaya peruntukan-peruntukan mengenai penguatkuasaan dan penyiasatan serta penyelarasan hukuman denda, tempoh hukuman penjara, amaun kompaun dan pemantauan pengaliran dana luar jangkaan dari Malaysia yang wujud dikukuhkan untuk memastikan bahawa aktiviti-aktiviti yang boleh menggugat kestabilan kewangan dan ekonomi negara dapat dicegah atau dikesan dengan *efektif*.

Pindaan ini juga bertujuan untuk menambah sekatan baru kepada pengaliran wang keluar Malaysia tetapi ia tidak bertujuan untuk menyekat pengaliran wang keluar Malaysia tetapi ia hanya bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan peruntukan yang sedia ada. Ia juga bagi memastikan dana dalam negara dapat digunakan bagi tujuan-tujuan yang bermanfaat kepada negara. Oleh itu, pindaan baru ini bersifat *complementary* dan tidak bertentangan dengan langkah-langkah liberalisasi yang kita bentangkan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bandar Kuching juga menyatakan terdapat, dengan izin, *net worth loss* oleh pelabur-pelabur asing berikutan tambatan ringgit yang menjadi dasar kepada negara kita. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan maklum balas daripada beberapa pelabur asing di Malaysia, tambatan ringgit telah membolehkan mereka beroperasi dengan lebih tersusun.

Pelabur-pelabur asing juga tidak menghadapi risiko pertukaran asing berbanding dengan Dollar Amerika memandangkan nilai Ringgit telah ditambatkan kepada nilai Dollar Amerika. Oleh yang demikian , kerugian *net worth loss* yang dinyatakan itu tidak berlaku. Sebaliknya ia memberikan ................

**Tuan Chong Chieng Jen:** Minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Saya habiskan dahulu. Sebaliknya ia memberikan kestabilan kewangan kepada pengimport dan pengeksport dalam membuat urus niaga mereka serta dalam menyediakan bajet tahunan mereka. Kestabilan ini juga menyokong keyakinan pelabur asing terhadap Malaysia. Sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] ***mempengerusikan Mesyuarat]***

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya kata bukan *net worth loss but dead weight loss.* Itu adalah satu terminologi ekonomi yang membayangkan satu *wastage to the society* yang diakibatkan oleh kerana harga satu komoditi tidak ditetapkan oleh kuasa pasaran - itu adalah kuasa *demand and supply.* Segala pakar-pakar ekonomi akan faham memahami, bahawa sekiranya satu komoditi, sekiranya harganya tidak ditetapkan di tahap di mana *demand meets the supply* dia akan mengakibatkan satu *dead weight loss.* Itu yang saya sebut mengenai penetapan ringgit pada tahap ringgit Malaysia 3.8 kepada US dollar, satu. Saya harap Yang Berhormat tidak salah faham apa yang disebut. Apa yang saya sebut ialah *dead weight loss. It is a loss, is a wastage, loss of the utilities* dalam terma ekonomi bukan *net worth loss.*

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita faham dan sebagaimana Yang Berhormat katakan itu satu bidang untuk sebagai dasar kerajaan melihat tambatan ini bukan pada satu bidang atau satu perkara sahaja, tetapi kita melihat di segi banyak perkara. Dan sebagaimana yang saya sentuh tadi dari segi pelabur dan kesan kepada ekonomi negara dan menjawab sama dengan apa yang dibangkitkan atau ditanya oleh Yang Berhormat bagi Kepong. Hasil atau kesan dari pelabur tadi kenaikan ataupun kedudukan FDI dalam negara boleh saya katakan FDI telah meningkat hasil daripada kedudukan tambatan ini kepada 24.8 bilion ringgit pada tahun 2004 berbanding 19.9 bilion ringgit pada tahun 2003. Ini memberi kesan bahawa pelaburan asing terdapat dalam semua sektor yang termasuk dalam bidang perkhidmatan, perkilangan, minyak, gas dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa ada membangkitkan pada Dewan bahawa.....

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bera bangun.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Sila, Bera.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri saya ingin bertanya tentang kesan dari segi tambatan nilai wang kita. Kalau kita lihat nilai wang Amerika semakin lemah berbanding dengan nilai mata wang lain seperti Euro, Yen dan sebagainya dan dari kajian pakar ekonomi mengatakan bahawa ekonomi Amerika akan terus lemah dan akibatnya nilai mata wang Amerika akan terus menurun. Jadi dari segi jangka panjangnya tahulah kesannya kepada kita dan kesan dari segi import barangan, kesan kepada kita apabila membeli barangan daripada luar, yang mana apabila nilai wang kita semakin lemah, tentulah kita akan terpaksa membeli barang dengan harga yang lebih mahal daripada sepatutnya. Jadi dari segi jangka panjangnya saya hendak tahu, dari segi import dan sebagainya.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya wakil Bera. Tambatan ini sebenarnya saya hendak jawab di belakang nanti maka saya dahulukan. Memang sebagaimana kata Yang Berhormat tadi kesan dari segi jangka panjang malah jangka pendek juga ia berlaku kepada pihak-pihak tertentu terutamanya pengimport dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kita telah bercakap mengenai tambatan ringgit ini terlalu banyak.

Pada saya satu ketika dulu kita mengadakan dasar ini adalah untuk memastikan kita menghadapi keadaan ekonomi pada ketika itu, maka ia merupakan satu strategi pada negara kita. Jadi telah banyak kita perkatakan, malah kita mengandaikan juga tambatan ini juga sebagai salah satu menyebabkan turun naiknya pasaran saham kita, tetapi sebenarnya yang berlaku turun naik pasaran saham itu bukan semata-mata kepada perkara ini, tetapi saya akui ada kontra dan ada *pro and con* mengenai isu ini. Tetapi cukup saya katakan Yang Berhormat bahawa kerajaan melihat perkara ini bukan sebagai satu sudut seperti saya kata tadi, tetapi melihat secara menyuluh dan yang pastinya pada ketika ini ekonomi negara kita masih terus mendapat manfaat yang tinggi daripada sistem tambatan ringgit ini, kerana kestabilan nilai ringgit pada bahagiannya telah mendorong perkembangan perdagangan dalam negara dengan negara-negara serantau. Negara serantau telah menjadi rakan perniagaan negara yang kian penting. Ekonomi negara juga telah berkembang secara mapan. Pengangguran berada di tahap yang rendah. Imbangan pembayaran berada dalam keadaan yang selesa. Rizab mata

wang asing negara juga mencapai paras yang tinggi. Hutang luar negara juga dalam keadaan terkawal. Secara keseluruhannya ia melihat kepada manfaat ini.

Juga Yang Berhormat saya akui cadangan ataupun apa yang dibangkitkan semalam oleh Yang Berhormat, pada hari ini kerajaan ataupun Bank Negara sebenarnya sentiasa terus berwaspada terhadap perkembangan ekonomi antarabangsa dan implikasinya ke atas ekonomi dan dasar negara termasuk dasar yang berkaitan dengan pertukaran mata wang ini juga.

Kajian semula dasar mengenai ringgit hanya akan dilakukan sekiranya ringgit dijangka mengalami salah jajaran yang berpanjangan ekoran daripada perubahan struktur yang besar dalam sistem kewangan antarabangsa dan serantau atau sekiranya sistem sekarang ini tidak lagi sesuai dengan asas ekonomi negara. Pada masa sekarang tambatan ringgit ini adalah sebagaimana yang saya katakan tadi berada di paras yang masih terkawal, dan disokong dengan asas ekonomi dan terus membawa manfaat kepada ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa ada menjelaskan, ada berlaku pengapungan ataupun terdapat mata wang dalam bentuk nilai RM500 dan RM1,000 yang jumlahnya berbilion ringgit, yang dinyahnilaikan di luar negara terutamanya di Singapura.

Untuk makluman Yang Berhormat saya ingin menjelaskan bahawa kenyataan yang terdapat sejumlah berbilion ringgit nilai mata wang itu, yang telah dinyahnilaikan di luar negara adalah tidak benar sama sekali berdasarkan buletin ataupun suara rasmi Bank Negara buletin perangkaan bulanan Bank Negara. Jumlah mata wang ringgit yang kini di pasaran adalah seperti berikut.

Laporan ini Disember 2004: Wang dominasi RM500 berjumlah RM78.8 juta, manakala dominasi RM1,000 berjumlah RM37.1 juta. Saya ingin menegaskan bahawa wang RM500 dan RM1,000 ini tidak mempunyai nilai untuk tujuan urus niaga dan tidak boleh diniagakan di luar Malaysia mahupun dengan bank tempatan. Sekiranya terdapat wang kertas tersebut, wang kertas tersebut hanya boleh ditukarkan kepada nilai yang sama dengan Bank Negara Malaysia jika ia tulen. Maka saya ingat Yang Berhormat boleh nasihatkan kawan-kawan Yang Berhormat supaya bawa pulang ke Bank Negara untuk memastikan mereka dapat nilai yang sama ke atas nilai ringgit pegangan mereka

sekarang ini. Kepada orang awam kita nasihatkan agar tidak terpedaya dengan skim yang menjanjikan keuntungan dengan membeli wang RM500 dan RM1,000 ini. Sekiranya terdapat ....

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Satu ayat sahaja lagi Yang Berhormat Pasir Puteh. Sekiranya terdapat kegiatan yang begitu rupa yang seperti mana dibangkitkan berleluasa oleh Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa itu, kita nasihatkan kepada orang ramai supaya melaporkan kepada Bank Negara dan juga pihak polis dengan segera. Sila.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya dengar RM37.1 juta kalau tidak silap tadi yang harga RM1,000 kemudian yang RM500 itu ada RM78.8 juta. Jadi kalau boleh duit ini duit di luar, walaupun kita benarkan ditukar di Bank Negara di segi *sadduz zarai'* kita ambillah, pasal kita negara Islam ni, siasah syariah. Hari ini sebenarnya kerajaan sudah menjalankan undang-undang Islam. Kita tidak sebut tidak *declare* Islam, tetapi Yang Berhormat bagi Pasir Mas sebut tadi pun saya hendak betulkan balik. Takzir tu pun sudah Islam. Sampai hukum gantung dan hukum hudud hendak buat di khalayak ramai tu cuma teknikal sahaja, *technical error*.

Jadi terima kasih kepada Pasir Mas hendak cara Islam. Memang kerajaan sudah buat Islam. Yang ini juga kita mesti jalankan secara *sadduz zarai'* bagaimana kita hendak mencegah apa yang berlaku di luar negara ini, tukar di Bank Negara kenakan denda kepadanya. Kena ambil tindakan juga kepada mereka yang menyimpan wang ini kerana melenyapkan nilai wang kita di luar negara, beri tiga sebatan. Setuju tak? Terima kasih.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Sebenarnya ini adalah baki yang tertinggal barang kali mereka hendak manipulasikan mata wang negara kita sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa dan kita akan mengambil kira. Tetapi sebenarnya kita masih lagi sebagaimana saya katakan tadi kepada orang awam jangan percaya kepada

skim-skim yang ketinggalan ini, tetapi jumlah ini sahaja. Kepada mereka kita beri peluang lagi untuk menukar. Sekiranya tulen tukar laku hanya di Bank Negara Malaysia.

Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh di atas cadangan itu. Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa juga membangkitkan supaya kerajaan melonggarkan had RM50,000 bagi penyediaan bank draf di luar negara bagi tujuan pembiayaan pendidikan dan sebagainya. Sebenarnya Yang Berhormat kepada pemastautin yang tidak mempunyai pinjaman tempatan boleh menghantar dana ke luar negara tanpa sebarang had ke atasnya. Maksudnya kepada kita yang tidak ada pinjaman tempatan tidak ada masalah. Begitu juga kepada mereka yang mempunyai pinjaman tempatan masih boleh menghantar dengan jumlah seperti berikut.

USD150,000 bersamaan RM70,000 ke akaun mata wang asing yang disimpan di bank-bank berlesen di Malaysia.

USD150,000 bersamaan RM570,000 juga ke akaun mata wang asing yang disimpan di bank-bank berlesen di Labuan.

USD50,000 yang berdasarkan jumlah RM190,000 ke akaun mata wang asing yang disimpan di bank-bank luar negara.

Ini bererti kepada pemastautin yang belajar atau bekerja di luar negara boleh menghantar sehingga sejumlah RM760,000 ke luar negara dan menyimpan sejumlah RM570,000 dalam akaun mata wang asingnya di Malaysia. Oleh yang demikian, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu adalah kenyataan yang tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan kita daripada Jerai, Pengkalan Chepa dan Puchong juga ingin menyarankan kerajaan mengenai penggunaan dinar emas, wang emas dinar di kalangan negara-negara Islam dan negara-negara di peringkat Asean. Dalam perkara ini kerajaan telah menjalinkan kerjasama yang rapat dengan pihak Bank Pembangunan Islam *(Islamic Development Bank*) atau IDB untuk melaksanakan mekanisme peraturan pembayaran perdagangan berasaskan emas *Gold-Based Trade Payment Arrangeme*nt ataupun GTPA. Ini kita banyak salah faham. Berkali-kali diterangkan di Parlimen juga di luar. Sebenarnya penggunaan dinar emas ini bukan bentuk mata wang baru, tetapi pembayaran kepada perdagangan berasaskan emas di kalangan negara-negara anggota Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam ataupun OIC. Pada bulan September tahun 2003....

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Puchong.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Sila.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Semalam apa yang hendak saya cadangkan kepada Yang Berhormat bagi Jerai ialah saya hendak tanya bagaimana kita boleh menggunakan dinar ini sebagai satu mata wang pertukaran asing, kerana kalau tidak silap saya negara kita ini kebanyakan perdagangan antarabangsa ini adalah berasaskan kepada US dolar, itu cadangan saya bukan saya mencadangkan untuk menggunakan dinar sebagai pertukaran asing. Itu satu penjelasan.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Ya, perkara ini dibangkit oleh Jerai dan dicelah oleh Puchong. Terima kasih Yang Berhormat. Jawapan saya pun begitu juga bahawa bukanlah maksudnya kita hendak menukar Ringgit Malaysia kepada Dinar Emas ataupun Dolar Amerika kepada Dinar Emas.

Untuk situasi ini pada bulan September 2003, IDB telah menganjurkan bengkel JTPA di kalangan pakar yang telah menerima cadangan JTPA dengan sebulat suara. Berikutan itu, ketua-ketua negara OIC ketika Sidang Kemuncak OIC Ke-10 pada bulan Oktober 2003 juga telah bersetuju memasukkan mekanisme JPTA ini ke dalam deklarasi Putrajaya, supaya mekanisme ini di terima pakai oleh negara-negara anggota OIC.

Dari segi, rundingan dua hala pula, kerajaan juga telah menggunakan beberapa buah negara termasuk negara bukan anggota OIC yang berminat untuk melaksanakan mekanisme JTPA ini. Walaupun kebanyakan negara tersebut menyokong konsep penggunaan emas, sebagai alternatif kepada penyelesaian perdagangan antarabangsa, negara-negara berkenaan memerlukan masa untuk mengkaji mekanisme ini. Kerajaan telah berusaha mempromosikan JTPA dan sedang mencari peluang-peluang baru dengan negara yang berminat melaksanakan mekanisme ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jerai, meminta keterangan sama ada kerajaan telah mengadakan mekanisme untuk mengawal pengiriman wang keluar negara oleh pekerja asing dengan menggunakan orang tengah ataupun *runner*. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sentiasa memantau keadaan dan memastikan

pengiriman wang dijalankan adalah melalui saluran yang sah iaitu institusi-institusi perbankan yang sedia ada.

Selain daripada itu, kebenaran khusus juga telah diberi kepada beberapa institusi kewangan untuk memudahkan lagi kepada orang ramai mengendalikan pengiriman wang ini, terutamanya kepada Bank Simpanan Nasional dan juga Pos Malaysia Berhad. Adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 30 Akta Pengurupan Wang 1998 untuk membuat kiriman wang melalui pengurup wang ataupun *money changer*. Mana-mana pengurup wang yang disabitkan kesalahannya boleh didenda tidak melebihi RM100,000. Bank-bank Perdagangan juga menyediakan perkhidmatan pengiriman wang ke negara-negara asing seperti Indonesia, Filipina, Bangladesh dan Nepal. Secara kerjasama langsung dan bagi kemudahan orang awam……

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** ……terutamanya pekerja-pekerja asing yang disarankan…..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Beluran.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Ya, disarankan untuk menggunakan saluran yang sah untuk pengiriman wang ke luar negara ini. Sila.

**Datuk Ronald Kiandee:** Tuan Yang di-Pertua, sejauh mana tegahan, larangan untuk mengirim wang melalui *money changer* ini dipantau secara serius oleh kerajaan. Kerana saya melihat, kalau baca di surat khabar pernah didedahkan oleh *The New Straits Times* umpamanya, pengiriman wang melalui *money changer* ini merupakan satu industri yang besar, yang mempunyai *volume* kewangan yang besar. Dan negara-negara yang terlibat seperti pengiriman wang ke India umpamanya. Dilaporkan, dimaklumkan dalam akhbar bahawa ini merupakan satu *business* yang besar yang dilakukan oleh *money changer* dengan memberi perkhidmatan yang *personalize* di mana perhubungan mereka dengan *money changer* di negara India umpamanya, menghantar wang yang dikirim itu *direct to the door step* pada penerima yang ada pada di India.

Sejauh mana, perkara ini dipantau oleh kerajaan. *How serious*, berapa orang, berapa ramai yang sudah dikenalkan kerana saya melihat ada *loophole* ini yang tidak

dapat dilihat oleh kerajaan dari segi undang-undang yang ada disebabkan oleh hubungan antara *money changer* di sini dengan *money changer* yang berada di luar negara. Sudahkah kerajaan melihat perkara ini sampai satu tindakan yang perlu diambil untuk mengemaskinikan industri besar ini agar ianya dapat diperbaiki pada masa hadapan. Terima kasih.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya disedari kegiatan *money changer* ini. Kepada mereka yang sedar, mereka yang diketahui walaupun pakai kain sebenarnya wangnya banyak. Dalam konteks ini selain daripada Akta Pengurupan Wang 1998, Yang Berhormat, kita juga sentiasa menasihatkan orang ramai supaya mengguna pakai, sebagaimana yang saya katakan tadi institusi-institusi kewangan yang sah. Lagipun begitu untuk memastikan tindakan serta pemantauan yang lebih cekap dalam mengelak kerugian kepada negara dalam soal ini, pihak Bank Negara dan pihak kerajaan ingin mengalu-alukan kepada semua pihak supaya membuat aduan yang tepat kepada aktiviti ataupun mana-mana pengurup wang yang melanggar peraturan negara, yang kita tahu mereka ini mempunyai rangkaian di seluruh dunia dan tanpa laporan ataupun aduan yang tepat maka tindakan daripada pihak Bank Negara ataupun untuk menguatkuasakan akta ini tidak dapat kita lakukan. Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Puchong.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Sila.

**Tuan Lau Yeng Peng :** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Beluran. Sedarkah Yang Berhormat ini satu masalah yang serius. Sebagai contoh kerana kita ada sekatan daripada pertukaran asing untuk ringgit, sekarang ini mereka buat secara berleluasa. Sebagai contoh, kalau seorang Malaysia ini dia hendak keluarkan wang RM1 juta ke luar negara, sebagai contoh Singapore mereka menggunakan *money changer* di sini dan mereka akan telefon *money changer* di sini, saya akan bayar RM1 juta di sini dan wang itu akan automatik akan *transfer* di Singapore dan dia juga ada satu pilihan, sama ada penyimpan ini hendak dalam bentuk wang Singapore Dollar, US Dollar ataupun Euro dan sebagainya. Ini memang berlaku.

Persoalan saya ialah adakah di bawah akta ini, bahawa setiap *money changer* ini, mereka menerima apa-apa sebarang pertukaran sebagainya, adakah mereka satu rekod ataupun *statement* yang di mana mereka sepatutnya hantar ke Bank Negara. Kalau tiada saya harap ini memang satu cara untuk mengurang ataupun menyelesaikan masalah yang sedang berlaku berleluasa ini.  Harap dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita sedar laporan daripada *money changer* ke Bank Negara memang ada. Tetapi kepada mereka yang menggunakan transaksi-transaksi yang di luar kawalan ini sebenarnya mereka mempunyai cara tertentu dan sokongan tertentu. Dalam konteks ini, sebenarnya *money changer* pun menggunakan tambatan, kita tidak ada masalah dengan tambatan ini.  Tetapi sebagaimana saya kata tadi sekiranya terdapat, Bank Negara sentiasa memantau dan mengadakan serbuan-serbuan ke premis-premis yang dilaporkan dan kita memerlukan laporan yang tepatlah.  Sebab kita ketahui semua kegiatan ini sangat licin, rangkaiannya besar dan buktinya sukar kita dapat tanpa laporan yang terperinci daripada pihak-pihak yang terlibat.

Yang Berhormat, izinkan saya untuk meneruskan mengenai rang undang-undang ini.  Yang Berhormat Kepong ada membangkitkan mengenai sub-perenggan 7(2) iaitu peruntukkan mengenai penalti dan adakah *clause* ini bagaimana untuk dikuatkuasakan. Seperti yang telah dilaporkan bahawa empat kes berkaitan perniagaan mata wang asing haram yang telah dibawa ke mahkamah, di mana tertuduh dalam kes-kes tersebut telah mengaku salah di atas kesalahan mereka.

Memandangkan hukuman yang telah dikenakan terhadap pesalah telah ditingkatkan, adalah kita harap bahawa ia akan menghalang aktiviti ini dan mencegah daripada berleluasa.  Kalau dahulu mereka hanya mengaku salah sebab dendanya kecil tetapi hari ini mungkin dengan kita meminda rang undang-undang ini mereka akan berfikir lebih daripada itu untuk membuat kesalahan.

Untuk makluman Yang Berhormat, hukuman baru yang dicadangkan ini jauh lebih berbeza dan tidak juga berbeza berbanding dengan akta-akta yang lain.  Kita ada lagi Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989, Akta Insurans 1986 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 yang berkaitan dengan ini.

Dalam ucapan Yang Berhormat bagi Kepong yang dicelah oleh Yang Berhormat bagi Tumpat yang menyebut mengenai ketelusan Bank Negara terhadap rizab negara yang dilaporkan pada 31 Mac 2005. Laporan Rizab Bank Negara yang dilaporkan oleh Bank Negara pada 31 Mac 2005 disiarkan secara langsung dalam sidang akhbar dan laman web Bank Negara sebenarnya melalui www.bnm.gov.my yang mana kenyataan yang dibangkitkan itu tidaklah sebagaimana yang digambarkan. Dalam laporan tersebut, Bank Negara telah memberi penjelasan yang benar, telus mengenai penurunan rizab antarabangsa itu disebabkan kerugian penilaian semula sebanyak USD1.2 bilion bagi suku tahun pertama 2005. Ini adalah disebabkan oleh kenaikan semula nilai US dollar berbanding dengan mata wang asing utama yang lain dalam suku tahun berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bagan ada bertanya mengenai kriteria untuk mendapatkan lesen pengurup wang. Yang Berhormat juga bertanya sama ada Bank Negara telah membekukan lesen pengurup wang ini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, lesen perniagaan pengurup wang ini untuk mendapatkannya, seseorang pemohon mestilah pertamanya, menubuhkan sebuah syarikat; kedua, mempunyai modal berbayar yang minimum yang tidak terjejas oleh kerugian sebanyak RM100,000 atau apa-apa amaun yang boleh ditetapkan oleh Menteri Kewangan.

Selain daripada itu juga, di bawah Seksyen 32 akta tersebut, kelulusan bertulis hendaklah diperolehi bagi melantik seorang pengarah syarikat yang akan mempunyai kawalan ke atas perniagaan pengurupan wangnya dan pengarah tersebut hendaklah memenuhi kriteria minimum orang yang layak dan sesuai seperti dinyatakan dalam perenggan satu, Jadual Kedua akta itu yang dia sebagai tidak bankrap dan sebagainya. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Bank Negara tidak membekukan pengeluaran lesen pengurup wang ini kepada mereka yang layak.

Yang Berhormat bagi Bagan juga menyentuh dan memberi pandangan mengenai soal lesen kedai pajakan yang dikatakan berkaitan dengan aktiviti Along dan bagaimana pihak Bank Negara mengawal kedai pajakan di negara kita ini. Memang benar lesen pajakan ini berada di bawah kawalan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan untuk makluman Yang Berhormat, Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953, pengawal pertukaran wang itu telah mengeluarkan *Exchange Control Gold Exemption Order 1986*

yang mengecualikan segala urusan berkenaan dengan emas daripada mendapat kebenaran pengawal. Jadi apabila dikaitkan dengan Along dengan perniagaan cepat untuk mendapat keuntungan, kita berharap, pihak kerajaan berharap orang ramai, orang awam akan sentiasa berhati-hati dalam melaburkan atau meletakkan nilai harta mereka bagi mengelakkan dari terperangkap atau menanggung kerugian yang besar dalam skim atau sistem ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menutup, akhirnya saya ingin menjelaskan juga apa yang dibangkitkan oleh rakan kita, Yang Berhormat Ledang mengenai kenyataan Ketua Pengarah Kastam di Johor Bahru bahawa kerajaan telah kerugian pada tahun lepas berjumlah hampir RM7 bilion lebih adalah disebabkan kebocoran cukai.

Yang Berhormat, sebenarnya apa yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah Kastam itu adalah andaian kita, bukan ketidakcekapan kita. Maksudnya, kita mengutip cukai pada tahun lepas dengan baik, malahan melebihi daripada sasaran kita tetapi andaian kita jika kita mempunyai, bukan sekadar mempunyai tetapi dengan tahap serta usaha kita pada tahun ini, mendatang ini untuk memastikan tidak berlaku sebarang kebocoran dan kita anggarkan dalam keadaan kita mengutip cukai dengan baik ini, masih terdapat sejumlah hampir RM7 bilion lebih cukai-cukai yang dapat dilarikan oleh peniaga. Jadi, ini maksudnya.

Ini banyak kaitan dengan kedudukan pasaran ketika ini, contoh yang diberikan ataupun contoh yang ketara mengenai Konvensyen WTO yang diguna pakai di seluruh dunia pada hari ini di mana barang-barang yang dibawa masuk ke negara kita ataupun ke mana-mana negara mesti diiktiraf terhadap *declared value* ataupun pengesahan harga yang dibawa masuk. Maknanya kita kena iktiraf bahawa ikrar inilah yang mesti diiktiraf dan tidak perlu diragukan. Sesuai dengan ini, kita mengambil contoh oleh pihak Kastam, industri seramik contohnya, yang dibawa masuk pada tahun lepas mengikut nilai kita hampir RM20 bilion tetapi oleh kerana barangkali ikrar ini ataupun pengisytiharan ini dipalsukan ataupun *declaration* ini dipalsukan maka cukai yang kita kutip sebanyak 35% daripada RM20 bilion ini sepatutnya berjumlah RM6 bilion tetapi mengikut statistik, jumlah cukai yang kita kutip hanya tidak sampai RM1 bilion.

Ini maksud pada pihak Kastam dalam usaha meningkatkan, menambah atau memastikan tidak berlaku masalah ini maka tema Hari Kastam yang akan disambut pada tahun ini diberi tema "Membanteras *Commercial Fraud*", yang mana kita berazam untuk meningkat kemampuan pegawai-pegawai kita untuk menilai dan melihat dokumen-dokumen transaksi ini ataupun pengisytiharan ini dengan betul. Kalaulah seramik itu contoh, harganya RM10 tetapi dinilai dengan RM1 maka pegawai kita dapat memastikan nilai RM1 yang dikira itu adalah salah. Ini melibatkan barangkali latihan kepada pegawai kita dan ini sedang dilaksanakan dan ....

**Datuk Ronald Kiandee:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Beluran.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Ya Yang Berhormat.

**Datuk Ronald Kiandee:** Perkara yang sama. Saya minat dengar pendedahan yang begini, adakah kelemahan ini disebabkan oleh undang-undang – *loophole in the law* ataupun disebabkan oleh kelemahan kakitangan, maka perkara seperti *under-valued* ini boleh berlaku dalam sistem percukaian kita. Saya rasakan bahawa kalau ini berlaku di Johor untuk produk itu, tentu banyak lagi produk-produk yang masuk ke negara ini yang boleh juga berlaku di*under-declared*, boleh berlaku perkara *under-declared* ini. Adakah ini disebabkan oleh kelemahan kakitangan ataupun kelemahan sistem yang ada?

Tuan Yang di-Pertua, jika perkara ini disebabkan oleh dua faktor ini maka kerajaan saya rasakan perlu memperbaiki sistem kita, memperbaiki kakitangan yang ada. Ia suatu *'business'* yang besar – tidak boleh diambil tindakan oleh kerajaan. *Now that you know*, sekarang pihak kementerian mengetahui bahawa ada elemen *under-valued* ini berlaku. *So* langkah dan tindakan mesti diambil oleh kerajaan untuk menentukan bahawa perkara ini ditangani dengan baik di masa hadapan. Terima kasih.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Minta maaf. Nak tanya perkara yang sama, yang sama tadi.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Ya, Yang Berhormat bagi Ledang.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri tadi menyebut ikrar WTO. Adakah ikrar itu sebagai satu komitmen atau pun satu undang-undang yang perlu dipatuhi kerana ia ada kaitan dengan yang disebut oleh sahabat saya Yang Berhormat bagi Beluran tadi. Sekian, terima kasih.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Terima kasih Yang Berhormat. Tadi saya beri contohlah, sebenarnya dalam WTO *Convention* ini diguna pakai oleh seluruh negara yang menyatakan setiap ikrar itu mesti dihormati dan tidak perlu lagi disemak ataupun sebagainya. Peluang ini diguna pakai oleh peniaga. Peniaga ini sentiasa mencari peluang untuk untung lebih dan mereka memanipulasikan keadaan ini.

Ini kita akui sebagaimana Yang Berhormat Beluran kata tadi, kita sedar dan kita mesti mempertingkatkan ke arah untuk memastikan tidak berlaku penyelewengan di atas penggunaan *convention* ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Jasin.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Ya, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apa yang dikemukakan oleh sahabat saya Yang Berhormat bagi Beluran dan juga Yang Berhormat bagi Ledang tadi biasanya *in practice,* apabila kita hendak ikrarkan barang kepada pihak Kastam, pengimport-pengimport akan memilih *shipping* ataupun *fowarding company* dan biasanya akan mencari yang pandai 'koutim' dengan pihak kastam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa itu 'koutim' Yang Berhormat?

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Dia boleh, itulah Tuan Yang di-Pertua. Boleh londeng-londeng lah. Ha!

*[Dewan gamat ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu, itu panggil 'koutim'?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Itulah sebabnya kastam rugi banyak. Nombor dua, banyak di antara peraturan-peraturan kastam ada dalam *manual* kastam, tetapi oleh kerana, oleh kerana keadaan-keadaan tertentu membuatkan kastam tidak ikut dia punya tatacara kerja. Ini yang berlaku macam mana kita jumpa dekat Sarawak

baru-baru ini, yang satu tin sardin, daging babi ada cop pula halal daripada negeri China. Kalau ikut dalam *practice*, walaupun benda itu dalam kontena seseorang yang membawa masuk itu terpaksa mengikrarkan kepada Kastam dan membawa contoh. Dengan izin, *dare and then* pegawai Kastam yang berkenaan itu boleh tolak barangan ini. Tetapi oleh kerana *manual* ini tidak diikuti, *manual* kerja ini tidak diikuti membuatkan kita kerugian bagaimana yang disebut oleh Ketua Pengarah Kastam tadi.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, daripada pasaran-pasaran di luar, kadang kala kita dengar pun tidak berapa seronok. Ada sekarang ini rebutan kuasa dalam kastam. Lebih-lebih lagi Ketua Pengarah Kastam kontrak dia sudah hendak habis. Sudah mula macam politik pula sekarang ini. Jadi dia cuba sabotaj orang ini, orang ini serba sabotaj macam ini.

Kita minta supaya hari ini, Kastam mestilah bergerak sebagai satu badan kerajaan yang profesional. Ini masalah negara, kita kerugian banyak duit disebabkan masalah-masalah yang berlaku di antara mereka. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, Kastam Pencegah Melaka pergi *raid* di Pelabuhan Klang kerana di Pelabuhan Klang terdapat kontena-kontena yang tidak diikrarkan dengan cara betul. Walhal di Pelabuhan Klang ada pencegah daripada Selangor, tetapi *information* ini dapat oleh pencegah Melaka. Pencegah Melaka pergi *raid* sana, dapat tangkap. Jadi pencegah Klang pun malu. Minggu depan pencegah Klang pula datang ke Melaka cuba *raid* di Melaka.

Kalau tidak ada pun sengaja hendak carikan kes. Sengaja carikan kes, yang lebih mendukacitakan untuk makluman Timbalan Menteri, bila dia hendak tangkap barang yang bercukai tidak ada, paling-paling tidak pun dia akan mencari apa kesalahan kapal-kapal ataupun bot-bot yang ada, yang kata bot ini tidak *register* dengan Kastam lah, apa lah. Sengaja mencari sebab bagaimana hendak memalukan pula Kastam Melaka. Ini yang berlaku dalam *practice* di negara kita pada hari ini dan kita berharap supaya Kementerian Kewangan demi untuk kepentingan negara kita kena lihat balik jabatan-jabatan kita ini supaya bertindak dengan ataupun bergerak dengan lebih profesional. Terima kasih.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Terima kasih atas penerangan panjang lebar Yang Berhormat bagi Jasin tadi, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya inilah perkara-perkara yang sedang kita tingkatkan. Disedari oleh Ketua Pengarah Kastam,

jadi dalam 8 bilion yang dikatakan itu kemungkinan-kemungkinan yang boleh kita tingkatkan lagi pada masa akan datang. Terima kasih Yang Berhormat. Jadi yang kita bincangkan ini, mengenai penjelasan kebocoran cukai itu dengan harapan yang saya katakan tadi latihan pegawai kita yang cekap untuk memastikan nilai sebenar tidak di *under valued.*

Kemudian kita ingin memberitahu kepada peniaga ataupun orang ramai bahawa sekiranya pemeriksaan rapi ini dilakukan kita akan membuat perlakuan, keadaan ini dan pastikan jangan berlakunya kelewatan. Kalau kita syak satu-satu barangan masuk terpaksa kita *check* dengan teliti maka ia memerlukan masa yang panjang dan sebagainya dan mereka terpaksa tanggung dan jangan pula mereka *complain* dan meminta sokongan ataupun laporan kepada kita Yang Berhormat dan sebagainya. Ini untuk memastikan kebocoran tidak berlaku, dan kecekapan kepada pegawai kita untuk memastikan cukai yang sepatutnya dibayar oleh peniaga bagi kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai akhirnya saya ingin menegaskan bahawa pindaan kepada Akta Kawalan Pertukaran Wang yang kita dicadangkan ini adalah dengan bertujuan untuk memperkukuhkan peruntukan yang sedia ada. Pindaan itu juga adalah bagi melicinkan perlaksanaan pengawalseliaan dasar pertukaran wang terutamanya dalam menangani perniagaan mata wang asing haram.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan juga tidak bertentangan dengan langkah-langkah liberalisasi dasar kawalan pertukaran wang yang dilaksanakan baru-baru ini. Malah pindaan-pindaan tersebut melengkapkan lagi, *complement each other* bagi perlaksanaan peraturan pertukaran asing supaya ia lebih berkesan dan membawa manfaat kepada negara. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal-fasal 1 hingga 5** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG**
**KESALAHAN-KESALAHAN PENERBANGAN (PINDAAN) 2005**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**12.01 tgh.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu akta untuk meminda Akta Kesalahan-Kesalahan Penerbangan 1984 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, Akta Kesalahan-Kesalahan Penerbangan 1984 perlu dipinda bagi maksud menyesuaikannya dengan keadaan dan perkembangan yang berlaku pada masa sekarang. Akta 307 mula berkuat kuasa pada 3 Jun 1985. Cadangan untuk meminta Akta 307 adalah untuk membolehkan Malaysia menyertai *Protocol For The Suppression Of Unlawful Acts Of Violence At Airports Serving International Civil Aviation, supplementary to The Convention For The Suppression Of Unlawful Acts Against The Safety Of Civil Aviation,* dengan izin, atau ringkasnya *Montreal Protocol 1988* yang merupakan satu protokol penting untuk menangani masalah dan bahaya keganasan terhadap penerbangan serta lapangan terbang. Selepas insiden 15 September 2001 di New York, Amerika Syarikat

serta beberapa kejadian keganasan seterusnya, keselamatan penerbangan awam menjadi satu isu yang diberi keutamaan di seluruh dunia.

Di samping mengambil langkah-langkah baru untuk mempertingkatkan tahap keselamatan penerbangan dan lapangan terbang dalam aspek peralatan dan sistem peraturan-peraturan keselamatan baru yang menerapkan unsur-unsur pencegahan dalam perundangan, konvensyen dan protokol antarabangsa telah dipertingkatkan di seluruh dunia. Selaras dengan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Majlis Keselamatan PBB telah menggubal beberapa langkah untuk membanteras dan mencegah keganasan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Majlis Keselamatan PBB telah meluluskan satu resolusi yang dikenali Resolusi 137, 2001 yang mana mengehendaki negara anggota mewujudkan struktur undang-undang nasional bagi memerangi keganasan peringkat antarabangsa dan semua negara anggota diminta memberi kerjasama sepenuhnya dalam usaha ke arah ini. Sebagai ahli kepada *International Civil Aviation Organization (ICAO),* keputusan telah dibuat supaya Malaysia menginterpretasikan *Montreal Protocol 1988* yang merupakan tambahan kepada *Montreal Convention 1971*. Seperti mana kita sedia maklum, adalah menjadi dasar negara untuk menangani kegiatan jenayah antarabangsa, khususnya jenayah keganasan melalui kerjasama antarabangsa. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk memaklumkan bahawa Malaysia telah pun menjadi ahli kepada beberapa konvensyen ICAO berkaitan dengan pembanterasan dan pencegahan keganasan antarabangsa, iaitu: dengan izin,

*(a)* *Convention On Offences And Certain Other Acts Committed On Board Aircraft, signed at Tokyo on 14 September 1963;*

*(b)* *Convention For The Suppression Of Unlawful Seizure Of Aircraft, signed at Hague on 16 December 1970;*

(c) *Convention For The Suppression Of Unlawful Acts Against The Safety Of Civil Aviation, signed at Montreal on 23 September* 1971 yang digelar sebagai *Montreal Convention*.

Ketiga-tiga konvensyen tersebut telah pun diratifikasikan dan dilaksanakan oleh kerajaan sebagai undang-undang Malaysia melalui Akta 307. Selaras dengan konteks ancaman keganasan yang melanda dunia masa kini dan memandangkan ia bertujuan

merangkumi tindakan membanteras kegiatan jenayah ataupun keganasan terhadap penerbangan dan lapangan terbang yang sebelum ini tidak diliputi oleh konvensyen-konvensyen ICAO, langkah negara menyertai *Montreal Protocol 1988* tersebut adalah merupakan keluasan skop bidang kuasa dan tanggungjawab kerajaan bagi mencegah kegiatan-kegiatan jenayah dan keganasan terhadap penerbangan serta lapangan terbang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***Mempengerusikan Mesyuarat]***

Tuan Yang di-Pertua, proses meratifikasikan *Montreal 1988* hanya boleh dilakukan setelah pindaan yang dicadangkan dalam rang undang-undang yang dibentangkan, diluluskan dan berkuat kuasa.

Fasal 2, Rang Undang-Undang bertujuan meminda tajuk akta sedia ada untuk disesuaikan dengan pelaksanaan *Montreal Protocol 1988.* Rang Undang-undang tersebut adalah bertujuan untuk melaksanakan obligasi antarabangsa Malaysia sebagai negara pihak kepada *Montreal Protocol 1988*.

Fasal 5 Rang Undang-Undang memperuntukkan Seksyen 10A yang baru, yang menjadikan sesuatu kesalahan bagi tindakan-tindakan keganasan terhadap mana-mana orang atau kemudahan-kemudahan di lapangan terbang atau mengganggu perkhidmatan lapangan terbang itu. Fasal 5 ini juga menjadikan satu kesalahan bagi tindakan-tindakan keganasan terhadap pesawat udara yang bukan dalam penerbangan tetapi berada di lapangan terbang antarabangsa.

Selain daripada itu, Fasal 6 Rang Undang-Undang yang dicadangkan itu iaitu Seksyen 13(d) yang baru menyebut bahawa adalah menjadi satu kesalahan terhadap seseorang di Malaysia yang didapati bersubahat melakukan apa-apa kesalahan di bawah peruntukan baru, Seksyen 10A. Lain-lain pindaan merupakan pindaan kecil dan berbangkit daripada pindaan-pindaan yang lama.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang sedia ada berkenaan kesalahan-kesalahan yang telah saya huraikan tadi perlu diperkemaskan melalui Rang Undang-Undang yang dicadangkan ini bagi memenuhi obligasi Malaysia terhadap *Montreal*

*Protocol 1988* dan membuat pindaan sewajarnya terhadap Akta Kesalahan-Kesalahan Penerbangan 1984.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Menyokong?

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Puan Noriah binti Kasnon]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Kesalahan-Kesalahan Penerbangan 1984 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Kubang Kerian.

**12.07 tgh.**

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Setelah saya membuat kajian tentang pindaan kepada akta ini dan rang undang-undang yang bertujuan untuk meminda Akta Kesalahan Penerbangan 1984, Fasal 2 yang menyebut dengan jelas bertujuan untuk meminda tajuk panjang Akta 307 untuk memperluaskan pemakaian Akta 307 bagi pelaksanaan protokol bagi membanteras tindakan-tindakan keganasan dengan menyalahi undang-undang di lapangan terbang yang menyediakan penerbangan awam antarabangsa ataupun disebut, *Protocol Montreal* yang dibuat di Montreal pada 24 Februari 1988.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat dengan teliti tentang Fasal 5 yang bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 10A ke dalam Akta 307. Seksyen 10A yang dicadangkan itu menjadikan satu kesalahan untuk melakukan tindakan keganasan terhadap seseorang di lapangan terbang yang menyediakan penerbangan awam antarabangsa yang menyebabkan atau yang berkemungkinan menyebabkan kecederaan serius, kematian atau memusnahkan, atau merosakkan dengan serius kemudahan lapangan terbang atau pesawat udara yang tidak ada dalam khidmat yang berada di situ akan mengganggu perkhidmatan lapangan terbang itu. Jika tindakan keganasan itu membahayakan atau berkemungkinan membahayakan keselamatan di lapangan terbang itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat dengan serius Fasal 6 yang bertujuan untuk meminda Seksyen 13 Akta 307 supaya jika seseorang di Malaysia bersubahat melakukan di tempat lain apa-apa tindakan yang merupakan kesalahan di bawah Seksyen 10A, ia melakukan suatu kesalahan mengikut akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa selepas tragedi ataupun peristiwa 11 September isu *terrorist and terrorism* dengan izin, keganasan adalah menjadi suatu agenda yang dibincangkan oleh semua pihak termasuk pihak berkuasa dan rakyat dalam negara kita. Saya melihat bahawa dengan terbentangnya akta ini untuk dipinda di dalam Dewan yang mulia ini, maka kesalahan-kesalahan yang dilakukan itu adalah satu perkara yang dianggap serius kerana ia boleh menjejaskan keselamatan negara ataupun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana pihak dalam negara ini sudah tentu akan menjejaskan imej Malaysia di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, suatu insiden telah berlaku dalam bulan Mac tahun ini, di mana sebuah syarikat yang bernama MHT Technichal Publication and Training. Israel Aircraft Industries Limited telah mengadakan satu perundingan dengan AIROD sebuah syarikat yang didaftarkan dalam negara kita. Apa yang menarik perhatian di sini ialah bila *deal* ini berlaku adakah pihak AIROD ini atau mereka yang mengetuai AIROD ini tidak faham tentang kesalahan-kesalahan yang dilakukan ataupun dia dengan sengaja melanggar Akta Ibu 307 ini. Di mana saya melihat dengan teliti bahawa pihak berkuasa ataupun pihak yang pengurus AIROD ini dengan sengaja telah mengadakan satu perundingan tanpa ada apa-apa paksaan dengan sebuah syarikat yang didaftarkan di Israel, iaitu dengan menyediakan Aviation College for Youth and Adult. Dalam maklumat yang saya terima ini, iaitu syarikat ini telah dikunjungi oleh Tan Sri Dato' Ahmad Johan yang telah melawat syarikat ini dan sudah tentu semasa lawatan ini beberapa perundingan telah berlaku di antara pihak AIROD dengan pihak MHT yang telah berbekalan di Israel ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah melihat perkara ini sangat serius kerana semua orang tahu dalam dunia hari ini, bahawa Israel adalah sebuah negara yang menjadi penganjur kepada keganasan. Negara yang tidak pernah akur dengan mana-mana protokol dan dengan mana-mana perundingan, sampai kepada hari ini. Hatta, protokol-

protokol yang dibuat oleh Bangsa-Bangsa Bersatu sendiri dilanggari oleh negara Israel ini. Maka dengan itu saya cukup hairan dan pelik bagaimana sebuah syarikat AIROD yang didaftarkan di dalam negara kita ini boleh mengadakan perundingan ini. Dengan menawarkan ataupun diberikan tawaran untuk mengadakan usaha sama dengan syarikat ini sama ada di Malaysia ataupun di Israel. Saya harap pihak berkuasa dapat memandang serius perkara ini dan ini terbukti di dalam suatu perjanjian yang saya rasa saya minta perjanjian, saya minta penjelasan kepada Kementerian Pengangkutan sama ada *deal* ini ataupun perundingan ini telah pun dimeterai ataupun di sebaliknya.

Di antara pakej yang suka saya dedahkan di dalam Dewan yang mulia ini adalah tentang bagaimana perundingan telah berlaku. Sebagai contoh, bagi menggunakan jenis-jenis pesawat B737 Classic Airframe dan PPP System. Penggunaan masa 137 jam sebagai contoh, maka kalau diadakan di Malaysia harganya adalah USD39,775, kalau latihan itu diadakan , diadakan Malaysia. Kalau diadakan di Israel harganya adalah USD24,310.

Bagi penggunaan sebagai contoh B737 NG, Airframe dan menggunakan PPP System bagi tempoh masa 163 jam latihan kalau diadakan dalam negara kita akan dikenakan caj USD47,320 dan kalau diadakan di Israel maka jumlahnya USD29,545. Ini dengan jelas Tuan Yang di-Pertua, membuktikan bahawa telah wujud satu perundingan yang disengajakan oleh pihak AIROD dengan pihak MHT Technical Publication and Training yang berpangkalan di Israel. Adakah ini satu perkara yang diizinkan oleh negara kita, adakah ini dasar baru bagi negara kita? Adakah ini suatu polisi yang dibuat secara tidak kita sedari, rakyat Malaysia tidak diberitahu tentang adanya dasar baru ini? Di mana kita melihat Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan satu penjelasan yang teliti dan satu penjelasan yang teliti dan konkrit dapat diberikan untuk menjawab persoalan yang saya kemukakan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya lihat begitu serius dalam isu ini ialah bila kita menerima sebagai contoh kehadiran mereka dengan segala kepakaran mereka, pilot mereka, *engineers* mereka yang datang ke negara kita sebagai contoh, dalam perundingan ini sama ada kita datang ke sana atau mereka datang ke mari. Sebagai contoh kalau mereka datang ke mari dan menggunakan mana-mana lapangan terbang kita menggunakan mana-mana premis dalam negara kita. Yang kita tahu

bahawa yang datang daripada Israel itu sudah tentu mereka yang memiliki dan kepakaran dan ketenteraan yang tinggi dengan segala sistem maklumat, dan dengan segala kecanggihan yang ada pada mereka, yang sudah tentu pada saya akan mendedahkan negara ini kepada ancaman perisikan yang akan memudaratkan keselamatan negara kita dalam jangka masa pendek dan dalam jangka masa panjang. Kalau ini berlaku mengapakah kita begitu reda mengizinkan negara kita untuk didatangi oleh kumpulan ini, di manakah sensitiviti kita dan di manakah kepekaan kita yang kita akan menjadikan negara kita sebagai suatu premis untuk mereka tahu segala-galanya tentang strategi, keselamatan yang ada dalam negara kita.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya tidak rasa untuk berucap lebih panjang dan dengan adanya rang undang-undang ini yang kita merasakan segala protokol, khususnya Protokol Montreal yang kita persetujui ini, atas nama untuk kita mengawal negara kita, tidak berlakunya perkara-perkara yang tidak kita ingini, berlakunya anasir-anasir subversif dalam mana-mana lapangan terbang dalam negara kita dan kita juga tidak mahu supaya negara kita juga termasuk di dalam satu rangkaian yang Barat pada hari ini mengambil kesempatan kalau ada sebarang usaha ini. Maka Malaysia sudah tentu akan dijadikan, akan dilabelkan dan akan diletakkan negara yang sebaris yang mengamalkan *terrorist and terrorism* yang memang semahunya negara-negara Barat seperti Amerika Syarikat, memang mengambil kesempatan untuk melabel negara kita ke arah yang sedemikian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Santubong.

**12.19 tgh.**

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya berlainan sedikit daripada Yang Berhormat Kubang Kerian. Ikut kata Yang Berhormat Kubang Kerian, dia buat penyelidikan, saya tidak dapat buat penyelidikan Tuan Yang di-Pertua, sebab Ahli parlimen sudah diberi sumbangan, sokongan dan bantuan untuk membuat penyelidikan.

Jadi, penyelidikan saya hanya terbatas dengan membaca Undang-undang 370 dan undang-undang pindaan ini sahaja. Malang Ahli Parlimen, Yang Berhormat Datuk, tidak boleh dapat buat penyelidikan kerana penyelidikan perlu bertanya banyak

persoalan. Jadi kita di Parlimen, saya pergi ke perpustakaan tanya dua, tiga soalan, cari buku-buku yang berhubung kait dengan soalan Akta Kesalahan-kesalahan Penerbangan ini, tidak seorang pun boleh bantu saya. Sebabnya kalau ini ialah satu soalan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Larut boleh bantu Yang Berhormat. *[ketawa]*

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sebab orang yang ditanya tak faham, tak tahu, tiada ada penyelidik. Sepatutnya kalau kita lihat di Australia, Tuan Yang di-Pertua, mempunyai 60 pakar penyelidik yang diletakkan di bawah perpustakaan. Apa saja benda yang kita nak tahu daripada mana-mana perkara, apa-apa perkara, undang-undang, kita boleh bertanya kepada pakar-pakar penyelidik ini.

Jadi malangnya pakar tidak ada di Parlimen kita, dengan itu saya tidak dapat penyelidikan yang teliti, terperinci dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Termasuk dalam Akta inikah Yang Berhormat?

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Termasuk perkara-perkara yang berhubung kait dengan Akta ini. Saya kalau nak dedahkan semua Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Mambong nak tolong Yang Berhormat.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Mambong di belakang.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Mambong, dia boleh tolong sekejap lagi, saya habis cerita saya punya. *[Ketawa]* Saya akan ambil peluang Yang Berhormat, jangan bimbang. Saya dapat arahan bercakap satu hari. *[Ketawa]*

Jadi, malangnya kita tidak mempunyai kepakaran. Ada orang yang dikatakan menjadi *research officer* kita kemungkinan dalam satu bidang yang dia pakar. Dalam satu bidang lagi saya lebih pakar daripada dia. Jadi, saya rasa kena bercakap juga, kalau tidak Ahli Parlimen terpaksa diam diri tidak bercakap sebab tiada penyelidik, tiada kepakaran, tiada tahu apa benda yang nak dicakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tapi ada dua yang lain tadi bangun Yang Berhormat.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ha, ada yang lain bangun mungkin bercakap berlandaskan apa yang saya sebut juga, rambang sana sini.

**Seorang ahli:** Mambong.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ha sila Mambong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya Mambong sila.

**Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Santubong. Ini tentang ahli-ahli penyelidik di dalam *resource centre* kita ini. Saya rasa memanglah mereka kurang pengalaman dan mungkin kurang pengetahuan tentang bagaimana nak cari bahan-bahan untuk diberikan kepada kita Ahli Parlimen untuk berucap di dalam sini. Tetapi apabila saya masuk tadi, saya masuk saja, saya lihat Akta ini, saya terus masuk dalam *website*, saya mendapati bahawa tidak kurang daripada 6,300 artikel-artikel yang berkaitan dengan konvensyen ini, yang berkaitan dengan protokol ini.

Konvensyen tahun 1971 dan Montreal Protocol ini tahun 1988. Dan saya sekarang berhadapan dengan satu artikel yang dinamakan *“Protocol for the Suppression of Unlocal Act of Violence of Airport Serving bla...bla...bla...”.* Ini Montreal Protocal 88 dan banyak perkara di dalam ini harus kita bandingkan dengan Akta kita sendiri. Kerana Malaysia sebagai parti di dalam konvensyen dan sebagai parti di dalam protokol, haruslah mewujudkan Akta yang penting supaya kita punya *right*, hak kita akan terjaga.

Jadi sekarang saya tanya Santubong, *[Ketawa]* kenapa kakitangan *the resource centre* tidak tahu apa nak dicari, kenapa?

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, kita ini ada berapa puluh orang *Back-bencher?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Santubong, dok mencari Akta 307 itu bukan kesalahan penerbangan.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Ketawa].* Okey, dalam Dewan ini kita mempunyai berapa puluh orang? 110. Saya tahu tapi saja tanya dengan Larut sebab dia Timbalan Presiden *Back-bencher. [Ketawa].* Dia lebih tahu lagi berapa orang

yang tak buat kerja, siapa yang jadi menteri, siapa tak jadi menteri, dia lebih tahu lagi. Dia pakar soal itu, dia kata arahan terus, teruslah ni.

Jadi oleh sebab itu, ramai sekali yang boleh bagi, jadi tak semua yang boleh dapat kemudahan, bantuan daripada sesiapa sahaja. Jadi Tuan Yang di-Pertua, memadailah saya bincang sikit-sikit sajalah. Kalau nak baca semua yang dikatakan oleh Yang Berhormat Mambong tadi, nak baca sini, saya boleh keluar dulu pergi hotel, salin baju, mandi, sembahyang, balik sini lagi, habis tu saya bincang semua, Mambong berhenti bercakap. *[Ketawa].*

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetujulah dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian berhubung dengan syarikat-syarikat lain yang bekerjasama dengan AIROD. Kalau kita lihat dari sudut yang lain, selain daripada apa yang *sensitivity* yang disebut oleh Yang Berhormat Kubang Kerian, dia kata *sensitivity* soalan perhubungan kita dengan pihak Israel. Pada saya ini perkara yang enteng dan kecil. Perkara yang besar pada saya ialah bolehkah AIROD juga terlibat dengan membaik pulih kapal terbang-kapal terbang kepunyaan tentera kita, kepunyaan *military* kita. Jadi kalau benda ini didedahkan kepada orang lain, kita tidak tahu latar belakangnya, dengan sendirinya semua perkara dalam kapal terbang kita boleh terdedah kepada orang lain.

Memang pun perkara-perkara macam ini orang kata *it is an open secret* dengan izin, semua orang tahu, kalau kita nak katakan ini kapal terbang A18 ke ataupun MIG, berapa puluh daripada Rusia, kalau tanya saja buka saja kata Mambong tadi, kita boleh dapat dia punya butiran, tapi dalam itu ada lagi operasi-operasi yang lain hanya mungkin diketahui pihak-pihak yang tertentu saja. Jadi kalau ini kita tidak pandangkan semasa kita membuat perhubungan, *business partnership* kita dengan orang lain, kita dedahkan semua rahsia ini kepada mereka, dengan sendirinya kita mendedahkan negara kita punya *secret* kepada orang lain. Memang kita perlu berjaga-jaga, bukan soalan Israel, bukan soalan siapa tetapi kepada semua pihak yang lain.

Kalau satu syarikat diberi kebenaran ataupun dilantik oleh kerajaan untuk membuatkan penilaian, membuatkan pembaikpulihan kepada apa-apa perkara kita yang patut disimpan untuk kita sendiri, patut kita jangan terdedah kepada pihak lain yang mana perkara ini boleh diambil peluang oleh mereka. Walaupun Tuan Yang di-Pertua,

negara kita bukanlah negara yang boleh dikatakan negara *aggression* yang menekan orang lain, kita tidak. Negara Malaysia adalah negara yang tidak mencari pasal dengan orang lain. Negara Malaysia tidak akan terlibat dengan perkara-perkara yang akan menjejaskan kedudukan orang lain. Kalau ada apa pun berlaku, kita hanya mempertahankan hak-hak di negara dan tanah air kita sendiri sahaja.

Jadi berbalik kepada Montreal Protocol , Tuan Yang di-Pertua, saya melihat kita terpaksa akur dengan konvensyen-konvensyen antarabangsa yang mana kita sendiri mengambil bahagian dan kita telah meterai dan tandatangani dan banyak kebaikan konvensyen-konvensyen ini bukan sahaja dari segi untuk menunjukkan kredibiliti kita sebagai pemain dalam masyarakat antarabangsa tapi kita sebenarnya akan juga menyelamatkan negara kita sendiri.

Tetapi dalam kita mewujudkan undang-undang, dalam kita membuatkan satu-satu perkara, kita kena lihat kemampuan kita sendiri. Kemampuan macam mana, Tuan Yang di-Pertua? Kemampuan ini kita melihat dari semua segi. Kalau semalam siapa yang ada peluang melihat televisyen, melihat. Datuk ....apa namanya ini. Datuk Saufi kah namanya ini.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Tan Sri Nordin Sofi.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ya, Nordin Sofi. Nordin Sofi berbincang ada persoalan-persoalan yang telah dibangkitkan menunjukkan bahawa banyak kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan dalam persoalan berhubung dengan negara kita. Kelemahan ini bukan kita tidak boleh buat, tidak boleh atasi Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya semuanya boleh kita atasi.

Contohnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jawab ke sanalah terpaksa. Contohnya saya selalu bercerita soalan diplomat kita di luar negara. Saya kata janganlah diplomat kita pakai kereta sampai *breakdown* tepi jalan, beri rumah pun rumah yang bumbungnya masuk air, macam-macam lagi. Sebab saya banyak beri misalan umpamanya saya melihat Duta di Poland rumahnya sebesar ini, hendak adakan *National Day* pada 31 Ogos Tuan Yang di-Pertua,dan Yang Berhormat Menteri kena buat dua kali sebab ruang rumah tidak cukup hendak jemput semua duta-duta lain datang ke rumahnya.

Saya tanya kenapa tidak buat di hotel? Katanya macam mana hendak buat di hotel, peruntukan yang diberi hanya sebanyak ini. Hendak meraikan Hari Kemerdekaan negara Malaysia duta tidak cukup sumber kewangan hendak adakan makanan di luar atau di hotel sebab tidak cukup duit. Tetapi rakan di sebelah, jiran ASEAN kita Indonesia beli enam buah *S Class*. Cadang hendak buat tiga kali besar bangunan yang besar itu hendak buat tiga kali ganda diperbesarkan lagi. Maknanya bangunan rumah tempat kediaman duta kita itu enam kali pun boleh masuk dalam Kedutaan Indonesia. Ini zaman kemerosotan ekonomi Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Apa kaitan dengan penerbangan itu Yang Berhormat?

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ada kena sampai. Dia terbang dekat sana balik sini. Contoh ini saya kena tanya contoh tadi. Di sini menunjukkan Tuan Yang di-Pertua kelemahannya yang boleh kita atasi yang tidak kita atasi. Mengenai Volvo 240 ini masih digunakan oleh Pegawai Kanan Duta kita. Bila dipakai hendak pergi berjumpa dengan wakil Malaysia datang ke negara itu, *breakdown* di tepi jalan, malulah sedikit. Kelemahan kita bukan terletak kepada duta. Duta hendak minta mana JPA, mana *Treasury* kita tidak sambung atau sokong sumber kewangan.

Saya akan berbalik di mana kelemahan ini tadi. Semalam Tan Sri Nordin Sofi sebut kelemahan soalan diplomasi. Soalan ini semua orang. Memang Kementerian Luar Negeri punya soalan. Sign treaty, sign konvensyen, desakan kerajaan supaya buat undang-undang. Semua dari sana Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak boleh bercakap hal pokok kalau tidak cerita hal tanah, baja dan sebagainya. Tidak tumbuh.

Kita kena atasi kelemahan ini. Bagilah sokongan yang sepenuhnya. Tan Sri Nordin Sofi kata, Amerika apabila *negotiate* sesuatu konvensyen treaty 2,000 peguam dia bawa tetapi Malaysia bawa dua tiga katanya. Ini memang kenyataan. Apabila seorang peguam kanan yang bijaksana dari Wisma Putra jadi Embassador di Eropah ..... saya telah lupa. Tidak ada pakar peguam lagi. Apa sahaja konvensyen yang kita buat hendak kita *rectified* dan sebagainya tidak jadilah itu sebab tidak ada orang beri duit, tidak ada orang bincang, tidak ada orang *negotiate* macam-macam lagi kita tidak ada. Semua tidak ada. Kita mampu Tuan Yang di-Pertua! Kita mampu, kita boleh buat.

**Dr. James Dawos Mamit:** Kenapa tidak ada?

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tapi kenapa tidak buat? Kenapa tidak buat sebab tidak hendak bayar tiket kapal terbang pun tidak hendak.

**Beberapa Ahli:** Betul!

**Dr. James Dawos Mamit:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Haa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Mambong.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ali Parlimen kena naik di ekonomi kelas.*[Dewan riuh]*

**Beberapa Ahli:** Betul!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Mambong, Mambong hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Mambong bagi. Bagilah.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong[:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Santubong. Memang benar apa yang dia cakap.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Betul!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Mambong bantu untuk buat rujukan, *research*.

**Dr. James Dawos Mamit:** Saya telah pun *negotiate* banyak konvensyen untuk negara sejak tahun 1991 dan di dalam kumpulan kita ini daripada negara kita Malaysia ini, seorang pun *lawyer* tidak ada. Kenapa? Kenapa Kerajaan Malaysia tidak mampu membayar tambang *lawyer* untuk bersama dengan kita?

**Seorang Ahli:** Tidak ada duit.

**Dr. James Dawos Mamit:** Walhal pihak Amerika seperti yang disebut oleh Santubong ini.....

**Datuk Ronald Kiandee:** 2,000.

**Dr. James Dawos Mamit:** Tidak juga 2,000 tapi dia sampai beratus orang. Ramai *lawyer* dia datang. Bagaimanakah kita hendak berbincang dan *negotiate* dengan mereka jika mereka lebih tahu lagi tentang perjalanan *negotiation* dan konvensyen ini. Ini memang betul. Saya setuju dengan Yang Berhormat Santubong. Mulai daripada hari ini saya rasalah MP yang berkelayakan *lawyer* haruslah mengikut untuk *negotiation* konvensyen dengan Wisma Putra. Timbalan Menteri Luar Negeri ada di sini dan saya

harap dia akan ambil perhatian dan bawa kita pergi bersama-sama. Kalau untuk teknikal ramai juga.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya akan hantar Yang Berhormat Mambong pergi untuk *environment*.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tapi kementerian kena bayar tambang. Tuan Yang di-Pertua, kita kena aktif perkara ini. Kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, dalam industri pengangkutan, tanya dengan Yang Berhormat Larut, bekas Pengerusi Lembaga Pelesenan macam mana perhubungan kita dengan Singapura berhubung dengan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat pun pengerusi jugalah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Belum. Cerita Larut belum habis lagi ini. Larut dahulu. Saya akan bagi Yang Berhormat, jamin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tapi Yang Berhormat Santubong pun Pengerusi jugalah.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya tidak banyak sangat berhubung dengan sebelah sana. Sini dengan Singapura hendak tunjukkan macam mana masalahnya. Teksi kita boleh masuk ke Singapura atau tidak? Bas-bas pelancongan kita boleh masuk ke Singapura atau tidak? Bolehkah mereka berhenti di tempat-tempat pengambilan *passengers* di jalan-jalan ataupun tidak? Semuanya tidak boleh. Tapi mereka boleh masuk sini, berhenti di tempat-tempat kita. Semua ini dimasukkan dalam *bilateral treaty* yang kita buat di antara kita dengan Amerika. Masalahnya penyelidikan tidak dibuat dengan teliti. Ini yang saya sebutkan tadi. Begitulah seterusnya macam kita dengan Indonesia, kita dengan Brunei banyak kelemahan. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya habis cerita ini.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kinabatangan.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Saya mahu tanya Yang Berhormat Santubong, mungkin

dengan senario-senario yang sebegini, dengan kelemahan-kelemahan yang ada pada kita maka betullah dakwaan sebilangan masyarakat bahawa negara kita ini yang selalu dibicarakan *first class facilities* tetapi *third class mentalities*.

Sebab apa? Hendak membawa peguam-peguam yang berkelayakan pun alasannya sebab tidak ada peruntukan. Bagaimana kita mahu bincang soal global kalau kita tidak di tahap sesuatu perbincangan yang boleh *convents* orang lain. Apakah Yang Berhormat mempunyai cadangan kepada kerajaan supaya mulai hari ini KSU-KSU dan Menteri-Menteri khususnya membuka minda mereka supaya memikirkan bersama perkara ini secara menyeluruh sebab ini keperluan negara.

Tidaklah guna kita, mempunyai *facilities* yang baik, tetapi sampai kepada peringkat antarabangsa kita berbincang, kita punya alasan tidak ada duit. Ini tidak masuk akal. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, memang secara ikhlas saya menyebut. Kalau umpamanya kita hendak *negotiate,* ini konvensyen soalan dengan keselamatan penerbangan ini, patutnya kita umpamanya mesti mempunyai kepakaran dari segi keselamatan, polis, tentera, pegawai-pegawai kanan tentera, pegawai-pegawai kanan polis yang berkepakaran dalam ilmu ini kita bawa. Kita bawa peguam. Oleh kerana tidak lengkap membawa pakar, kalau pakar undang-undang kita tidak ikut sama kerana *treaty* dan sebagainya mesti di *back-up* oleh perkataan–perkataan, dan surat-menyurat hal undang-undang ini. Jadi kadang-kadang surat undang-undang ini ganjil. Dia kata ini makna itu, kena difahamkan juga. Jadi kita kena lengkap.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar *[Larut]*:** Boleh minta penjelasan.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sila, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum Yang Berhormat pergi lebih jauh, ke seluruh dunia atas bawah, saya hendak rujuk sedikit apa yang telah saya peroleh dalam sedikit *research* secara

rambang. Kita tahu konvensyen....sebab kita sekarang ada *notebook* yang diberi. Yang Berhormat ada sampai tiga empat, saya dengar. Dekat China baru ini pergi lagikan?

**Seorang Ahli:** Kena bayar elaun musim.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat bagi Santubong, kita tahu di konvensyen yang telah Yang Berhormat sebut tadi termasuk dari Kubang Kerian memang tidak ada - tentang kesalahan yang dilakukan dalam kapal terbang. Oleh sebab itu, termasuk yang di Tokyo dan di Montreal, saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah kita melihat akta yang kita hendak pinda pada hari ini - yang kita hendak lulus ini, perlu? Masalah ini bukan sahaja ditekankan, bahkan perlu di ambil tindakan dengan segera. Itu saya hendak tanya Yang Berhormat. Terima kasih.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, memang saya bersetuju. Apabila kerajaan kita bersetuju untuk menandatangani mana-mana konvensyen dan dalam konvensyen tersebut dikehendaki kita *ratify* dan memperkenalkan undang-undang tempatan, apa yang dikatakan dalam istilah undang-undang antarabangsa *Municipal Law* dengan sendirinya kita terpaksa mewujudkan undang-undang itu, maknanya keputusan ini adalah ekoran daripada konvensyen *Montreal* 1988 yang Malaysia tandatangani dan inilah dia. Jadi kebiasaannya perkataan-perkataan yang dimasukkan dalam undang-undang ini adalah hasil daripada apa yang disetujui dalam *Montreal Protocol* berkenaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya sebut perkara ini kerana memang menjadi hak kepentingan sesebuah negara. Kalau kita rujuk di bawah Artikel 3, dalam konvensyen Perlembagaan Awam yang telah dipersetujui pada 23 September 1971. Bererti kita memang dibolehkan. Kalau ia mengikut untuk menjaga kepentingan kita. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekarang sudah menjadi serius sedikit ini, cerita ini.

**Tuan Nassaruddin bin Hashim [Parit]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tunggu Yang Berhormat ya.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim:** *Sorry* Yang Berhormat.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** sebab Yang Berhormat bagi Larut .....nanti saya kena marah, Timbalan Presiden *Back-bencher* di belakang. Kalau sudah di belakang itu, kalau tidak kena jawab betul-betul nanti kena hentam belakang.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, kita memang dikehendaki untuk *ratify* dan mewujudkan undang-undang tempatan untuk menjadikan undang-undang itu sebahagian daripada undang-undang antarabangsa ini iaitu konvensyen ini menjadi sebahagian daripada undang-undang Malaysia. Dalam keadaan yang sedemikian, kita kena mempunyai *back up-back up* yang tertentu. Saya akan huraikan satu persatu, Tuan Yang di-Pertua selepas ini kerana tadi saya pergi menjalar sedikit ke sana sini sebab ini soalan *Montreal protocol. Montreal protocol* itu jauh. Kalau tidak terbang, kapal terbang pun jauh. Jadi kita kenalah *melimpas-limpas* - jalan-jalan kata orang Sarawak.... ini cakap orang Sarawak ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Parit.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Kalau orang Kedah boleh cakap, kita pun boleh cakap. Seolah-olah *introduce* sedikit-sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat graduan Parit.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sila, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Parit.

**Tuan Nassaruddin bin Hashim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Sebenarnya Yang Berhormat tidak melancong. Inilah pokok yang sebenarnya, persoalannya, kerana seperti yang Yang Berhormat sebutkan tadi, oleh kerana kita tidak menghantar pakar-pakar yang ramai di dalam konvensyen peringkat dunia ini, bagaimana kita boleh bersama-sama dalam pihak lain menggubal undang-undang ataupun peraturan-peraturan seperti Protokol Montreal ini. Kita ini cuma turut serta, tidak aktif, tidak bersama-sama menggubal. Jadi kita akhirnya menjadi pak turut sahaja. Adakah ini yang kita kehendaki Yang Berhormat?

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya tidak hendaklah Yang Berhormat bagi Parit hendak gunakan perkataan 'Pak Turut' kerana pegawai kita pergi ke luar negara cukup bekerja tetapi masalahnya sokongan yang kerajaan bagi kepada mereka. Saya bagi satu contoh yang berlaku pada tahun 1992. Apabila banyak kerajaan di seluruh dunia terlibatlah pihak NAM, pihak ASEAN yang diolahkan oleh kerajaan Malaysia supaya apabila soalan pembangunan hendak dimasukkan dalam salah satu daripada *condition* dalam *Human Rights* punya konvensyen di *Geneva*. Apabila konvensyen itu selesai, sudah dipersetujui supaya perkataan *'The Right to Development'* juga dimasukkan dalam konvensyen itu apabila di bawa ke *United Nation General Assembly*.

Apabila sampai di sama dipertikaikan pihak daripada Karabian dipertikai oleh pihak daripada *Northy Country* supaya tidak boleh dimasukkan perkataan '*The Right to Development'* ini dengan izin, ke dalam konvensyen itu untuk diterima pakai oleh pihak *United Nation General Assembly* dan akhirnya akan di masukkan sebagai garis panduan untuk semua negara dan mungkin akan digunakan oleh IMF, digunakan oleh *World Bank* untuk beri pinjaman-pinjaman ke seluruh dunia. Jadi pihak kita di New York pada ketika itu kena bekerja lebih masa 18 jam satu hari, Tuan Yang di-Pertua, supaya mempengaruhi perkataan *The Right to Development* itu dimasukkan dalam artikel itu untuk diterima pakai dalam Jawatankuasa *United Nation* akhirnya dibawa kepada *United Nation General Assembly*.

Pada ketika itu saya berada di New York dan saya sendiri bekerja, saya berjumpa dengan NAM, saya berjumpa dengan *South-south Country*, berjumpa dengan G77 berbincang, macam-macam semua kerja macam diplomatik punya kerja. Jadi, akhirnya oleh kerana dorongan pihak NAM, dorongan pihak *South-south Country*, akhirnya kita dapat juga memasuki. Tetapi kerjanya memang selebih masa.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Mambong bangun.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ini menunjukkan bahawa kita perlu lagi ramai pegawai-pegawai sebagai penyokong kepada tiap-tiap konvensyen,

tiap-tiap perbincangan kita dengan negara .... sama ada *Bilateral Agreement* ataupun *their Multilateral Agreement* kita kena *negotiated* dengan secepat mungkin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Mambong bangun.

**Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat sahabat saya Santubong. Memang saya tahu Yang Berhormat bagi Santubong ini, sebelum dia pergi untuk membuat *negotiation* di mana-mana dia memang buat kajian dengan menyeluruh. Walaupun dia tiada di situ, dia ada pembantu untuk mencari bahan-bahan supaya dia boleh *negotiate* dengan betul, dengan baik dan bawa isu-isu yang substantif. Yang dia telah sebut tadi, adalah tentang UNJA tahun berapa Yang Berhormat bagi Santubong?

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** 1992.

**Dr. James Dawos Mamit:** 1992? Masa itu saya masih bertugas di jabatan kerajaan dan dia hantar isteri dia untuk mencari bahan daripada pejabat saya. Inilah Yang Berhormat bagi Santubong. Tetapi, satu yang saya ingin bawa di sini adalah tentang konvensyen-konvensyen yang berkaitan dengan akta ini. mungkin pihak kementerian haruslah mengambil kira, agar ia boleh dimasukkan di dalam akta kita untuk membuat ia lebih tepat lagi.

Saya lihat *Civil Aviation Authority of Singapore Act.* Akta Singapura ini merangkumi *Chicago Convention 1944* sebab *Chicago Convention* ini mengambil kira tentang pelbagai perkara iaitu kesalahan di dalam pesawat semasa pesawat itu sedang terbang.

Yang kedua, Akta Singapura ini juga mengambil kira *Warsaw Convention 1929* dan juga mengambil kira *Hague Protocol* 1955, *Montreal Protocol No. 4, 1975* dan Tokyo *Convention 1963* selain daripada *Montreal Protocol* yang diadakan sekarang.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat bagi Santubong, apa kiranya akta kita juga menyeluruh seperti Akta Singapura ini yang mengambil kira pelbagai konvensyen yang lain yang sedia ada, bukan sahaja untuk *Montreal Protocol 1988*.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Mambong. Sebenarnya apabila *Montreal Protocol* dibawa ke meja perbincangan, memang telah mengambil kira semua konvensyen-konvensyen dan protokol-protokol

yang dahulu daripada itu sebagai garis panduan untuk diguna pakai. Tetapi malangnya apabila kita melihat ini, kita hanya mengambil ciri yang terakhir, keputusan daripada yang dibuat oleh *Montreal Protocol* itu sahaja.

Jadi, ini juga melambangkan atau mencerminkan bahawa kita tidak mempunyai cukup orang, bukan tidak cukup kepakaran. Tidak cukup orang untuk membantu diplomat-diplomat kita, pegawai-pegawai kita apabila pergi ke luar negara untuk *negotiate* apa-apa *treaty* dan sebagainya.

Jadi, memang saya menyarankan supaya janganlah diperlekehkan wakil kita di luar negara kerana negara Malaysia kalau kita hendak mencerminkan kita sendiri negara yang telah maju dan dalam keadaan peringkat kita sekarang ini, kita mesti bukan sahaja di sini menunjukkan *Twin Tower* kita, *airport* kita dan sebagainya, di luar negara juga janganlah tunjuk bahawa kereta kita *broken down*, peguam kita hendak cari tidak ada, pembantu pegawai pun tidak ada, kereta pun teruk, bangunan pun bocor dan sebagainya.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Ketereh.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Santubong. Saya hendak respons pasal kereta kedutaan kita. Saya kasihan sebenarnya tengok. Baru-baru ini saya menyertai rombongan Tan Sri Speaker untuk melawat negara-negara Teluk bersama dengan Timbalan Speaker. Saya kasihan tengok duta kita di Kuwait. Hari itu dia tunggu kita dengan kereta dia. Dia pun tunggulah dan atur kita naik, tiba-tiba kereta dia mati, Yang Berhormat.

Kereta dia mati dan malu yang amat besar. Akhirnya dia terpaksa berlari dalam hujan dan tumpang kereta saya. Kereta saya itu kereta yang diberi oleh Kerajaan Kuwait. Dua hari kereta dia duduk dekat *airport* dan saya beritahu dia, *"Kenapa ambassador?" "Allah, malulah hendak cakap, kereta saya mati". This is the condition* dan kita berada di sebuah negara Kuwait. Dan, bila kami pergi jumpa Emir Kuwait, Perdana Menteri Kuwait, Tuan Yang di-Pertua pun ada, Emir Kuwait itu punya *admire* Malaysia, letak Malaysia begitu tinggi.

Dia cakap apa tahu, Emir Kuwait ini? Dia beritahu, Yang Berhormat, "*I want to see your Prime Minister*", dengan izin, "*I really want to see your Prime Minister. I will invite him but if he does not want to come here, I will go and see him because Malaysia is such a country that I really respect*." Hingga begitu taraf kita, kereta duta kita mati. Saya setuju dengan Yang Berhormat, terima kasih. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Parlimen pergi ke luar negara berjumpa dengan orang untuk menghadiri konvensyen-konvensyen, untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat, untuk menghadiri beberapa perbincangan tetapi apabila sampai di sana, jangan marah kalau duta kita tidak hantar pegawai pergi ke lapangan terbang. Mungkin tidak ada basikal.

Saya pergi ke *Russia, first secretary* dia berjumpa saya di hotel – masa itu saya ikut menteri, sekarang sudah jadi menteri jaga Parlimen – kata dia, *"Minta maaf YB, saya tidak dapat bawa kereta daripada embassy datang ke hotel untuk bawa YB hendak pergi ke tempat ini."* Saya tanya kenapa tidak boleh. Kata dia, *"Kalau YB hendak tengok, esok hari saya boleh bawa kereta itu untuk YB tengok tetapi bila kita keluar nanti, kita guna kereta peribadi saya",* katanya. Betul juga. Bila saya sampai dia bawa kereta itu, pemandu bawa. Kereta itu, Tuan Yang di-Pertua, *Malaysian Embassy* punya kereta tidak ubah macam kereta pekebun kecil yang tanam satu ekar sayur sawi dekat Batu 18, Pensrisen Road, Kuching.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Ketereh bangun.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Macam mana hendak bawa wakil rakyat mewakili negara yang hadir ke persidangan antarabangsa?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Penjelasan, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua yang bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Selepas ini, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Jerai mesti kena bagi, kalau tidak, habis kita.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kalau faham begitu, tidak apalah.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Duduk dahulu, Yang Berhormat...

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Santubong...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tetapi Ahli Yang Berhormat...

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat bagi Ketereh dahulu.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu peristiwa lagi yang saya baru teringat. Empat, lima bulan lepas saya dipilih bersama dengan Yang Berhormat bagi Santubong mewakili negara ke persidangan Parlimen Asia di Karachi. Alhamdulillah kita pergi. Bila dia tengok rombongan kita bercakap bagus, kita pertahankan negara kita. Radio Pakistan *impressed*. Dan berserta dengan rombongan kami ialah Ahli Parlimen bagi Arau. Ahli Parlimen bagi Arau ini dia pernah belajar di Pakistan dan rupa dia sama dengan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, maka TV Pakistan minta hendak *interview live. So*, kita pun bawalah.

Saya mengiringi Yang Berhormat bagi Arau dan saya beritahu, "*This is the younger brother of the King*," dengan izin. Kita pun pergilah. Yang Berhormat bagi Arau pun sudah siap, tengok-tengok kedutaan tidak boleh hendak sediakan kenderaan. Kita pergi dengan van C20. Bayangkan adik Yang di-Pertuan Agong pergi dengan van C20 dan cukup memalukan sampai Yang Berhormat bagi Arau kata apa, *"Cukuplah cakap aku younger brother of the King, cukuplah, tolong, malu". This is the thing*. Bila saya..

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Jerai, ini Yang Berhormat bagi Santubong punya laluan.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Santubong, Yang Berhormat bagi Santubong punya laluan. *[Ketawa]* Lepas ini sambung. Jadi, bila masuk dalam TV, Yang Berhormat bagi Arau betul-betul *impressed* TV. Bersama dia ialah Presiden Majlis

Syura Saudi Arabia dan TV Pakistan cukup *impressed* dengan Ahli Parlimen kita, bercakap dalam bahasa Inggerisnya yang kalah Mat Sallehlah. Keluar daripada dalam dada ini. *[Membuat contoh percakapan]* Saya pun tidak tahu hendak ajuk. Tetapi naik C20, *younger brother of the King*, malu!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Itu sahaja yang hendak saya cerita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat ini sudah macam main snuker.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tunggu, Yang Berhormat bagi Jerai ya. Saya hendak ulas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Macam main snuker. Yang hendak jawab ini Kementerian Pengangkutan, tetapi yang kena Kementerian Luar Negeri. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tidak, Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah hasil kerja Kementerian Luar Negeri, Tuan Yang di-Pertua. Saya masih kata pendirian kami bahawa ini adalah hasil kerja Kementerian Luar Negeri yang kita bincang. Baru dia masuk ke Dewan ini, dibawa oleh Menteri Pengangkutan. Tidak wujud Menteri Pengangkutan bawa undang-undang ini kalau Menteri Luar Negeri tidak bawa konvensyen ini, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya hendak teruskan soalan daripada Yang Berhormat bagi Ketereh.

Memang betul kita diberi satu kereta. Selepas Yang Berhormat bagi Arau dengan Yang Berhormat bagi Ketereh pergi ke Radio Televisyen Pakistan, saya dengan rombongan lain kena jaga anak-anak, tertinggal, tidak ada kereta. Tetapi wakil-wakil lain satu persatu duta dia bawa kereta – angkat mereka naik *Mercedes*lah, *Cadillac*lah, kereta panjang, *stretch car*lah, lima pintu, enam pintu, semua datang. Jadi, kita tergendala, saya duduk dekat tangga. Saya tanya manalah pergi Yang Berhormat bagi Ketereh dengan Yang Berhormat bagi Arau. Dia pergi ke TV, kita tertinggal sebab tidak ada kereta. Hendak tanya dengan kedutaan, mereka pun tidak ada kereta juga.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah sedihnya keadaan wakil-wakil kita di luar negara. Untuk membincangkan soalan ini., saya cukup yakin...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Jerai, cukuplah. Yang Berhormat bagi Jerai, tanya petang boleh?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak, saya pun pertamanya rasa cukup sedih dan simpati termasuk sahabat saya, Yang Berhormat bagi Arau, tetapi dia ini*... [Disampuk]* Ya?

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Oh! Masa sudah habis. Saya sambung petang nanti, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingat Yang Berhormat bagi Santubong sambung sebelah petanglah. Kalau Yang Berhormat bagi Jerai hendak tanya pun, petanglah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sekarang jam 1.00 petang, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] ***mempengerusikan Mesyuarat]***

**2.30 ptg.**

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Perbahasan disambung semula. Yang Berhormat bagi Santubong sudah habis berbahas, belum lagi ye?

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya baru mukadimah....

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baru mukadimah, baik.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** ......selepas mukadimah sebelum saya duduk ini....... sila duduk dahulu oleh kerana *floor* saya.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Memang saya hendak jemput Yang Berhormat dari Santubong.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tunggu dulu Yang Berhormat bagi Jerai. Saya akan jemput Yang Berhormat bagi Jerai....

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jerai ada Peraturan Mesyuarat kah?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Bukan Peraturan Mesyuarat. Pada penghujung mesyuarat tengah hari tadi saya sedang menyoal kemudian Dewan yang mulia ini ditangguhkan. Jadi apabila Dewan bersidang semula saya minta sambungan soalan saya diberikan.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yalah, tadi Yang Berhormat bangun sebelum Yang Berhormat bagi Santubong dijemput. Jadi Yang Berhormat bagi Santubong dia *(Yang Berhormat bagi Jerai)* hendak minta laluan boleh benarkan kah?

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tidak mengapa Tuan Yang di-Pertua. Saya jemput Yang Berhormat bagi Jerai.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bolehlah kemukakan soalan. Tapi jangan panjang.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Macam biasa Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Biasa memang teruk juga.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat bagi Santubong, bagi Ketereh dan bagi Arau menghadapi masalah. Walaupun kita bercakap tentang ruang udara dan sebagainya, tetapi apabila dikeluarkan oleh Yang Berhormat bagi Santubong berkenaan dengan kemudahan-kemudahan fasiliti kenderaan dan sebagainya, apabila delegasi Malaysia melawat ke luar negara, adakah Yang Berhormat bersetuju kerana masalah pengangkutan ini menjadi satu masalah kerana difahamkan Yang Berhormat bagi Arau dan Ketereh juga Santubong kena naik van C20. Ini bukan masalah dari segi Ahli Parlimen itu, tidak. Tetapi ini adalah masalah penghormatan negara kita. Jadi kita kena tunjuk bahawa negara kita Malaysia sebuah negara yang membangun dan negara yang maju. Kalau kita sebagai delegasi mewakili negara menghadapi masalah pengangkutan di negara-

negara yang kita pergi untuk menghadiri *conference* umpamanya, ini akan menunjukkan bahawa negara kita tidak begitu *advance* atau maju.

Saya hendak mencadangkan kepada Yang Berhormat apa salahnya kedutaan-kedutaan kita, duta-duta kita walaupun ini sampai sikit ke Kementerian Luar menggunakan kereta Proton Eksekutif kita. Gunakan kereta ini, *spare parts* tidak ada masalah kerana kita sekarang ini ada *express cargo* dan sebagainya. Ini salah satunya untuk kita menunjukkan kepada dunia, bahawa Malaysia mempunyai kenderaannya sendiri.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sekarang kita bincangkan masalah penerbangan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya tahu, saya tahu, dia kena kereta dulu baru naik kapal terbang. Sekejap lagi saya akan sampai.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Nanti Yang Berhormat jangan masuk ke kapal laut pula.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak, tidak, ini darat dan udara. Saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat supaya mencadangkan kepada kerajaan supaya semua duta kita menggunakan Proton Eksekutif. Kalau Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kabinet, Setiausaha Parlimen kita semua boleh pakai kereta Proton, pasal apa kereta-kereta bukan Proton ataupun kereta-kereta jenama negara kita tidak boleh kita gunakan di negara-negara asing. Sekurang-kurangnya kalau kita pergi ke Pakistan macam Yang Berhormat pergi Pakistan, orang-orang Pakistan akan tengok kereta ini model apa, Mercedes mereka tahu daripada Germany, BMW mereka tahu daripada mana, kalau kereta Hyundai yang besar daripada Korea, keluar mai Proton dia nampak ini kereta dari mana, duta Malaysia turun Yang Berhormat bagi Santubong turun kita berasa bangga. Jadi saya mencadangkan walaupun sedikit, tetapi Yang Berhormat boleh cadangkan supaya kita gunakan semua duta kita, kementerian-kementerian kita, pegawai-pegawai kita gunakan kereta kita. Kita kena *promote* benda kita. Kita kena *market*kan kereta kita. Kemudian ......

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Menteri pun hendak tanya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sila.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Nak tanya, motokar ini hendak pakai enjin diesel ke macam Yang Berhormat bagi Jerai ke, macam mana?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat Menteri kata saya ini enjin diesel. Bila berjalan hendak mati enjin lambat.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat, cukuplah. Tadi sudah macam ucapan dengan panjang lebar. Yang Berhormat bagi Santubong boleh berikan pandangan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Semua enjin diesel pun hendak beritahu Yang Berhormat, enjin diesel pun jalan cukup kuat.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat cukuplah sebab saya takut semua ini tidak akan dijawab oleh Menteri juga kerana terkeluar daripada tajuk. Sila duduk.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Itulah pandangan saya Yang Berhormat. Cuba Yang Berhormat fikir habis-habisan supaya maruah kereta kita ini menjadi satu kedudukan yang tinggi di dalam dunia *“Proton Malaysia - made Car”* dengan izin. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai dan saya mengucapkan terima kasih kepada Menteri. Saya pun tidak tahu yang bertanya boleh kena tanya lagi ni. *[ Semua Ahli Parlimen ketawa].*

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini semua sebahagian besar sudah lupa Peraturan Mesyuarat.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tetapi Tuan Yang di-Pertua kita kena menerima hakikat bahawa kita ada Menteri yang jaga Parlimen. Kalau dia buat tu kena ikut. Kita bukan harapkan orang lain hendak disiplinkan Parlimen, kita ada orang sendiri. Bila kita sudah buat Dato’ memang beres - semua sekali. Jadi saya hendak jawab Yang Berhormat bagi Jerai tadi - saya bersetuju, bahkan apabila saya pergi ke London berjumpa dengan *ambassador* di London, saya bertanya kenapa tidak pakai Proton? Saya kata Proton sudah ada pengedar, ada mekanik dan semua perkakasnya ada di London, maknanya kalau kita gunakan Proton, kalau you tidak puas hati dengan Proton yang biasa, iaitu Perdana Eksekutif itu kita boleh guna Proton macam

yang diguna pakai oleh NTV7 itu. Kita boleh buat begitu. Tetapi untuk negara-negara yang tidak mempunyai pengedar Proton, tidak mempunyai mekanik dan *facilities* Proton kita kena mengadakan mekanik sendiri, *garage* sendiri dan sebagainya. Ini mungkin menyusahkan, tetapi tempat-tempat di mana Proton telah diedarkan, ada kemudahan-kemudahan seperti demikian saya cukup bersetuju bahawa kita patut menggunakan Proton bukan sahaja untuk kemudahan, tetapi juga untuk mempromosikan....

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, adakah semua Proton ini dihantar dengan kapal terbang?.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Dihantar dengan kapal terbang dan kapal lain pun boleh. Yang ....

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya benarkan sedikit sebanyak kerana ia dihantar oleh kapal terbang.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *Spare parts.* Jadi *spare parts* nya naik kapal terbang, mekaniknya naik kapal terbang. Tuan Yang di-Pertua, saya kena serius, saya tidak boleh macam kawan-kawan di belakang. *[Dewan riuh]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Penjelasan Yang Berhormat. Setiap kali Yang Berhormat berucap, selalu Yang Berhormat sebut London, Pakistan boleh Yang Berhormat bagi tahu sekali dalam Parlimen, berapa negara Yang Berhormat melawat. Jadi senang…….*[Ketawa]*

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Boleh Yang Berhormat. Saya sudah melawat Sabah, saya juga sudah melawat Perlis dan Kedah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, adakah semasa Yang Berhormat pergi ke negara-negara itu naik kapal terbang?

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Naik kapal terbang. Semua naik kapal terbang. Sebab dari Sabah ke Kuala Lumpur, dari Sarawak ke Kuala Lumpur, memang tidak naik kapal laut lagi, semua naik kapal terbang atau pun ‘Belon’ kata orang Kuching. Jadi, Tuan Yang di-Pertua biarlah saya menumpu kepada akta di hadapan saya sebab Timbalan Menteri sudah tunggu-tunggu, bapa jaga Parlimen pun sudah duduk dekat sana jadi jangan kena buat sebarang, kena buat betul-betul. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita melihat bahawa……

**Dato' Ghazali bin Ibrahim:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Padang Terap bangun.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ada lagi berminat.

**Dato' Ghazali bin Ibrahim:** Ya. Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Saya juga hendak berkongsi pengalaman ini di luar negara. Pergi juga Jerai kita pun. Baru-baru ini saya dengan Yang Berhormat bagi Jasin, pergi ke Myanmar, kita dok cakap sebab kereta ini, ini sebab *handphone* pula. Di Myanmar harga *handphone*, telefon bimbit USD3,000 ke USD5,000

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ini tidak…….

**Dato' Ghazali bin Ibrahim:** Dak, ini bab kereta, bab Duta Tuan Yang di-Pertua.

**Seorang Ahli:** Pi bernikahkah apa?

**Dato' Ghazali bin Ibrahim:** Hubungan ini.

**Seorang Ahli:** Hubungan udara.

**Dato' Ghazali bin Ibrahim:** Hubungan udara. *[Ketawa]* Ada hubungan ini. Dia berhubung Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau-kalau…..

**Dato' Ghazali bin Ibrahim:** Duta dibekalkan…..tadi sebab kereta, ini sebab telefon samalah. Duta dibekalkan *hand phone*, tetapi pembantu dia, Setiausaha Duta tidak dibekalkan dengan *hand phone*. Jadi susah kami hendak berkomunikasi untuk program-program lawatan rombongan. Adakah Yang Berhormat bagi Santubong supaya setiap kita yang tinggi Setiausaha kepada Duta juga dibekalkan *hand phone*. Tinggi USD5,000.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat perkara ini tunggulah sampai Kementerian Luar Negeri.

**Dato' Ghazali bin Ibrahim:** Ini bab duta Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu sebenarnya telah langgar Peraturan Mesyuarat.

**Seorang Ahli:** Sikit-sikit ok.

**Dato' Ghazali bin Ibrahim:** Apa pendapat Yang Berhormat bagi Santubong?

**Seorang Ahli:** Dia pergi nikah kot…..

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Padang Terap.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat bagi Padang Terap ini tidak berapa jauh dari Jerai. Jauh? Tidak jauh. Kalau belum naik kapal terbang, tidak jauh. Dia naik kapal darat. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya setujulah, kemudahan-kemudahan yang diberi dengan supaya kita apabila bincang soal konvensyen, soal *treaty* dan sebagainya, kita mesti mencukupi bukan sahaja daripada kelengkapan, kemudahan, kepakaran dan sebagainya, bantuan termasuklah Yang Berhormat kata *handphone* itu. Kalau yang mahal nanti kita berdua buat syarikat di sana, jual *hand phone* di Myanmar.

Tuan Yang di-Pertua, saya tumpu kepada perundangan ini. Perundangan ini tidak banyak pindaan dia, tetapi implikasi dia banyak. Persoalan implikasi yang pertama ialah persoalan persediaan kita. kalau kita lihat persediaan kita, undang-undang ini mengatakan macam mana kalau satu kapal terbang kena *hijack* dan dipaksa *landing* di mana-mana lapangan terbang-lapangan terbang di Malaysia sama ada di KKkah, di Kuchingkah, di Kuala Lumpur , di Johor di mana sahaja. Apabila dia dikehendaki *landing* di tempat yang tertentu, persoalan yang dibangkit ialah bersediakah atau tidak agensi-agensi kerajaan di tempat itu untuk menangani masalah keselamatan. Kapal terbang ini kena *hijack*. Ini yang disebut dalam perundangan ini. Bersediakah tidak polis, bersediakah tidak tentera, bersediakah tidak pihak DCA dan pentadbiran kita di negeri tersebut menanganinya. Belum lagi terjawab Tuan Yang di-Pertua, saya mempersilakan…..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalabakan.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya ini tidak suka sangat Tuan Yang di-Pertua, orang dalam jail dipanggil nombor, orang di Parlimen dipanggil tempat. Saya biasa sebut nama sahaja. *[Ketawa]*

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Santubong memang hebat. Dari tadi saya mahu mencelah, tetapi kebetulan dia sebut pasal keselamatan di lapangan terbang. Saya kalau menyuarakan perkara di sini, saya tidak tahu diambil tindakan atau tidak. Sudah banyak yang kita luahkan, tidak ada

tindakan pun. Jadi ini mungkin Yang Berhormat bagi Santubong boleh berkongsi sama saya. Baru-baru ini, minggu yang lalu, kapal terbang dari Tawau sampai di KK di *gate* nombor 6. *Gate* nombor 6 ini bukan pakai bridge, ia naik pakai tangga. Kebetulan tempat kita berjalan itu panjang. Lampu mati, elektrik tidak ada, gelap. Kita pun setengah mati ini, mahu jalan keluar untuk pergi. Selepas itu ada pula satu orang tua sudah jatuh kerana dia sudah tidak nampak. Kita bantu dia keluar.

Persoalannya di sini, nombor satu *stand by* generator MAB tidak ada. Nombor dua dia, sepatutnya ia ada *emergency light*, kalau lampu mati ia mesti ada tempat-tempat yang merbahaya begini mesti meletakkan lampu. Tidak ada juga. Apa macam ini? Itu satu hal. Tiga empat minggu dahulu, kapal terbang MAS mahu *landing*, tidak boleh *landing* di Kota Kinabalu, hinggakan Ketua Menteri apabila mendapat laporan, marah kepada MAB. *Control power* tidak ada pegawai jaga untuk kapal terbang mahu *landing*. Berkeliaran di atas udara. [Ketawa] Di atas udara ini. Jadi apa macam Yang Berhormat bagi Santubong kata pasal *emergency* yang bukan *emergency* pun kita tidak boleh atasi, apa lagi kalau *emergency* yang kita hadapi. Jadi minta apa komen.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya memang menerima hakikat bahawa apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi memang relevan. Perkara yang jadi satu kenyataan, perkara yang benar berlaku dan perkara yang perlu ditangani oleh pihak Kementerian Pengangkutan dengan seberapa segera yang boleh. Kerana perkara ini tidak boleh dibiarkan begitu sahaja. Yang pertama apa yang disebut oleh Yang Berhormat itu generator *back up*. Kalau berlakunya *electricity break down*, kita kena mempunyai generator *back up.* Sebab banyak perkara dalam lapangan terbang itu berkehendakan *automatic monitoring* menerusi komputer. Kalau komputer ini tidak sendirinya mempunyai *battery back up,* ia tidak akan berfungsi. Kalau tidak berfungsi makna kapal terbang hendak *landing*, tidak boleh turun, kerana kebanyakan kapal terbang tidak boleh *landing* secara manual macam dahulu Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta lesen jadi *pilot*, tidak dapat lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ini berhubung dengan keselamatan. Kita sering kali mendengar bahawa

lapangan terbang kita sering kali terceroboh ataupun diceroboh iaitu dibolosi oleh orang-orang perseorangan. Mujurlah mereka ini bukan *terrorist*. Cuma daripada kumpulan yang ingin mencuri. Jadi bayangkan bagaimana kita boleh mempertingkatkan mengikuti kita punya konvensyen ini, sedangkan kita selalu dibolosi oleh orang-orang perseorangan yang bukan profesional pun boleh membolosi kita punya sekuriti keselamatan. Kalaulah ada kumpulan-kumpulan *terrorist* yang berniat jahat, bagaimana keadaan keselamatan kita boleh terjamin? Minta komen Yang Berhormat.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, saya cukup yakin Ahli-ahli Yang Berhormat di sini banyak pergi ke luar negara mewakili Malaysia – hadir konvensyen, hadir mesyuarat dan berbagai-bagai lagi. Tanya diri Yang Berhormat sendiri, apakah proses keselamatan yang telah dibuat, apakah proses keselamatan yang telah dilalui sebelum sampai – dari kapal terbang sampai ke kereta, dari kereta sampai ke lapangan terbang. Kalau di Pakistan, Yang Berhormat, saya cukup yakin memanglah sekuritinya tidak begitu canggih – mereka menggunakan *manual scanner* dan sebagainya tetapi tidak kurang daripada enam pintu tiap-tiap orang itu kena periksa.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya cukup bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Proses keselamatan ini ....... tunggu Yang Berhormat, tunggu saya habiskan dulu, persoalan oleh Yang Berhormat bagi Kalabakan pun belum saya jawab, saya akan bagi peluang, Insya-Allah ........ Timbalan Menteri, minta maaflah, Ahli Parlimen lagi berminat dengan persoalan keselamatan di lapangan terbang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat tak mahu tunggu Timbalan Menteri jawab?

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Kena panjang sedikitlah ...... saya cadang hendak habiskan dalam 15 minit tetapi kerana banyak peminat jadi kena bagi peluanglah. Keselamatan-keselamatan di mana sahaja, tanyalah kepada siapa yang sudah pergi ke Egypt, Pakistan, India, England, Australia, New Zealand, pergi tanya semua negara macam mana proses keselamatan itu dikendalikan dan apakah tindakan-tindakan agensi untuk menjaga keselamatan di lapangan terbang mereka, untuk menjaga kapal terbang, untuk menjaga keselamatan *passenger* dalam kapal terbang

sebelum naik ke udara. Keselamatan ini mesti dijaga dengan betul, kena urus dengan betul dan dilaksanakan proses keselamatan ini.

Tetapi dalam masa yang sama, Yang Berhormat, saya mohon kepada Ahli Yang Berhormat, kalau kena dua kali ditahan di Lapangan Terbang Kota Kinabalu, di Kuching, di KLIA oleh pegawai-pegawai keselamatan, janganlah tunjuk masam muka Yang Berhormat - bukan jaga dia sendiri, dia jaga kita semua. Kadang-kadang oleh sebab kita ini Dato', Y.B., bila kita kena *check* sedikit kita sudah rasa tidak sihat, tidak sedap, jadi ini kita kena terima hakikat keselamatan ini.

Hendak menyambung cerita Yang Berhormat Kalabakan tadi bahawa perkakas, kemudahan yang ada di lapangan terbang mesti mencukupi. Kita mesti bersedia untuk tiap-tiap perkara yang tidak disangka, yang di luar jangkaan, perkara-perkara yang boleh berlaku dan mungkin berlaku. *Part* ini kita mesti jaga. Peruntukan dan persediaan ini mesti dibuat satu persediaan.

Yang Berhormat, sila.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Yang Berhormat Santubong, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minat hendak berkongsi sebab saya baru sampai dari Doha. Saya pergi ke Tripoli, Libya kerana membentangkan kertas kerja mengenai HIV/AIDS bawah *World Assembly of Youth*. Apabila Yang Berhormat bercerita tentang keselamatan ini, saya hendak berkongsi pendapat dengan Yang Berhormat Santubong. Di Lapangan Terbang Doha, Lapangan Terbang Cairo dan Lapangan Terbang Tripoli, Libya, kalau diikutkan cara mereka, nampak macam *crook* tetapi saya nampak prosedur keselamatan mereka menepati hasrat keselamatan, iaitu apabila kita masuk sahaja ke *airport,* kita telah diperiksa dan telah ada *scanner*, tidak seperti lapangan terbang kita di KLIA di mana semua orang boleh masuk tanpa pemeriksaan keselamatan yang terperinci.

Apa yang berlaku di Lapangan Terbang Doha, saya tertinggal beg kerana hendak pergi ambil wuduk dan beg kita itu telah diambil oleh 'pegawai keselamatan. Kita ingatkan orang sudah curi kerana apabila saya merujuk kembali, saya dapati rupa-rupanya mana-mana beg yang ditinggalkan *unattended,* yang tidak diperhatikan, dia akan ambil kerana dikhuatiri di dalamnya ada sesuatu yang mungkin boleh memusnahkan lapangan terbang. Sifat, ciri-ciri ini tidak terdapat di KLIA – yang ambil

ialah pencuri bukannya pengawal-pengawal keselamatan yang memastikan perkara-perkara yang terperinci ini diberikan perhatian.

Yang Berhormat Santubong, saya minta komen tentang ciri-ciri keselamatan di KLIA di mana kita lihat *any Tom, Dick and Harry* boleh masuk, tidak kira siapa mereka, dia masuk sehingga sampailah ke pintu keselamatan untuk kita tunjukkan *boarding pass* dan *passport* kita untuk dilepaskan ke dalam. Keadaan ini tidak berlaku di mana-mana *international airport* walaupun negara-negara yang kita tengok ini kurang canggih dari *airport* yang kita ada di Sepang. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Ini soalan yang relevan Tuan Yang di-Pertua. Saya ada menulis di atas kertas ini, *[Menunjukkan kepada Dewan beberapa helaian kertas]* jadi sudah disambung oleh Yang Berhormat macam ini, maka saya rasa lebih selesa lagi, hendak ulas sahaja.

Sebenarnya di Lapangan Terbang Kuala Lumpur banyak perkara yang perlu diperbaiki dari segi keselamatan. Yang pertama, memasuki kawasan lapangan terbang itu sendiri sebelum kita *check-in*. Itu juga memang langsung tidak ada ciri-ciri keselamatan yang dibuat dan selepas itu apabila kita menaiki kapal terbang untuk penerbangan domestik, penerbangan dalam negeri, kita *check-in* dan barangan kita dimasukkan dalam kaunter, belakang kaunter, di bahagian belakang itu memang ada *scanner* untuk melihat sama ada beg yang kita *check-in* itu mempunyai barang-barang yang tidak boleh dibawa ke dalam kapal terbang. Untuk tujuan ini ada disediakan *scanner-scanner* yang tertentu dan saya berharap *scanner* ini boleh diguna pakai dan *scanner* tersebut cukup sofistikated kerana bom dan sebagainya Tuan Yang di-Pertua, sekarang tidak payah manual lagi kerana *handphone* pun boleh *trigger – dial* nombor dan bom dalam beg itu meletup.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Boleh tanya sedikit?

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tunggu Yang Berhormat ya, tunggu, Insya-Allah saya akan bagi, jangan susah, jangan bimbang. Saya berharap *scanner* ini jangan dibiarkan begitu sahaja. Ia mesti dari semasa ke semasa di*check*, dibaikpulih semua sekali supaya tiap-tiap mesin, komputer, *scanner* ini semua berfungsi dengan baik. Saya tahu barang-barang yang sebegini mesti di*check* tiap-tiap enam bulan sekali untuk menentukan ia berfungsi ataupun tidak.

Semua sebagaimana yang disebut tadi, Yang Berhormat kata di Doha, di Libya, di Egypt kita sudah lalui, kita sudah lihat macam mana sekuritinya. Kita bukanlah hendak kata, contoh, tetapi Yang Berhormat kita mempunyai satu standard yang tertentu – *acceptable international standard* untuk sekuriti ini kena kita laksanakan juga di *airport* kita, tidak kira dia Dato', tidak kira dia Tan Sri, tidak kira dia Y.B. dan sebagainya. Pergilah, kita dengar menteri kita di Australia kena tahan, menteri kita kena *frisked*, menteri kita kena melalui proses-proses keselamatan, jadi ini kita kena buat di lapangan terbang kita.

Saya berbalik kepada *international flight* ........ sebelum itu saya kena bagi dululah.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih, terima kasihlah, saya pun pernah juga ke Doha tetapi mungkin pengalaman saya dengan Yang Berhormat Tangga Batu berbeza sedikit. Semasa saya dengan Yang Berhormat bagi Kinabatangan sewaktu kami di Eropah pun, pengalaman yang berbeza sedikit, Alhamdulillah.

Persoalan saya Yang Berhormat, kita mungkin belum lupa dengan kejadian, peristiwa apabila lapangan terbang kita yang dahulu pernah di*hijack* oleh *Japanese Red Army* ..... mungkin kita sudah lupa kerana ia berlaku tahun 70-an dulu. *[Membaca catatan pada nota di hadapannya]* Berdasarkan kepada konvensyen yang telah kita bincangkan tadi. Kita lihat di mana langkah-langkah keselamatan terutama sekali sewaktu berada di udara kerana langkah negara jiran kita dari aspek penerbangan, mereka telah pun melantik *Marshall-marshall* di dalam penerbangan mereka. Apakah Yang Berhormat melihat bahawa sudah tiba masanya *Marshall* seperti yang telah diadakan oleh *Singapore Airline* sebagai contoh, dan syarikat penerbangan yang lain bagi menjaga keselamatan terutamanya sewaktu berada di udara. Malah sudah dilakukan langkah-langkah yang mengancam pencerobohan ke atas lapangan terbang kita ini oleh negara lain termasuk tindakan menembak penceroboh-penceroboh, terutama di negara jiran kita.

Tadi Yang Berhormat menyebut tentang keupayaan kita dan saya rasa sudah tiba masanya keupayaan kita telah melebihi bahkan kita boleh melihat perkara-perkara

ini amat penting untuk kita laksanakan seberapa segera yang boleh. Minta sedikit pandangan daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya memang bersetuju apa Yang Berhormat sebut supaya kita mempertingkatkan keselamatan di lapangan terbang kita di semua tempat. Tadi saya sebut sebelum kita check-in tidak ada ciri-ciri keselamatan yang dilaksanakan, tidak ada satu standard pun yang kita terima. Selepas kita check-in pun saya nasihatkan supaya barang-barang ini, scanner ini dibaik pulih dan di check dari masa ke semasa.

Cerita saya sendiri yang kehilangan satu komputer di lapangan terbang ini telah menunjukkan bahawa ada ciri-ciri keselamatan dibiarkan macam itu sahaja. Mempunyai CCTV tetapi filemnya tidak ada. Bila ditanya, memang tidak adalah, jadi tidak adalah *recording*. Kalau dia punya operator tidak duduk di sana, tidak melihat, tidak tahulah. Kalau dia ada, dengan sendirinya kita boleh cam siapa yang melaksanakan itu.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ini *soalan Domestic Flight* ini yang saya sebutkan tadi sampai ke sana. Duduk dulu Yang Berhormat, ya? *[Bercakap kepada Ahli Yang Berhormat bagi Rantau Panjang]* Saya hendak sampaikan mengenai *International Flight*. *International Flight* ini satu perkara lagi. *International Flight* Yang Berhormat, *all hand carried item* dengan izin, tidak di *check* sampai *you* masuk ke dalam sekali. Bila you hendak masuk kapal terbang baru dia *check.*

Tapi macam mana kalau saya bawa satu beg yang *full of bomb* lepas itu saya keluar semula berlandaskan saya ada satu dokumen lupa di luar, lepas itu *handphone* saya, saya buat ini - *dial number*, ‘*bruuum’* di dalam sana. Tidak ada *check! Hand carried item* - dia pergi daripada *domestic check in* itu sampai kita..... itu tidak ada langsung barang *hand carried item* kita dia kena *check* oleh sesiapa pun.

Ini perlu diambil tindakan yang khusus sekarang. Kerana bagi *International Flight* ini, *hand carried item* tidak di *check* keselamatannya sehingga dia masuk kapal terbang. Hendak masuk kapal terbang di *departure lounge* baru dia di *check.* Jadi ini ciri keselamatan yang sepatutnya kita ambil berat supaya memperkukuhkan lagi *security system* kita di lapangan terbang. Janganlah orang domestik kita *check* awal tetapi *international flight* kita tidak *check* langsung.

Jadi jangan kita bimbang soal pelancong ini. Pelancong, kalau kita jalan kerja kita dengan baik, jalan kerja kita dengan menunjukkan tingkah laku yang elok dia tidak akan menjejaskan pelancongan kerana apa sahaja tindakan keselamatan yang kita buat adalah untuk kepentingan bukan kapal terbang, bukan lapangan terbang kita sahaja tetapi untuk mereka yang naik kapal terbang itu khususnya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya jemputlah….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Rantau Panjang..

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Terima kasih. Saya, masalah domestik bukan internasional. Saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat, siapa yang patut dipersalahkan apabila *scanner* yang digunakan di *Airport* Kota Bharu tidak berfungsi. Pada satu pagi saya menaiki kapal terbang daripada Kota Bharu ke KLIA jam 6:40 pagi. Saya terlupa menyerahkan senjata api saya. Terus naik, saya melalui *scan* tetapi barangkali *scanner* tidak berfungsi ataupun pegawai-pegawai yang ada di depan saya itu - pegawai keselamatan tiga orang yang ada di situ dia tidak perasan bunyi, saya pun tidak perasan.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Bila sudah naik atas *flight* lebih kurang 10 minit baru saya terasa ada sesuatu di pinggang saya. Saya terpaksa berdepan dengan satu keadaan situasi yang agak serba salah. Saya panggil *air hostes*, beritahu kepada dia saya mempunyai senjata api di sini, apa tindakan yang mesti saya buat? Dia beritahu kepada *pilot*, bincang-bincang, pegawai mari dia beritahu saya, adakah dokumen di tubuh saya? Saya kata ada, saya mempunyai lesen, saya bagi. Kemudian dia bagi tahu saya, saya jangan bergerak ke mana-mana sehingga kapal terbang berhenti orang keluar semua kemudian baru saya boleh keluar. Ok tidak apa, saya kata.

Selepas saya turun senjata api itu dia bagi balik. Apa yang berlaku selepas itu salah seorang pegawai daripada tiga orang pegawai yang bekerja di tempat *scanner* di Kota Bharu diambil tindakan tatatertib oleh pihak penerbangan. Jadi saya hendak bertanya, apakah patut pegawai itu diambil tindakan sedangkan *scanner* sebenarnya tidak berfungsi di waktu itu. Minta pandangan.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat dalam persoalan yang kita sebut di sini tidak ada beza pembangkang dengan kerajaan. Keselamatan itu

adalah menyeluruh, orang putih kata ..........*the political boundary*. Apa Yang Berhormat sebut itu, inilah yang saya sebut tadi. *Scanner*, semua *equipment* dan *machine* itu kena *check* dari masa ke semasa. Buat *random check up, check* dan sebagainya supaya kita memastikan apa juga perkakas yang kita *install*, *equipment* yang kita *install* itu berfungsi *top notch,* boleh jadi benteng keselamatan negara kita, keselamatan *passenger* kita, keselamatan kapal terbang kita.

Jadi Yang Berhormat saya setuju dengan Yang Berhormat itu tetapi soalan siapa yang bertanggungjawab, minta maaf Yang Berhormat, ya. Siapa yang bertanggungjawab, itu semua tidak payah jawab, tidak payah sebut memang kita tahu orang yang bertanggungjawab kepada keselamatan, bertanggungjawab kepada perkakas ini mestilah bertanggungjawab untuk memperbaiki barang-barang yang tidak berfungsi.

Jadi Yang Berhormat, saya hendak sebut yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Larut tadi yang belum saya sentuh soalan *marshal* ini. Sebenarnya *marshal* ini sudah dibuat di beberapa kapal terbang macam di America, di Singapore sudah di buat. Apabila sampai kepada persoalan senjata ini Yang Berhormat, saya sudah pegang senjata selama 13 tahun. Saya duduk dalam hutan 5 tahun pegang senjata, berpeluk dengan senjata tiap-tiap hari, tiap-tiap malam.

**Seorang Ahli:** Senjata yang mana satu?

` **Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Semua, bawah dan atas senjata saya buat.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sebenarnya, pegawai-pegawai dalam *police field force* dulu dia bawa dua senjata, satu senjata dekat sini, satu senjata dia pegang, jadi dualah bawah dan atas. Janganlah interpretasi salah pula.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Ketawa]* Kawan-kawan ini, sama kawan-kawan cakap pun interpretasi pula berlainan. Saya dengan senjata memang bimbang...macam yang berlaku pada Yang Berhormat itu. Saya sampai sekarang pun sudah tidak ada lagi, tidak ada lagi senjata. Saya kata saya takut benda yang berbahaya, takut dengan apa yang berlaku pada Yang Berhormat itu. Saya tidak

percaya simpan senjata dalam rumah kerana anak-anak saya, isteri saya, orang lain boleh masuk orang lain boleh guna.

Jadi soal *marshall* ini pun macam itulah masalahnya. Kalau orang yang pegang senjata ini tidak mempunyai kepakaran dan kehandalan yang tertentu, orang lain boleh rampas senjata dia dan menggugatkan kapal terbang itu sendiri. Ini kena jaga. Sebelum kita bawa senjata kita mesti berupaya mempertahankan senjata ini daripada diambil orang lain dan diguna pakai orang lain menggugat perkara yang kita hendak jagakan. Ini termasuk kita sendiri.

Jadi soal *marshall* ini, kerajaan mesti berfikir panjang-panjang kalau hendak lantik carilah orang yang besar, tua, tegap, yang latihan cukup daripada segi badan, fizikal dan mental dia untuk mempertahan bukan sahaja senjata dia teapi juga barang yang dia hendak pertahankan. Jadi soal *marshall* ini walaupun saya mempunyai pendirian yang bebas, saya bersetuju kalau kita adakan *marshall* tetapi gunakan senjata mungkin bukan senjata api, mungkin senjata lain yang boleh digunakan tidak membinasakan kapal terbang kalau dilepas pun dia tidak akan memecahkan kapal terbang masa dalam penerbangan.

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Berpatah balik kepada cerita komputer Yang Berhormat yang hilang tadi. Dari masa ke semasa kita ada mendengar desas desus bahawa orang dalaman yang semacam ada sindiket bila dia *scan* dia tengok ada komputer dia telefon kawan dia di hujung sana. Jadi mula beroperasilah sindiket yang mencuri barang. Kadang-kadang kita mendengar *handphone* hilang, kadang-kadang kita dengar duit yang hilang jadi macam mana pendapat Yang Berhormat kalau kita mencadangkan ataupun menanya kepada kementerian sama ada, ada kaunter *surveillance* untuk menentukan orang yang berkhidmat di MAB itu memang orang yang bersih dan boleh dipercayai oleh semua penumpang.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat walaupun *relevan* tapi memang amat penting bagi pihak MAB keselamatan kapal terbang, keselamatan lapangan terbang, keselamatan *passenger*, keselamatan harta benda penumpang ini diambil berat dan mestilah kita mencari anggota-anggota yang masuk, tidak kira sama ada dia anggota keselamatan, ataupun anggota porter dia, pegawai-

pegawai dia yang dilantik daripada itu di *screen* daripada satu masa ke semasa di *vet* dia punya latar belakang sebelum dilantik - Di *monitor* kan gerak geri mereka. Kalau diketahui seseorang individu itu mempunyai *tendency* dengan izin, yang lemah untuk mempertahankan diri dia sendiri melakukan perkara yang buruk ini mesti kena ambil tindakan yang khusus ataupun kena alih ke tempat-tempat yang lain di mana dia tidak mengganggu-gugat. Kerana ini bukan cerita *hypothetical* Yang Berhormat. Pernah berlaku kepada seorang profesor yang hendak datang dari Kuala Lumpur ke Kuching, dia menghadiri satu seminar di Kuching.

Bila dia sampai lapangan terbang, dia hampir menangis. Nasib baik dia ada satu kot dan *t-shirt* di dalam, dia kena beli satu *shirt* lagi untuk dipakai kerana semua barang dalam beg dia hilang. Dia beritahu saya, nasib baik Yang Berhormat, kertas kerja saya masih dalam *handbag*, kalau tidak, semua habis, dalam beg ini kosong. Yang tinggal, benda-benda yang tidak bernilai pada dia, pakaian yang tidak ada guna macam stoking, seluar dalam, masih ada di dalam, yang mahal-mahal sedikit itu, sudah habis keluar, beg kunci balik. Jadi memang, perkara ini benar-benar berlaku, saya sendiri melihat perkara ini berlaku atas seseorang dan patutlah kita selidik pegawai-pegawai kita apabila kita menyangka seseorang itu adalah tugas dan tanggungjawab pegawai atasan dia, mengambil tindakan sama ada dari segi kaunseling, dari segi nasihat, dari segi apa saja yang perlu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya akan berpindah kepada *security preparation, dengan izin,* ataupun persediaan keselamatan di dalam lapangan terbang untuk mengatasi masalah yang berbangkit daripada perundangan ini kerana tidak guna undang-undang ini dilaksanakan ataupun diluluskan oleh Dewan yang mulia ini kalau persediaan kita di peringkat pelaksanaan tidak sampai satu standard atau tidak sampai ke satu tahap yang boleh direalisasikan hakikat dalam undang-undang ini. Umpamanya latihan, pengenalan dan kesedaran kepada pihak *cabin crew, dengan izin,* di dalam kapal terbang itu sendiri. Kalau berlaku satu pengambilan kuasa dalam kapal terbang, bagaimana reaksi dan aksi pegawai-pegawai di dalam kapal terbang itu sendiri; *pilot, steward, hostess and stewardess,* macam mana reaksi mereka? Apa tindakan mereka? Macam mana mereka bertindak dan sebagainya – itu yang di atas.

Yang di bawah, umpamanya pihak polis di tiap-tiap lapangan terbang di mana kapal terbang boleh *landing*, apa persediaan polis, apa persediaan tentera dan apa persediaan pihak MAB umpamanya, pegawai-pegawai keselamatan lapangan terbang? Apa latihan yang telah kita buat? Kalau tidak buat, bila hendak dibuat? Kalau hendak dibuat, cara mana perbuatan latihan ini akan dilaksanakan untuk mengatasi kalau sesuatu perkara. Kalau tidak, undang-undang ini hanya tinggal satu undang-undang dalam buku ini sahaja. Kita telah melaksanakan apa yang kita telah tandatangani dalam *Montreal Protocol* dan luluskan satu perundangan yang mengisi kehendak *Montreal Protocol* itu tetapi dalam masa yang sama, pengisian di negara kita sendiri belum kita laksanakan dari segi kepakaran, dari segi kemampuan dan dari segi kebolehan kita mengatasi masalah yang dianggap mungkin dan boleh berlaku di negara kita.

Adakah kita bersetuju untuk mewujudkan atau menubuhkan satu unit khas dalam MAB sendiri? Kita tidak perlu lagi polis, tidak perlu lagi tentera atau komando dari pihak tentera atau komando dari pihak polis, kita adakan unit khas dalam MAB itu sendiri dengan latihan yang tertentu; latihan tentera, latihan perang dalam corak mengatasi *terrorism –Anti Terrorism Unit* di tiap-tiap lapangan terbang. Begitu juga *civil support group,* dengan izin, iaitu pihak bomba, pihak hospital, kalau berlaku perkara ini, berapa cepat kita boleh sampai ke lapangan terbang untuk menyahut seruan daripada perkara-perkara ini berlaku.

Ada tidak kita mempunyai kalau kita lihat di Amerika umpamanya, *negotiator* yang berkepakaran, mempunyai kebolehan yang boleh berunding, *negotiate,* dengan izin, dengan pihak-pihak yang mengambil alih teraju kepimpinan ataupun kuasa dalam kapal terbang itu bila sampai ke satu-satu lapangan terbang. Berapa lama kalau tidak ada di tiap-tiap negeri, berapa lama kita boleh terbangkan dia ke sesuatu tempat yang tertentu, dalam masa yang tertentu supaya dia boleh berbincang kerana mempunyai satu kepakaran yang khusus untuk berbincang dengan pihak yang mengambil alih kuasa dalam kapal terbang tersebut. Jadi perkara ini, banyak yang boleh kita fikirkan, yang patut kita sediakan untuk menangani masalah-masalah yang dilihat mungkin berlaku dan boleh berlaku di negara kita dan boleh berlaku dengan kita dilihat dalam perundangan ini untuk mengisi bukan sahaja dari segi perundangan, begitu juga dari

segi penampilan atau pendekatan kita dalam menangani masalah yang mungkin berlaku.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya sudah balik dari Kanada, dari Australia, pergi ke lautan tujuh dan sebagainya, kembali ke Dewan ini dan itu sahaja buat sementara hingga lain kali. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Beluran.

**3.16 ptg.**

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan pindaan ini dan tentulah Dewan ini akan meluluskan pindaan undang-undang ini sesuai dengan *Protocol Montreal* yang kerajaan sendiri menjadi salah satu negara yang menerima pakai *Protocol Montreal* ini. Tetapi dalam melaksanakan protokol ini agar ia dapat memberi kesan yang diharapkan seperti yang dikehendaki dalam *Convention On Protocol Montreal* ini, tentulah perkara-perkara yang melibatkan lapangan terbang kita, sama ada pada lapangan terbang antarabangsa ataupun lapangan terbang domestik haruslah menjadi faktor yang perlu dipertingkatkan oleh kerajaan agar *the spirit of the amendment* dapat kita rasai dalam negara kita. Saya menyentuh ini kerana saya melihat banyak peraturan kecil yang dibuat sendiri oleh pihak lapangan terbang yang pada mulanya ada *eagerness*, ada kesungguhan untuk melaksanakan peraturan-peraturan tetapi selepas tiga bulan, empat bulan dan akhirnya sekarang ini kita melihat beberapa peraturan ini tidak lagi diguna pakai, dilaksanakan dengan baik, dilaksanakan secara serius oleh pihak lapangan terbang sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil contoh peraturan untuk mengehendaki cuma *bona fide passenger*, penumpang yang benar-benar sahaja yang terbang dalam lapangan terbang domestik kita. Pada peringkat awal pelaksanaannya, kita melihat ia dilaksanakan secara serius oleh pihak lapangan terbang. Tetapi jika sekarang ini kita terbang menerusi lapangan terbang domestik kita, kita melihat peraturan yang dibuat sendiri oleh pihak lapangan terbang ini menjadi satu peraturan yang *randomly applied* sedangkan pada awalnya, ia satu peraturan yang tentu sekali akan memberi kesan keselamatan kepada penumpang yang terbang dengan menggunakan kapal terbang. Tetapi akhirnya sekarang ini kita lihat, ia cuma tinggal satu peraturan yang dilaksanakan secara *random*. Apakah itu matlamat lapangan terbang yang ada pada ketika ini?

Dalam melaksanakan *randomly checks* ini pun, kita melihat pihak pegawai MAS, pihak MAB yang mengendalikan peraturan dan undang-undang ini, *rules and regulations* ini, melaksanakannya seolah-olah sekadar melepaskan batuk di tangga. Kalau rasa hendak *check passenger*, kita kena *check*. Yang lebih teruknya itu, bila nampak *passenger* angkat beg *over this side* dan satu beg lagi di tangan sebelah, masa itulah dia *check* – minta kad pengenalan, minta dokumen diri tetapi kita lihat ada ketika *passenger* di hadapan tidak dilaksanakan peraturan ini. Jadi, ini bererti satu peraturan yang begitu berkesan dalam menentukan cuma *bona fide passengers* sahaja yang terbang tetapi akhirnya pihak lapangan terbang itu sendiri tidak melaksanakan peraturan yang mereka letakkan terhadap penumpang. Begitu juga peraturan yang mengehendaki cuma satu *hand luggage – cabin size luggage*. Kita nampak setiap depan lapangan terbang domestik ada *iron frame size* yang jika diletakkan beg, itulah *cabin size* yang dibenarkan masuk dalam kapal terbang. Sekarang ini, itu juga tidak dilaksanakan, tidak diperhatikan dengan serius oleh pihak lapangan terbang.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita melihat bahawa apa-apa pun peraturan yang kita *introduce* untuk keselamatan *passenger* dan juga keselamatan lapangan terbang, tetapi jika peraturan itu tidak dilaksanakan dengan baik oleh pihak yang mengendalikan pelaksanaan itu, akhirnya dia akan jadi - *passengers, irregulation* untuk mengehendaki cuma satu *hand luggage,* kabin saiz *luggage* akhirnya dia jadi satu peraturan yang tidak mendatangkan manfaat yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, cuba kita lihat lagi saya ingin mengambil dan menambah sedikit apa yang dicakapkan oleh Santubong tadi tentang staff, tentang kakitangan, air crewkah, siapa sahaja yang terlibat dalam keluar masuk lapangan terbang ini. Saya tengok banyak yang terlalu *relax* kerana dilakukan tiap-tiap hari. Ada unsur-unsur *lapse* dalam melaksanakan peraturan-peraturan. Insiden seperti penemuan keratan-keratan wayar dalam pesawat MAS, penemuan *loose screw* di dalam pesawat MAS, ini menakutkan Tuan Yang Di-Pertua. Jika ini boleh berlaku dalam pesawat kita, kita melihat bahawa ada masalah keselamatan dalam lapangan terbang kita.

Kita observe dengan passenger yang keluar masuk dalam lapangan terbang tetapi kita lacks dalam melihat keperluan ini juga harus diambil perhatian terhadap kakitangan, pekerja am kah, kakitangan kah, air crewnya kah, pesawat-pesawat yang keluar masuk dalam lapangan

terbang kita. Be there domestic syarikat penerbangan tempatan ataupun *syarikat penerbangan antarabangsa dan insiden ini tentu memperlihatkan kita bahawa* the security of the airport, *keselamatan* airport *itu harus tidak ada* lapse*nya oleh pihak-pihak yang mengendalikan bahawa urusan keselamatan kapal terbang. Public atau masyarakat umum masih tertanya-tanya siapa yang bertanggungjawab dengan penemuan wayar,* loose screw *dalam pesawat MAS* bukan sekali berlaku tetapi dua kali berlaku, we are still asking, masyarakat umum masih ingin tahu, tetapi kadang-kadang kita takut sama ada pesawat yang kita naik itu ada *loose screw* dan ada wayar yang sudah tidak cukup.

Tuan Yang di-Pertua, ini langkah-langkah yang harus dilihat oleh kerajaan. Soal keselamatan tidak harus ada *lapse*, jika benda itu boleh berlaku kalau perkara keratan wayar *loose screw* boleh ditemui, boleh berlaku, tentu kita akan dapat melihat bahawa perkara-perkara yang lebih serius daripada yang berlaku ini boleh juga berlaku terhadap penerbangan awam, domestik dan *international* melalui lapangan-lapangan terbang yang ada di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, trend yang ada sekarang ini di semua lapangan terbang kita sama ada yang *international* dan yang cuma memberi perkhidmatan domestik. Lapangan terbang kita itu bukan sahaja untuk penerbangan untuk *passenger,* tetapi kita menarik *the public* untuk masuk ke lapangan terbang. Kita lihat sekarang ini lapangan terbang MAB bukan sahaja untuk penerbangan, tetapi di*convert* dan di sampingkan juga dengan kedai-kedai *shoppers, airport shopping*, ini yang berlaku sekarang ini. Kalau kita lihat KLIA di luar sana, di dalam sana, di dalam *boarding* itu, *shops* dan kedai-kedainya begitu banyak sekali.

Di Sandakan dan Kota Kinabalu kedai-kedai dan gerai-gerai menjual ini juga banyak sekali. Ini mengundang public untuk masuk ke lapangan terbang, tetapi kalau kita lihat *checking* itu dilakukan ketika masuk dalam lapangan terbang cuma *passenger* yang masuk *check in* itu sahaja yang di*securitycheck*kan oleh pegawal dan polis keselamatan kita, tetapi mereka yang datang untuk ke lapangan terbang, yang bukan menjadi *passenger* dan bukan dari penumpang boleh berada dalam lapangan terbang tanpa sebarang *security check* dengan alasan untuk *airport shopping*.

Saya ingin penjelasan sama ada kerajaan melihat ini sebagai *potential security risk* melalui lapangan terbang kita, dengan mengadakan terlalu banyaknya kedai-kedai dan gerai-gerai yang jual barangan di luar airport ini, di dalam bangunan airport, di luar

kaunter ini sebelum masuk ke *boarding*, sebelum *check in* itu, adakah tidak kerajaan melihat ini sebagai satu *potential security risk* yang boleh berlaku dalam lapangan terbang kita. Kerana kalau kita lihat airport seperti di Manila umpamanya cuma *passenger* sahaja yang boleh masuk ke dalam lapangan terbang, dia yang menghantar keluarga itu cuma berhenti di *gate* lapangan terbang, masuk sahaja dalam lapangan terbang itu cuma *passenger* sahaja yang dibenarkan masuk ke dalam lapangan terbang. Kalau *passenger* hendak *shopping* itu selepas *check in*, tetapi di lapangan terbang tidak ada *public* atau orang ramai yang boleh masuk dalam bangunan lapangan terbang. Saya ingin tahu adakah ini akan dilihat sebagai satu pendekatan yang boleh diambil oleh kerajaan untuk menentukan tidak ada kecelakaan yang boleh berlaku di lapangan terbang kita. Bukan sahaja dilakukan oleh *potential passengers,* tetapi dilakukan atas alasan untuk *airport shopping*. Saya ingin penjelasan daripada kementerian sama ada ini di ambil kira dalam perkiraan keselamatan untuk dalam jangka masa panjang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat keperluan untuk menyeragamkan sekuriti, ciri-ciri keselamatan untuk semua lapangan terbang. KLIA kita mempunyai sistem yang lebih baik, *check in luggage* itu tidak melalui *one box* mesin yang besar itu dilihat secara manual oleh *scanner* atau oleh pegawai-pegawai keselamatan, tetapi kalau kita lihat *airports domestic* yang lain termasuk Lapangan Terbang Kota Kinabalu, Lapangan Terbang Tawau, Sibu, Labuan, Sandakan masih menggunakan *scanner luggage* yang dipantau secara manual oleh pegawai keselamatan dan *again* kita melihat *the human factor*. Sama ada pegawai yang melihat itu benar-benar fokus pada ketika beg itu melalui *scanner* tersebut ataupun tidak, tetapi kita lihat ciri-ciri keselamatan untuk *luggage* di Airport KLIA ini lebih bagus. Sama ada kerajaan ingin menyeragamkan ciri-ciri keselamatan bukan sahaja untuk semua lapangan terbang yang ada di negara kita. Bukan sahaja tertumpu kepada KLIA atau Subang, tetapi untuk semua lapangan terbang termasuk lapangan terbang kecil seperti Lapangan Terbang Sandakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga melihat keperluan untuk DCA menentukan *genset* mereka di lapangan terbang beroperasi dengan baik. Insiden yang berlaku di Kota Kinabalu seperti yang disuarakan oleh Kalabakan tadi merupakan satu insiden

yang *real* dan yang berlaku, dan perlu penelitian oleh pihak DCA, yang akan menentukan bahawa pada ketika *black out.* Ini satu perkara yang lumrah bagi negeri Sabah, pada ketika *black out* itu generator set yang ada di lapangan terbang dan yang di*maintain* oleh DCA itu berfungsi secara baik, kerana saya ingin nyatakan ini boleh mengganggu, kalau di US, kalau di Jepun, kalau di Kuala Lumpur ini ada *black out* dia boleh mengundang malapetaka.

Saya juga yakin Tuan Yang di-Pertua, jika *black out* berlaku di lapangan terbang ia juga boleh mengundang malapetaka. Itu harus diambil kira oleh kerajaan untuk menentukan protokol yang kita sama-sama menganggotainya dan menerimanya, Protocol Montreal yang kita menerimanya, yang kita bincang pada hari ini di*adjust*kan kepada kehendak dan keperluan keselamatan *airport* kita untuk negara ini melalui rang undang-undang ini akan memberi kesan yang baik kepada keselamatan penerbangan Malaysia. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tumpat.

**1530 petang**

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut terlibat dalam perbahasan rang undang-undang untuk meminda Akta Kesalahan Penerbangan 1984 yang secara pokoknya saya faham adalah bertujuan untuk mendapat pengesahan daripada Dewan yang mulia ini di atas hasrat kerajaan negara kita ini untuk bersama-sama dengan masyarakat antarabangsa menyokong tindakan-tindakan dan keputusan-keputusan sepakat di kalangan negara-negara dari segi keselamatan penerbangan awam di seluruh dunia.

Saya mempunyai *point-point* yang kebanyakannya sama dengan rakan-rakan daripada Kubang Kerian, Beluran tadi dan juga Santubong dan oleh itu mungkin saya tidak perlu mengulangi *point-point* yang disebutkan itu. Saya kasihan juga dengan kawan saya Yang Berhormat Santubong yang menyebutkan tadi bahawa beliau terpaksa ditugaskan untuk bercakap panjang di atas rang undang-undang ini memandangkan kurangnya sumbangan-sumbangan penyelidikan yang beliau perolehi untuk membahaskan tajuk yang agak teknikal ini.

Saya fikir dalam kita membahaskan hal ini, kita perlu senantiasa ingat walaupun ini adalah untuk mengesahkan protokol yang dipersetujui, ditandatangani di Montreal, Kanada pada tahun 1988, tetapi kerajaan kita mengambil keputusan hari ini untuk disahkan oleh kerajaan dan melalui Parlimennya sudah tentu sebahagian daripada sebabnya ialah kerana gara-gara yang berlaku di seluruh dunia hari ini iaitu kebimbangan di atas berleluasanya keganasan yang berperingkat antarabangsa ataupun dengan izin, *international terrorism*.

Jadi oleh kerana *international terrorism,* dengan izin, begitu menjadi ancaman kepada seluruh dunia maka kita sebagai yang sepatutnya dan oleh sebab itu kita menyokongnya terpaksa meluluskan undang-undang yang walaupun sudah dipersetujui begitu lama tetapi memandangkan keadaan semasa yang ada ini. Oleh sebab itu, dalam kita menyokong rang undang-undang ini, kita kena senantiasa sedar bahawa punca masalah keganasan hari ini adalah oleh kerana dasar negara-negara barat terutamanya Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya mempunyai dasar-dasar yang meletakkan rakyat-rakyat negara-negara lain dunia kedua, dunia ketiga berkeadaan yang tanpa negara seperti rakyat Palestin ataupun ada negara tetapi kekayaannya ditakluki oleh dunia yang berkuasa besar, Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya ini.

Dan masalah-masalah inilah yang berpuluh tahun dilakukan oleh kuasa-kuasa barat sehinggakan rakyat dunia yang merasakan diri mereka tertindas sekian lama, bangun dan terpaksa melakukan tindakan-tindakan yang kita namakan keganasan antarabangsa atau *international terrorism* hari ini. Jadi ini latar belakang kenapa kita bersusah payah mengarahkan Santubong untuk berucap satu hari suntuk dan rakan-rakan lain untuk sama-sama membantu dan sebagainya untuk kita menyelesaikan masalah yang puncanya daripada luar negara ini, puncanya tidak lain tidak bukan negara seperti Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya.

Sudah tentu kita akui bahawa negara kita mempunyai masalah-masalah lain, masalah yang dipanggil sebagai masalah sosial, masalah remaja dan sebagainya. Sudah tentu masalah dadah adalah masalah yang penting tetapi oleh kerana masalah-masalah seperti yang kita terpaksa kita bahaskan ini juga penting dan juga perlu kepada kelulusan Dewan ini maka sudah tentulah kita terpaksa membahaskannya dan memahaminya.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menyeru kepada Jabatan Penerbangan Awam atau DCA supaya diperkuatkan lagi memandangkan pergolakan-pergolakan seperti yang kita bayangkan tadi maka Jabatan Penerbangan Awam mestilah diperkukuhkan jenteranya, kakitangannya, peralatannya dan sebagainya supaya semua persoalan berkaitan dengan penerbangan awam sama ada lapangan terbangnya, kapal terbangnya, penumpangnya, pengunjungnya, pengguna-penggunanya, kargonya dan sebagainya adalah dikawal selia dengan cara yang terbaik oleh apa yang kita sebutkan secara ringkas sebagai DCA ini.

Keduanya berkaitan dengan DCA, saya ingin bertanya kepada kementerian berkaitan dengan ura-ura dahulunya untuk menswastakan menara kawalan, *radar privatization of the control tower,* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sama ada kerajaan telah pun melaksanakannya atau belum melaksanakannya tetapi masih berhasrat untuk melaksanakannya ataupun kerajaan sudah membuat keputusan tidak akan menswastakan menara-menara kawalan ini.

Saya menyentuh hal menara kawalan ini sebab saya kira ia suatu bahagian yang penting dalam penerbangan awam, ia memastikan bahawa kawalan awam udara kita ini dikuasai secara langsung oleh kerajaan dan kerana dari sudut strategiknya sebagaimana yang kita semua faham sebahagian daripada bumi Johor, kawalan udaranya adalah daripada Singapura, oleh sebab itu maka kepentingan negara ini kalau dengan Indonesia kita sanggup bertembung kapal perang di Sulawesi, dengan Singapura sudah tentulah kita tidak mahu membenarkan udara kita dikuasai, dikawal oleh negara Singapura di atas sebahagian besar negeri Johor, yang saya yakin masih berlaku sekarang ini.

Jadi saya harap bahawa kerajaan mengambil berat akan prinsip-prinsip seperti itu supaya kedudukan kita tidak dihina dan kawalan kita terhadap negara kita dikuasai sepenuhnya oleh negara kita. Lihat saja yang berlaku di negara China, negara Korea hari ini. Kerana Jepun yang berlaku dalam tahun 1937, dalam buku teks di sekolahnya tidak memberikan penerangan yang jelas tentang *"The Massacre of Nanking* dalam tahun 1937. Maka dalam buku teks disebut seimbas lalu sahaja peristiwa pembunuhan puluhan ribu rakyat China dalam tahun 1930an sebelum Perang Dunia Kedua.

Hari ini rakyat China memberontak, hari ini rakyat China menyerang kedutaan-kedutaan Jepun yang ada di bumi negara China itu, itu maruah negara. Oleh sebab itu, kita juga dalam konteks maruah negara kita, kena ada semangat itu bahawa walau sesiapa sekalipun hak negara kita mestilah kita pertahankan dan oleh sebab itulah saya rasa saya memandang berat bahawa soal kawalan udara negara kita ini seharusnya berada di bawah kawalan kita dan bukannya di bawah kawalan negara lain walaupun dari segi kejiranan, dari segi kerjasama ASEAN dan sebagainya, kita memberikan tempat yang sepatutnya kepada hubungan seperti itu.

Seterusnya berkaitan dengan menara kawalan ini, saya tekankan juga kerana pernah berlaku di lapangan terbang yang lama di Subang itu, kebakaran di lapangan terbang itu dan semua tahu puncanya ialah daripada menara kawalan udara di situ. Dan kita juga tengok, dengar dan baca dalam berita-berita bahawa salah satu sebab yang menjadi punca kebakaran itu adalah pegawai kakitangannya tidak berpuas hati dengan kedudukannya, tidak dapat cuti dan sebagainya. Kalau saya ingat sebab yang dilaporkan dalam akhbar apabila orang yang dituduh sebagai punca kebakaran itu dihadapkan ke mahkamah. Jadi saya nak tekankan betapa pentingnya kawalan udara dan supaya jika hasrat untuk menswastakannya masih ada supaya kita membatalkan hasrat itu dan menganggap bahawa kawalan udara adalah suatu tugas kerajaan yang penting dan tidak sepatutnya semudah itu diswastakan kepada pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan dengan lapangan terbang. Saya ingin bertanya kepada kementerian tentang dasarnya sekarang ini, tentang lapangan terbang yang hendak diberikan taraf lapangan terbang antarabangsa di kalangan lapangan-lapangan terbang yang belum lagi mempunyai taraf lapangan terbang antarabangsa.

Saya fikir kebanyakan lapangan terbang-lapangan terbang dan kerajaan-kerajaan negeri yang terlibat seperti lapangan terbang di Pantai Timur seperti di Kelantan, Terengganu, dan di Pahang saya fikir kerajaan-kerajaan negeri akan merasai lebih ramai lagi pengunjung atau pelancong dan kemudahan perjalanan udara akan muncul jika lapangan terbang-lapangan terbang ini dinaikkan taraf sebagai lapangan terbang antarabangsa supaya penerbangan daripada Kota Bharu atau Kuala Terengganu ke negara-negara ASEAN misalnya yang dekat-dekat menjadi bertambah dekat jika dijadikan lapangan terbang antarabangsa untuk tempat-tempat ini dan ini akan

memudahkan, melicinkan dan memperbanyakkan lagi pelancong-pelancong datang dan pelancong kita boleh ke negara-negara itu.

Apakah sikap dan dasar kementerian hari ini sama ada hendak menjadikannya lapangan antarabangsa ataupun mengekalkan lapangan tersebut. Saya juga ingin mengingatkan tentang hasrat daripada Yang Berhormat Hulu Langat saya fikir yang meminta supaya lapangan terbang KLIA dinamakan kepada Sultan Negeri Selangor jika saya tidak lupa apa yang beliau pohon itu. Ini saya fikir juga kita harus beri pertimbangan kerana saya agak terkejut beberapa tahun yang lalu lapangan terbang lama Subang itu tiba-tiba ditukarkan nama kepada Lapangan Terbang Sultan Salahuddin Alam Shah ketika itu. Walhal seluruh dunia tahu bahawa Lapangan Terbang Subang itu hanya menjadi lapangan terbang sebenar antarabangsa hanya untuk beberapa bulan sahaja apabila nama ditukarkan kepada nama baginda Sultan itu.

Oleh sebab itu Sultan Selangor seharusnya jika hendak diberikan penghormatan kepada sumbangan beliau memberikan Putrajaya dan sebagainya kepada Kerajaan Persekutuan seharusnya diberikan tempat dan diingati peranan beliau dalam menukar geografi sekali lagi negeri Johor dengan melepaskan satu lagi wilayah kepada Kerajaan Persekutuan. Di negara-negara lain.....

**Seorang Ahli:** Negeri Selangor.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Negeri Selangor, ya negeri Selangor. Di negara-negara lain pengiktirafan kepada pemimpin-pemimpin besar sama ada Perdana Menteri, Presiden atau Sultan dengan menamakan lapangan terbang-lapangan terbang kepada pemimpin-pemimpin berkenaan pernah dilakukan.

Saya rasa lapangan terbang *national* di Washington DC sudah ditukar namanya kepada lapangan terbang *Regent International Airport* mengambil nama sempena Presiden mereka yang baru meninggal dunia baru-baru ini. Begitu juga amalan yang baik yang ada pada lapangan terbang-lapangan terbang negeri-negeri yang dinamakan di atas nama Sultan-sultan di negeri masing-masing. Itu saya fikir memerlukan pendirian supaya hal itu dapat kita putuskan dan tidak menjadi agak kurang manis yang Lapangan Terbang Subang dinamakan kepada nama Sultan Selangor walhal tidak dapat dinafikan lagi bahawa Lapangan Terbang Subang tidak boleh kita anggap sebagai lapangan terbang yang berfungsi sepenuhnya sebagai lapangan terbang yang biasa kerana

penumpang penerbangan *schedule flight* dengan izin tidak ada hanya beberapa penerbangan perkhidmatan *chartered services* dengan izin dilakukan di situ dan untuk tujuan-tujuan pembaik pulih kapal terbang ataupun menjadi tempat untuk AIROD sebagaimana Yang Berhormat bagi Kubang kerian sebutkan tadi dengan masalah-masalah rasuah yang begitu nampaknya berleluasa selama sebegitu lama dalam kes AIROD ini yang melibatkan nama-nama yang jelas diketahui dan telah diberikan laporan kepada polis untuk dibuat siasatan terhadap orang yang dinamakan itu. Jadi pendirian kementerian amat perlu.

Selepas lapangan terbang ialah kapal terbang. Sebagaimana kita maklum kapal terbang berkembang teknologinya. Kapal terbang yang akan muncul yang MAS juga telah menempahnya ialah kapal terbang *Airbus* 380 yang boleh memuatkan daripada 550 sehingga 750 penumpang kalau tidak silap saya berbanding dengan yang terbesar yang masih terbang hari ini Jumbo747 *Boeing* yang hanya dalam perkiraan sekarang ini boleh memuatkan dari sekitar 350 atau 400 orang penumpang sahaja.

Soalan saya adakah kerajaan telah membuat persiapan-persiapan untuk mengendalikan jenis-jenis kapal terbang seperti ini dari segi teknikalnya, dari segi keselamatannya dan sebagainya kerana ianya kapal terbang yang amat besar. Perubahan-perubahan kepada lapangan terbang kepada terminal di lapangan terbang mesti dilaksanakan supaya ianya dapat memberikan perkhidmatan dan jika berlaku masalah-masalah keselamatan dan kecemasan sama ada lapangan terbang kita ini bersedia untuk mengendalikan apa yang mungkin berlaku itu.

Seterusnya berkenaan syarikat penerbangan. Apakah sikap kerajaan kita? Kita mempunyai syarikat yang dipunyai kerajaan melalui khazanah negara iaitu MAS dan kita juga mempunyai sebuah syarikat penerbangan Malaysia yang baru disenaraikan di KLSE iaitu sebagaimana yang kita tahu Air Asia dan kita ada syarikat-syarikat penerbangan lain lagi. Apakah dasar kita yang sebenarnya? Beberapa bulan yang lalu kita mempunyai keputusan yang perlu dibuat dan sudah pun dibuat sama ada hendak membenarkan lapangan terbang Subang digunakan oleh syarikat-syarikat penerbangan bajet ini *low cost airline* (LCC) yang mana kerajaan membuat keputusan untuk membina satu terminal yang khusus untuk penumpang ataupun syarikat-syarikat penerbangan LCC ini. Saya membaca bahawa keputusan itu bererti terminal KLIA yang baru untuk

syarikat kapal terbang yang murah ini tidak akan mempunyai *aerobridge* iaitu tidak akan sambung daripada bangunan terus ke pintu kapal terbang tetapi seperti ala stail lama penumpang daripada lapangan terbang terminalnya turun ke lapangan daratnya dahulu selepas itu berjalan ke tangga kapal terbang naik ke tangga.

Apakah implikasi-implikasi keselamatan dalam kita berkompromi di sini yang mana bererti pekerja lapangan terbang dapat bersemuka dengan penumpang kapal terbang. Alat-alat senjata daripada penumpang kepada pekerja lapangan terbang, daripada pekerja lapangan terbang kepada penumpang kerana salah satu saya faham cara dan kaedah untuk memastikan *maximum security* dengan izin kapal terbang ialah untuk memastikan seboleh-bolehnya penumpang selepas ditapis keselamatannya, badannya, bagasinya dan sebagainya paling kurang bertemu dengan orang-orang lain sehingga beliau menaiki pesawat.

Tetapi dasar kita membenarkan balik kapal terbang-kapal tebang ekonomi ini untuk mempunyai lapangan terbangnya, terminalnya dan di mana terminalnya tidak ada lagi *aerobridge*nya, *expose* dengan izin kepada orang-orang lain dan penukaran senjata-senjata dan sebagainya mungkin terdedah kepada berlaku di dalam keadaan seperti ini.

Adakah pertimbangan-pertimbangan *security* keselamatan terlibat dalam keputusan oleh Kabinet untuk membina lapangan terbang yang sudah pun diisytiharkan nilainya dan sebagainya dari sudut keselamatan syarikat dan penumpang-penumpang untuk syarikat-syarikat penerbangan awam kos rendah seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenan dengan penggunaan lapangan terbang ada yang menghantar dan ada yang menunggu. Dasar kita sebagaimana Yang Berhormat Beluran sebutkan tadi terbuka. Sesiapa pun boleh ke *airport* untuk menghantar, sesiapa pun boleh ke *airport* untuk menunggu dan mengambil penumpang-penumpang. Saya harap dasar ini sama ada diteruskan sebagai dasar ataupun sebagaimana berlaku contohnya di Lapangan Terbang Manila atau Lapangan Terbang Sukarno hatta di Jakarta penghantar atau penunggu hanya dihadkan di luar terminal sahaja. Hanya penumpang dengan tiket sahaja berhak masuk ke kawasan untuk melakukan *check in* dan seterusnya begitu. Di negara kita agak longgar berbanding dengan itu tetapi yang kurang manis ya, apabila keadaan-keadaan tertentu tiba-tiba dikesatkan semudah itu.

Contoh saya apabila bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim, selepas dibebaskan keluar ke negara Timur Tengah untuk melakukan, dahulunya di Eropah untuk perubatan, kemudian menunaikan umrah dan kemudiannya hendak pulang. Penghantarannya terbuka bebas diakui kerana mungkin tidak ada kesempatan untuk diusahakan langkah-langkah menyekat dan sebagainya. Tetapi kepulangannya apabila diketahui, diisytiharkan dan sudah mengalami peristiwa penghantaran yang besar-besaran, sekatan-sekatan dilakukan. Bukan di terminal sahaja, di tempat-tempat pembayaran tol kereta dan di tempat-tempat yang lain. Jalan-jalan yang menuju ke Lapangan Terbang KLIA dikenakan sekatan dan polis memberi amaran supaya jangan ke *airport* dan sebagainya.

Saya fikir dasar perlu jelas, kalau kita perjuangkan hak asasi dalam hal-hal hingga kita bebas untuk anak-anak Melayu berdansa, mabuk dan sebagainya. Dan kalau kita hendak sekat, hoi! ini masalah hak asasi, kita tidak boleh campur tangan, tidak boleh libatkan diri, maka jangan kita bebaskan hak asasi untuk mewujudkan masalah sosial, masalah remaja yang tidak terkawal, dadah dan sebagainya. Apabila kebebasan yang sama hendak diamalkan untuk perkara yang tidak akan mewujudkan masalah remaja, tidak akan menjadikan mereka ini berpakaian tidak senonoh dan sebagainya, hanya hendak ke *airport* dan menunggu orang yang mereka hendak melihat, itu menjadi masalah kepada pemerintah dan DCA dan polis semuanya terlibat dalam hal ini.

Saya harap perkara seperti ini diambil berat oleh pihak kerajaan supaya imej kita sebagai negara *rule of law* dengan izin, yang berjalan mengikut undang-undang dan kebebasan kita terjamin dalam semua keadaan. Jika itu hendak dilakukan dan tidak terpilih akan terus dijadikan sebagai salah satu perkara yang menjadikan negara kita dihormati. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ayer Hitam.

**3.53 ptg.**

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan membincangkan pindaan Akta Kesalahan-kesalahan Penerbangan 1984. Seperti mana yang telah diutarakan oleh rakan-rakan saya tadi dari Beluran dan juga rakan-rakan yang lain, Santubong tadi. Dan saya telah

mendengar dengan teliti apa yang telah dibincangkan tadi dan saya nampak dari segi penerbangan awam ada dua aspek yang patut kita lihat.

Kita mengakui bahawa dari segi *aviation* penerbangan awam, ciri-ciri keselamatan itu memang ada. Tetapi dari segi pengurusan *airport* atau lapangan terbang kita masih ada banyak lagi kelemahan. Sebab itulah kita nampak orang gila, orang yang tidak siuman pun masuk dan ada pula kita nampak beg-beg itu hilang dalam lapangan terbang dan kita berterima kasih dan bersyukur kerana tidak ada orang yang menjadi pengganas dan terus masuk ke dalam. Itu adalah satu perkara yang kita rasa patut bersyukur. Dan kita melihat dua aspek ini:

(i) penerbangan awam; dan

(ii) pengurusan lapangan terbang

Saya berharap kementerian mengambil iktibar apa yang telah dibincangkan tadi dari segi mengemaskinikan pengurusan lapangan terbang. Saya bersetuju bahawa budaya Malaysia ini kita membenarkan ahli-ahli keluarga untuk menghantar mana-mana ahli keluarga yang keluar negeri ataupun menaiki kapal terbang ke tempat lain. Saya rasa itu satu adat kita.

Tetapi yang soal pokoknya kalau kita melarang atau membenarkan, itu bukan satu isu. Yang isunya adalah dari segi kita membuat pemeriksaan yang rapi bermula daripada bagasi, kemudian masuk ke pintu pemeriksaan ataupun melalui kastam dan sebelum kita naik kapal terbang. Itu adalah beberapa rintangan yang perlu dilalui dan perlu kita kemaskinikan beberapa perkara ini, kalau tidak ianya akan membawa mudarat. Saya di sini, walaupun sudah mendengar begitu banyak sekali rintihan dan juga masalah yang telah dikemukakan, saya rasa ada satu perkara, satu hakikat yang perlu kita terima iaitu Jabatan Penerbangan Awam Malaysia telah dikategorikan..... Ha, minta.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Sekejap Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Saya tengok dia sudah beralih. Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, apabila kita bercakap tentang pengurusan sesebuah lapangan terbang ataupun pengurusan keselamatan sebuah lapangan terbang itu. Kita terpaksa meletakkan *international Accepted Quality Level* (AQL) di mana sesebuah

lapangan terbang di peringkat antarabangsa ataupun domestik, tidak dapat tidak akan terpaksa mengurus penumpang-penumpang antarabangsa.

Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, apabila melalui prosedur keselamatan daripada pintu masuk, kemudian di peringkat *boarding pass*, kemudian di peringkat imigresen, seterusnya masuk ke kapal terbang dan di pintu-pintu ini akan ada pemeriksaan yang terperinci. Sebagai contoh, jika terlepas di pintu masuk, pintu ke dua, ke tiga dan akhirnya di pintu sebelum kita masuk ke pintu kapal terbang akan ada pemeriksaan. Katakan di peringkat pemeriksaan terakhir itu di jumpai seperti barang-barang gunting, pisau cukur dan sebagainya yang memang tidak dibenarkan untuk dibawa masuk ke dalam kapal terbang dan pada ketika itu, kita sudah tidak ada konteks dengan keluarga ataupun rakan, bagaimana kita hendak pulang hendak suruh mereka bawa pulang balik barang-barang yang telah dijumpai oleh pemeriksa-pemeriksa ataupun penguat kuasa keselamatan.

Adakah Yang Berhormat Ayer Hitam hendak mencadangkan kepada pihak Malaysia *Airport* Berhad ataupun penguat kuasa yang bertanggungjawab tentang pemeriksaan keselamatan ini untuk meletakkan tahap *delivery* sistem ini berada di peringkat Piawaian Antarabangsa (*International Standard)* iaitu apabila barang-barang kita terpaksa diserahkan kepada penguat kuasa dan mereka boleh menggunakan perkhidmatan untuk menghantar ke mana barang itu kita hendak hantar, sama ada balik ke rumah kita atau ke hotel dan sebagainya, supaya nampak perkara ini begitu terperinci tetapi diberikan perhatian untuk meningkatkan lagi tahap perkhidmatan kita kepada penumpang-penumpang dan pengguna *airport*.

Saya kena masalah ini apabila barang-barang pisau cukur, gunting dan sebagainya dirampas dan terus dibuang ke dalam kotak di hadapan penguat kuasa lapangan terbang. Ini menampakkannya yang kita tidak ada sikap mengambil kira perasaan, hati pengguna-pengguna lapangan terbang ataupun penumpang-penumpang kapal terbang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga batu. Saya rasa itu soalan yang relevan. Saya sendiri pun ada pengalaman ini dan saya melihat CEAAS iaitu Lapangan Terbang di Changi. Saya juga membawa *nail clipper* semasa hendak naik ke kapal terbang, saya tidak dibenarkan dan menurut apa yang

disyaratkan dalam peraturan itu memang tidak boleh. Tidak kira siapa yang bawa ataupun mereka juruterbang atau sesiapa sahaja dalam kapal terbang tidak boleh bawa.

Ini adalah syarat yang dinyatakan dan itu adalah satu Piawaian Antarabangsa. Begitu juga apa yang berlaku pada Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Di sini saya ingin mengatakan bahawa saya hendak minta penjelasan daripada pihak Kementerian Pengangkutan barangan-barangan yang dijual di kedai-kedai *duty free*. Kalau kita lihat ada tempat-tempatnya atau negara, mereka menyemak jenis barang yang dijual, kalau ada benda yang tajam pun tidak dibenarkan. Benda-benda yang boleh mengakibatkan bahaya ataupun boleh menjahanamkan pesawat atau apa sekalipun ianya akan digunakan sebagai satu alasan supaya tidak dijual di tempat-tempat ini. Saya rasa itu juga……

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sri Gading, Yang Berhormat.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** …… itu juga adalah satu pemeriksaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sri Gading bangun.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Ya, minta.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Ahli Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Seperti yang dirintih tadi, setuju atau tidak setuju, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Saya lihat sudah sebagai satu *trend*lah apa juga perkhidmatan kerajaan yang diswastakan, pihak yang dapat peluang menguruskan penswastaan ini, hanya mementingkan keuntungannya sahaja. Saya ulang sekali lagi, kalau tidak jelas, hanya….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tidak mahu sambung perkara yang tajam, peralatan tajam itu.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tajam itu soal Ahli Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Tangga Batu memang keras Tuan Yang di-Pertua. Dia tajam, keras……. *[Dewan riuh sebentar]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** …hanya mementingkan keuntungan saja bukan hendak melihat bagaimana keselesaan pengguna atau pelanggan. Rata-ratalah, apa sajalah, perkhidmatan asalnya kerajaan diswastakan.....swasta ini hanya

mementingkan keuntungan. Dia tidak peduli… *[bercakap dalam bahasa Cina]*, dengan izin, …….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa itu Yang Berhormat?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak tahulah Tuan Yang di-Pertua, beritahulah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak tahu bagaimana Yang Berhormat boleh cakap, boleh gunakan?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Mengulangi ayat dalam bahasa Cina tadi]* ...lah orang lain, yang penting aku untung. Pelanggan, pengguna tidak berapa penting. Ini trend di negara kita dan……

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Penjelasan,Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ……dan

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat hendak minta sama siapa penjelasan?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Boleh, boleh….. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sekarang bukan Yang Berhormat bagi Sri Gading yang berucap…….*[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, minta maaf. Siapa bercakap….. *[Dewan riuh sebentar]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini tunggulah, tunggulah. Sri Gading, sekarang ini apakah soalannya?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya boleh bagi Yang Berhormat bagi Jerai, Tuan Yang di-Pertua kalau Tuan Yang di-Pertua benarkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apakah soalannya?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya bertanya dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Soalannya sekarang.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya bertanya kepada Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, setuju atau tidak setuju? Saya lihat seperti itulah, Tuan Yang di-

Pertua, mana-mana pun. Yang lebih penting ialah keuntungannya. Dia tidak mementingkan pengguna, dia tidak mementingkan dia punya pelanggan. Maknanya rakyat yang akan terseksa dan rakyat yang terseksa akan menyalahkan kerajaan. Ini semua jenis pengkhianat kepada negara ini, Tuan Yang di-Pertua. Ini kerajaan hendak kena ambil perhatian. Jangan lepaskan, lepas, lepas sudah jadi swasta...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, mana soalan?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Soalan ini, Tuan Yang di-Pertua, pasal saya hendak berikan penjelasan kepada Yang Berhormat bagi Ayer Hitam supaya Yang Berhormat bagi Ayer Hitam jelaskan soalan saya, dia akan dapat menjawab dengan begitu jelas. Itu maksud saya, Tuan Yang di-Pertua. Apakah saya salah, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak salah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat bagi Sri Gading, soalan itu memang baik dan jawapan saya secara umumnya memang benar. Saya rasa kalau kita melihat perkhidmatan MAS ini lebih mementingkan keuntungan sendiri. Saya mengambil contoh, wakil rakyat, dalam penerbangan domestik kita dapat 25% diskaun. Bermati-matian kita bincangkan bagaimana kita hendak mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan penerbangan di Malaysia ini, kita meluluskan undang-undang tetapi akhirnya kalau kita hendak minta diskaun ke luar negeri, 25% itu pun tidak bagi.

Kalau tidak, buktikanlah MAS, bagilah wakil rakyat kalau hendak ke luar negeri untuk urusan rasmi, 25% diskaun. Itu sebagai tanggungjawab sosial mereka. Sebab itulah saya kata mereka tidak hiraukan sesiapa. Itu yang pertama.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Jerai bangun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, sekejap. Pertamanya, Yang Berhormat tidak minta izin Speaker apabila menggunakan selain daripada Bahasa Malaysia dalam Dewan Rakyat. Perkataan *"cap siau"* itu jadi kita tidak faham. *[Ketawa]* Ya, Yang Berhormat bagi Bagan?

Yang keduanya, saya hendak tanya bila sentuh tentang MAS ini, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, kita kena bela kaum wanita, ibu-ibu dalam negara kita ini. *[Disampuk]* Mereka ini adalah pengundi yang terbesar di dalam negara kita ini. Masakan boleh kalau seorang yang bekerja dengan MAS, seorang *stewardess*... *Stewardess*, Melayu kata apa? *[Disampuk]* Pramugari apabila mereka sudah berkahwin...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat tanya pramugari, pramugara Yang Berhormat tidak sebut.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Pramugara tidak apa pasal depa tidak mengandung, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Ini masalah kes mengandung. Jadi, apabila pramugari ini berkahwin dan mengandung, mereka diberhentikan kerja, sedangkan yang hendak dilahirkan itu ialah zuriat bangsa Malaysia. Masakan pihak MAS begitu tidak bertimbang rasa? Dan saya difahamkan apabila pramugari itu sampai ke peringkat umur yang mereka hendak ranum sedikit itu, mereka diberhentikan kerja.

Sedangkan saya biasa naik penerbangan-penerbangan antarabangsa, saya tidak mahulah cerita negara-negara saya pergi. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tidak laratlah ya, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang bagi minum kepada saya itu pun, pangkat emak menakan saya. *[Ketawa]* Ranum sampai boleh buat cucur kodok. Itu pun penerbangan itu masih mengambil mereka. Jadi, apakah Yang Berhormat bagi Ayer Hitam salurkan pandangan saya ini melalui Dewan yang mulia ini kepada Menteri terus kepada penerbangan Malaysia supaya jangan membuat perkara-perkara sedemikian rupa. Kasihan kepada mereka. Mereka juga hendak cari makan. Adakah Yang Berhormat bagi Ayer Hitam bersetuju? Terima kasih. Saya sebak ini.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jerai. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Jerai, sebenarnya Parlimen Malaysia ini telah meluluskan satu undang-undang pindaan Perlembagaan dengan memasukkan perkataan *gender* dalam Artikel 8(2) Perlembagaan Persekutuan. Ini bermakna tidak harus berlakunya sebarang diskriminasi terhadap kaum wanita dan saya melihat tindak-tanduk ataupun keputusan yang dibuat oleh pihak pengurusan MAS ini. Mereka ini tidak mengambil kira *gender equality*. Mereka ini seolah-olah melakukan suatu diskriminasi terhadap kaum wanita. Saya rasa ini tidak seiring dengan zaman dan ianya patut dikaji semula. Perempuan ini kalau umur 45 bukan sesuatu perkara yang dia boleh kawal kerana usia itu setiap hari meningkat. Jadi, saya rasa ini adalah satu perkara yang perlu dikaji dan saya ingin balik kepada soal...

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, jiran sebelah.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Okaylah, bagilah.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini berkaitan dengan sambungan daripada penjelasan yang diminta oleh Yang Berhormat bagi Jerai. Apa kaitan wanita-wanita yang sudah tua ini tidak diberi peluang untuk bekerja dalam MAS ini dengan keselamatan dalam kapal terbang. Adakah keselamatan ini berkaitan dengan umur wanita ini? Bolehkah Yang Berhormat jelaskan?

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Sebenarnya sesiapa sahaja boleh jadi pengganas. Bukan umur 45 sahaja boleh jadi pengganas. Saya rasa memang tidak ada kaitanlah. Jadi, orang kerana ramai juga pejuang-pejuang pramugara dan pramugari dan ini ada serba sedikit berkaitan dengan penerbangan, maka saya responslah kepada apa yang telah ditanya oleh Yang Berhormat bagi Jerai.

Saya ingin masuk balik kepada topik ini. DCA atau Jabatan Penerbangan Awam Malaysia, walaupun kita ada banyak rintihan, tetapi sedarkah Yang Berhormat, *Federation of Aviation Administration* (FAA) di US, di Amerika Syarikat menganggap DCA di Malaysia itu telah dikategorikan sebagai Kategori I. Apa maksud kategori I?

Kategori I bermakna DCA ini bertahap dunia. Kategori yang terbaik, gred yang terbaik. Dan sehingga saat ini masih kita kekal di Kategori I.

Tetapi soalannya, berapa lama kita boleh kekalkan Kategori I? Itu sebagai satu cabaran. Kalau kita berlakulah kebocoran atau apa juga masalah atau insiden yang berlaku, saya khuatir Kategori I itu akan diturunkan kepada kategori yang ke bawah. Ini akan membawa mudarat.

Saya kata apa kebaikan Kategori I. Sebenarnya kalau kita melihat DCA di Malaysia, mereka telah menetapkan banyak regulasi dan peraturan untuk dipatuhi untuk menjamin keselamatan semasa penerbangan. Itu cukup baik dan diberi pengiktirafan dunia. Dan, sebab itulah MAS dibenarkan untuk melakukan penerbangan tanpa mengehadkan frekuensi, tanpa mengehadkan destinasi di mana-mana tempat di Amerika Syarikat. Itulah kebaikan atau *privilege* atau hak-hak istimewa negara-negara ataupun agensi penerbangan itu yang telah dikategorikan sebagai kumpulan atau Kategori I.

Sebab itulah saya kata kita perlu mengekalkan Kategori I ini kerana ciri-ciri keselamatan ini adalah diiktiraf oleh dunia dan saya kata itu sebagai satu cabaran dan kita kena melihat bagaimana kita hendak mengemaskinikan ciri-ciri keselamatan dalam pengurusan lapangan terbang. Saya mengambil contoh, satu trend baru dunia selepas September 11, 2002..

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Ketereh bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Sebelum Yang Berhormat bagi Ayer Hitam pergi kepada dunia, pasal DCA, saya hendak minta respons Yang Berhormat. Di KLIA, ada satu pejabat tiket MAS tetapi ia duduk tingkat tiga. Jadi, kalau kita hendak tukar tiket, biasanya *ticketing office* ini bukan duduk tempat *arrival*, ia patut duduk tempat *departure*. Bila saya tanya pejabat MAS, kebetulan saya hari itu lewat sedikit, saya tercari-cari mana hendak *endorse* tiket. Dia kata kena turun tingkat tiga. *So we have to take another 10 minutes*. Akhirnya, kapal terbang tertinggal.

Sepatutnya dahulu duduk tingkat 5. Mengikut pegawai-pegawai MAS, dia kata sebab DCA tidak bagi tempat. Rupanya yang menjaga lapangan terbang ini DCA.

Kalau DCA tidak bagi tempat, MAS tidak boleh buat apa-apa. Dia bagi tempat di tingkat tiga. Yang peliknya tempat hendak tinggal *baggage* pula, ia duduk tingkat lima, *arrival* tingkat tiga. *Something is mismatching here*. Apa komen Yang Berhormat? Saya rasa ini perlu diperbetulkan, Yang Berhormat.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Ketereh. Sebenarnya apa yang saya sebutkan tadi, pengurusan lapangan terbang itu amat penting. Dalam DCA ini saya hendak bagi sedikit komen. Lihatlah Ketua Pengarah sekarang dipinjam dari JKR. Bekas Ketua Pengarah pun dipinjam dari JKR. Saya rasa sudah sampai masanya JPA beliaklah mata, lihat bagaimana menubuhkan satu pasukan teknikal sendiri.

Kalau kita pinjam daripada JKR, saya rasa sesuatu yang tidak kena. Kita perlu melihat perkara ini secara profesional. Tubuhkan kumpulan profesional kita yang menjaga *aviation* atau sektor penerbangan di Malaysia dan saya rasa kita boleh adakan *air traffic controller*, kita boleh buat latihan, semua ini dan kita tubuhkan satu cabang teknikal secara khusus di bawah Kementerian Pengangkutan. Saya rasa saya akan sokong sekiranya perkara ini dapat dilakukan.

Dan, berbalik kepada perancangan dalam lapangan terbang...

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Sekejap, sekejap.

*[Yang Berhormat bagi Cameron Highlands bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jiran, jiran Yang Berhormat.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Sekejap, sekejap.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tak bagi Yang Berhormat.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Saya akan bagi, sekejap. Perancangan itu perlu dibuat berdasarkan kepada lokasi-lokasi yang strategik. Seperti mana Yang Berhormat bagi Ketereh sebutkan tadi kalau kita buat atau sediakan satu tempat yang tidak kena tidak strategik maka ia akan menyebabkan kesusahan kepada penumpang. Jadi saya mintalah jangan sekadar ada sahaja. Kalau hendak meletakkan satu fasiliti kita melihat sama ada tempat itu disediakan betul-betul *user friendly,* kalau tidak kita kena melakukan sesuatu untuk membuat pindaan dan kita janganlah terlalu *structured* sangat

dengan mengatakan ini kita tidak boleh ubah itu tidak boleh ubah. Manusia ini diberi ilmu untuk mengubah untuk melakukan sesuatu yang baik untuk penumpang-penumpang atau sesiapa sahaja sebagai pengguna dalam lapangan terbang ini.

Saya rasa ini memang persepsi yang kita boleh ubah dan kita minta pengurusan yang lebih cekap dengan adanya satu pasukan yang lebih efisien yang boleh merancang dalam pengurusan lapangan terbang. Itu adalah perkara pokok yang perlu kita utarakan. Silakan Yang Berhormat bagi Cameron Highland.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands**]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada rakan saya daripada Ayer Hitam. Baik, kalau kita lihat dari segi apa yang diperkatakan tadi untuk mencari satu institusi sendiri, satu usaha untuk memperkasakan *civil aviation* di Malaysia dengan izin. Maka kalau kita lihat Pindaan Akta Kesalahan Penerbangan 84 ini yang dimasukkan hanyalah satu skop yang begitu kecil sekali untuk dipinda di sini iaitu tambahan daripada apa yang berlaku di Montreal pada 24 Februari 1988 dan kalau kita lihat perundangan yang sedia ada untuk keselamatan dan pengganasan yang berlaku dalam lapangan terbang maka kita juga ada undang-undang dalam Kanun Keseksaan untuk kesalahan-kesalahan begini. Ada juga perundangan yang diperuntukkan di bawah ISA dan kini pula kita akan juga ada rang undang-undang yang berkaitan dengan penerbangan begini yang mempunyai kesalahan-kesalahan yang sama. Maka seolah-olah nampak bahawa ada banyak pecahan yang kecil-kecil dan perubahan-perubahan perundangan ini berlaku hanya bila sesuatu persidangan antarabangsa diwujudkan. Satu perundangan antarabangsa diwujudkan kita tambah dan tambah.

Saya minta penjelasan ataupun komen daripada Yang Berhormat bagi Ayer Hitam kalaulah satu sektor lain, satu badan lain ditubuhkan untuk melihat segala-galanya secara menyeluruh kerana *civil aviation* akan menjadi satu budaya masa depan di mana pengangkutan akan direvolusikan. Maka apakah pandangan Yang Berhormat mengenai penyatuan segala perundangan ini ke arah satu hala tuju yang sama.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat pernah menyebut ISA. Kita ada Kanun Keseksaan dan sebagainya. Sebenarnya kalau kita lihat pindaan akta ini, salah satu perkara yang penting ialah kesalahan yang dilakukan di luar negara. Kalau kita lihat Penal Cod sekarang kita tidak

boleh menuduh seseorang itu melakukan kesalahan di luar negara. Sebab itulah kita lihat salah satu seksyennya telah diubah telah dipinda supaya kesalahan yang dilakukan di luar negara selagi orang itu adalah warganegara Malaysia orang itu akan boleh dihadapkan di mahkamah di sini melalui ekstradisi. Saya rasa ini adalah satu perkara yang amat penting dan kita melihat trend pengganas ini, kalau kerja-kerja keganasan ini sebenarnya pengganas ini mereka mungkin melakukan kesalahan di luar negara. Impak yang diterima mungkin negara yang menjadi destinasi ataupun sebaliknya. Ini adalah masalah dari segi *jurisdiction.* Kalau kita ada *limitation* begitu kita terpaksa melakukan satu pindaan undang-undang seiring dengan zaman dan trend antarabangsa. Itulah respons saya terhadap apa Yang Berhormat bagi Cameron Highlands utarakan tadi.

Juga tadi saya ada menyebutkan tentang selepas 11 September 2002 di mana berlaku sedikit perubahan dari segi struktur dan satu lagi agensi yang dinamakan *Transportation Security Administration* - TSA telah ditubuhkan di Amerika Syarikat. Ianya satu agensi yang hampir sama dengan FAA tetapi ia lebih mementingkan ciri-ciri keselamatan. Saya mengambil satu contoh di Pelabuhan Klang, wakil daripada TSA dihantar ke sini, bertapak di sini setiap kali kargo diturunkan daripada kapal atau dinaikkan ke kapal mereka akan membuat pemeriksaan. Setelah mereka membuat pemeriksaan barangan yang dihantar ke mana-mana pelabuhan di Amerika Syarikat tidak lagi tertakluk kepada pemeriksaan dan saya rasa ini adalah satu sekatan atau satu *screening* yang amat baik dan tidak lama lagi saya yakin ia mungkin diperluaskan ke aspek penerbangan. Kita perlu bersedia, sebabnya itulah saya mengatakan dari aspek penerbangan walaupun kita ada regulasi yang bagus, kita ada undang-undang, kita ada peraturan yang hendak dipatuhi oleh semua syarikat penerbangan tetapi soal pokoknya berapa lamakah kita boleh bertahan.

Dalam konteks ini saya menyarankan kepada Kementerian Pengangkutan supaya kita dari masa ke semasa menyemak sama ada peralatan ataupun apa sahaja mesin yang digunakan untuk melakukan pemeriksaan keselamatan itu mestilah seiring dengan zaman. Janganlah gunakan alat perkakas yang terlalu lama dan ia perlulah walaupun dilihat dari luar kita tidak membuat pemeriksaan. Macam di Singapura kita masuk macam orang yang tidak ada pemeriksaan tetapi mereka mempunyai satu sistem yang boleh memantau dan memeriksa secara rapi setiap bagasi yang dihantar.

Sampailah masanya kita memberi kuasa kepada DCA atau mana-mana pihak berkuasa untuk melakukan perkara ini. Saya berharap DCA dapat kita kekalkan kategori satu di bawah FAA dan juga apabila dilakukan audit oleh FAA ataupun bakal mendapat akreditasi daripada TSA. Kita perlulah menunjukkan kepada dunia bahawa Malaysia mampu melakukan apa juga ciri-ciri keselamatan.

Sekiranya kita tidak dapat mempertahankan kategori satu di bawah FAA saya takut nanti syarikat penerbangan MAS pun akan menanggung kerugian di mana mereka tidak bolehlah sewenang-wenangnya membuat penerbangan tanpa dihadkan frekuensi dan destinasi. Itu adalah soal pokok yang perlu kita memberi penekanan secara khusus.

Saya juga lihat bukan sahaja agensi daripada Amerika Syarikat, saya yakin tidak lama lagi sudah ada trend di mana negara-negara lain juga akan mengeluarkan ataupun mempunyai agensi sendiri untuk mengklasifikasikan DCA di dunia ini. Saya rasa mungkin sampai satu hari nanti kita perlu mendapat layanan sama seperti di Amerika Syarikat yang mana kita tidak dihadkan frekuensi, tidak dihadkan destinasi pelancongan. Ini adalah satu perkara penting sebab itulah saya minta DCA supaya mempertingkatkan usaha supaya mereka ini dapat mempertingkatkan mutu perkhidmatannya, itu yang pertama. Keduanya mereka itu perlu menambah kepakaran. Ketiga ialah mereka perlu menghantar pegawai-pegawai keluar negeri untuk menerima ilmu yang lebih canggih dari segi kita membuat *screening* tentang *security.* Kita juga kena berpakat dengan jiran bagaimana mereka boleh melakukan semua ini. Sebagai contoh CAAS di Singapura satu contoh yang baik di mana sampai sekarang pun Changi Airport masih lagi *zero accident* dengan izin. Saya rasa inilah perkara yang ingin saya utarakan di sini dengan itu saya mohon menyokong, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Bagan.

**4.20 ptg.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya adalah orang yang ketiga berdiri tetapi baru sekarang saya dapat peluang untuk berucap. Tuan Yang di-Pertua, dalam menjaga keselamatan penerbangan bukan semata bergantung kepada perjanjian-perjanjian, surat-menyurat atau protokol-protokol

antarabangsa sahaja. Ia perlu juga mendapat kerjasama dari semua lapisan yang ada hubung kait dengan bidang perusahaan penerbangan ini.

Dalam konteks ini, kakitangan-kakitangan atau *staff-staff* syarikat penerbangan memainkan peranan yang besar dan juga penting untuk menjaga keselamatan pesawat-pesawat dan juga bangunan-bangunan di lapangan terbang. Demi mendapat kerjasama dan usaha gigih dari *staff-staff* penerbangan maka mereka perlu juga dijaga dan dilayan seadil-adilnya dan bukan dilayan seperti sampah-sarap.

Tuan Yang di-Pertua, pesawat nasional kita, iaitu sebuah *GLC* – MAS pernah berlaku sabotaj dan *vandalism* dalam pesawat. Yang pertama kali kami membaca di dalam surat khabar bahawa ada orang yang tidak dikenali telah mencurah minyak dalam *cockpit* pesawat dan juga terdapat ada orang yang memotong wayar-wayar pesawat dan ada juga *staff-staff* yang bekerja sambil lewa. Ini bukan sahaja satu perlakuan jenayah bahkan ia boleh menggugat keselamatan penerbangan dan kita perlu meninjau (menyiasat) mengapakah perkara-perkara ini boleh terjadi.

Antara sebab-sebab dan punca kejadian sabotaj ini berlaku ialah mungkin kerana *staff* atau kakitangan dalaman atau orang-orang luar yang melakukannya. Mereka ini tidak berpuas hati atau menjadi bencikah, bosankah dengan pentadbiran MAS. Antara sebab-sebab mereka tidak berpuas hati ini adalah seperti misalnya, pramugara-pramugari seperti apa yang telah dibincangkan tadi oleh beberapa Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat bagi Seputeh, beliau juga pernah membangkitkan di sini bahawa terdapat dalam syarat-syarat kontrak di mana pramugari hanya dibenarkan mempunyai dua anak sahaja dan sekiranya mereka melanggar peraturan ini mereka akan dipecat. Untuk pramugari biasa, umur bersara mereka dihadkan kepada 40 tahun manakala bagi Ketua Pramugari dihadkan kepada 45 tahun.

Satu kes ialah di mana seorang *staff* MAS, *Beatrice Fernandez* dipecat kerana melanggar syarat ini. Walaupun beliau telah merayu kepada Mahkamah Tinggi dan juga mencabar Persatuan Sekerja MAS tetapi usaha-usaha beliau itu telah gagal. Perkara ini ada dibincangkan dalam Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat bagi Seputeh, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga telah mengulas bahawa ini betul-betul satu kelakuan atau satu tindak laku yang tidak boleh diterima. Seperti apa yang dikata oleh Yang Berhormat tadi, memang di bawah Perlembagaan Fasal 8 kita

melindungi hak asasi wanita tetapi mengapakah pihak MAS masih berdegil hendak mengekalkan syarat-syarat yang tidak berpatutan kepada kaum wanita ini? Saya meminta kerajaan supaya campur tangan dalam hal MAS mengendalikan kes pramugari-pramugari seperti yang saya sebut ini.

Yang kedua, pramugara-pramugari tidak diberi bonus tetapi yang bertugas dengan SIA atau AirAsia, mereka mendapat dua bulan bonus setahun sedangkan MAS tidak membayarnya. Saya baca dalam surat khabar bahawa untuk tempoh sembilan bulan pertama tahun ini MAS mendapat keuntungan sebanyak RM241 juta - dia mendapat keuntungan RM241 dalam sembilan bulan tetapi satu sen pun tidak boleh diberi kepada pramugara-pramugari.

Yang ketiga, jawatan pramugara-pramugari ini bukan satu jawatan yang tetap tetapi berasaskan kontrak selama lima tahun dan boleh disambung selama lima tahun lagi kalau pekerjaannya diperlukan oleh majikan. Gaji dan elaun penerbangan adalah rendah kalau dibandingkan dengan *airlines* yang lain. Apabila mereka perlu berada di luar negara, elaun mereka tidak cukup untuk menampung kos sara hidup di negara asing itu kerana nilai tukaran mata wang ringgit kita sangat lemah.

Perkara yang berikut, MAS menggaji pramugara-pramugari dari negara asing dengan gaji, elaun dan syarat-syarat yang lebih lumayan daripada yang ditawarkan kepada orang-orang tempatan. Saya pernah membangkitkan satu soalan lisan mengenai perkara ini dalam Dewan yang mulia ini, dan alasan yang diberikan ialah mereka menggaji orang-orang asing sebagai pramugara-pramugari oleh kerana mereka itu fasih dalam bahasa-bahasa tertentu. Bukankah ini menunjukkan bahawa mereka memandang rendah kepada rakyat negara kita ini? Sekiranya kita tanya kepada anak-anak muda kita sekarang apakah mereka tahu bahasa-bahasa asing, iaitu bahasa Mandarinkah, bahasa Koreakah, Jepunkah, Italikah, Jermankah, Arab pun dan bahasa lain-lain negara, mereka juga boleh fasih. Tambahan pula jikalau mereka diberi galakan atau diberi insentif untuk belajar bahasa-bahasa asing, saya pasti dan yakin mereka boleh menguasai bahasa-bahasa ini dan mereka bolehlah dikategorikan dalam *road* dalam perjalanan ke negara-negara yang tertentu ini.

Tuan Yang di-Pertua, *uniform* untuk pramugara dan pramugari, saya ingat *uniform* ini sudah *outdated* kerana sudah hampir 20 tahun, 30 tahun kami terbang dalam

pesawat MAS, nampaknya *colour uniform* yang digunakan masih yang sama juga, yakni langsung tidak ada perubahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya .....

**Cik Fong Po Kuan:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

**Cik Fong Po Kuan:** Yang Berhormat bagi Bagan, MAS telah menerima banyak anugerah – *Customer Services World's Best Cabin* bagi tahun ini*; Top 10 Airlines of the Year; Top Three Airlines of the Year Best Economy Class; Top Five Airline Lounges of The Year.* Jadi, jelas MAS telah menerima begitu banyak *award* tetapi pada masa yang sama, Yang Berhormat bagi Bagan membangkitkan pelbagai terma yang mendiskriminasikan pramugari, bonus, gaji rendah, apakah ini menunjukkan yang kerajaan selalu agung-agungkan sistem penerbangan negara ini MAS, kita kena *bail-out* MAS, semua ini. Nampaknya MAS tidak tahu mengenang budi, berterima kasih kepada mereka yang telah menyumbang dan telah membantu MAS mencapai keuntungan yang tinggi dan mendapat nama di sistem penerbangan antarabangsa. Saya pohon pendapat Yang Berhormat bagi Bagan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Cukup benar perkataan yang dilafazkan oleh rakan sejawat saya, Batu Gajah di mana MAS selalu mendapat anugerah-anugerah yang tertinggi di antarabangsa dan sekiranya MAS boleh membaik pulih atau memberi lebih kepentingan dan memberi lebih insentif kepada staf-staf MAS, maka saya boleh kata mereka akan berusaha lebih gigih lagi dan mungkin mereka akan mendapat anugerah *best out of the best airlines in this region.*

**Cik Fong Po Kuan:** Minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, persilakan.

**Cik Fong Po Kuan:** Yang Berhormat bagi Bagan, baru-baru ini kita baca dalam surat khabar, MAS nampaknya ada menghadapi masalah sedikit tetapi dia tidak mengakui kerana kononnya ada laporan mengatakan bahawa telah timbulnya masalah *brain drain* kita punya juruterbang MAS di mana mereka telah mempunyai pengalaman, telah dilatih tetapi mereka telah meletakkan jawatan untuk pergi ke syarikat penerbangan yang lain sebab mempunyai insentif yang lebih baik, layanan yang lebih

baik berbanding dengan MAS. Apakah Yang Berhormat Bagan bersetuju bahawa Yang Amat Berhormat ada memanggil MAS untuk mempertingkatkan, mengekalkan *competitiveness* MAS tetapi memandangkan sekarang ini tidak ada *environment* untuk MAS bersaing, apakah Yang Berhormat Bagan setuju kita mesti adakan persaingan bagi MAS, kita buka lebih *space* untuk sistem penerbangan yang lain, maksudnya Air Asia, jadi persaingan yang tidak dimonopoli oleh MAS sahaja.

**Tuan Lim Hock Seng:** Nampaknya Yang Berhormat Batu Gajah satu langkah lebih awal dari saya, saya baru hendak masuk *pilot* MAS juga. Memang ini satu kebenaran di mana baru-baru ini *pilot* atau juruterbang atau juruteknik MAS banyak yang meletakkan jawatan. Mereka meletakkan jawatan bukan bagi notis tiga bulan atau setengah tahun, mereka letak jawatan dalam 24 jam kerana mereka hendak menyertai syarikat penerbangan yang baru khasnya di negara-negara Arab kerana ada banyak syarikat penerbangan baru di negara tersebut, maka mereka menawarkan gaji yang lumayan. Saya baca dalam surat khabar bahawa gaji yang ditawarkan oleh negara asing ini ialah lebih kurang RM30 ribu hingga RM40 ribu satu bulan dan tanpa *tax (tax free)* tetapi di negara kita ini, pilot MAS mungkin gaji mereka adalah antara RM15 ribu dan perlu membayar *income tax*. Inilah mungkin satu punca di mana *pilot* kita telah meletakkan jawatan dan pergi ke *airlines* yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan *pilot*, jurutera atau juruteknik di syarikat penerbangan MAS terpaksa, banyak pesawat dan banyak *schedule* di*retime, reschedule* atau *delay* dan *retime, reschedule* atau *delay*, ini menjejaskan reputasi MAS. Tambahan pula, sekiranya mereka perlu *retime*, maka MAS perlu memberi tempat penginapan dan memberi makanan kepada penumpang-penumpang. Saya juga dalam satu laporan surat khabar berkata, satu pesawat patutnya berlepas dari KLIA pada waktu tengah malam tetapi oleh kerana juruteranya sudah lebih masa kerja dan tidak dibenarkan untuk terbang lagi dan semua penumpang-penumpang ini perlu diberikan tempat penginapan di sebuah hotel dekat MAS. Penerbangan ini hanya boleh dijalankan satu hari kemudian iaitu bertolak dari KLIA pada waktu pagi. Penumpang-penumpang ini *suppose to reach their destination*, dengan izin, baru sahaja mereka hendak bertolak dari KLIA.

Saya berharap kerajaan boleh campur tangan dalam hal ehwal staf-staf MAS yang saya bangkitkan tadi dan juga perkara-perkara yang tidak diingini selalu berlaku di dalam kabin penerbangan. Misalnya, dalam kabin MAS ada menyediakan minuman keras atau arak dengan percuma. Ada penumpang-penumpang yang suka minum dan bila sudah minum banyak, mereka jadi mabuk. Apabila mereka jadi mabuk, mereka ini tidak menjaga kelakuan mereka sehingga ada yang menyentuh badan pramugari dan mereka ditangkap selepas turun ke lapangan terbang negara destinasi dan ini pernah berlaku. Saya berharap kerajaan juga boleh mengkaji supaya minuman keras atau arak dilarang dalam kelas ekonomi. Sekiranya hendak memberi arak kepada kelas utama dan *business*, mungkin penumpang-penumpang kelas yang lain, mereka boleh menjaga reputasi mereka dan mereka tidak akan melakukan kelakuan yang tidak senonoh.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Pasir Puteh.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan, kawan, dia terpaksa bagi. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat , kerana beliau sendiri sebut tadi tentang arak, saya cadangkan kalau Yang Berhormat bersetuju atau Menteri kita bersetuju, *domestic flight*, penerbangan dalam negeri, kita tidak usah bagi atau kita kurangkan atau tidak payah bagi langsung tidak kira soal *second class* atau *first class,* kalau antarabangsa itu kita tidak boleh sekat kerana kita kena fikir juga. Satu lagi, saya dok tengok Yang Berhormat Bagan kita banyak yang salah, tidak ada yang betul, puji juga yang baik itu, setuju tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Bagan, teruskan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya hendak membangkitkan kelemahan-kelemahan GLC Airlines kita ini supaya ia menjadi bertambah baik dan menjadi satu *airlines* utama di negara kita ini. Yang Berhormat ada membangkitkan minuman keras dalam *domestic flight*. Saya ingat, *domestic flight* tidak bagi minuman keras, hanya international flight sahaja diberi...

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jasin, Jasin bangun Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya Bagan yang tersilap mengatakan saya hendak menutup sekolah Cina, belum pernah sekali saya sebut benda itu, boleh baca saya punya *Hansard*. Saya mengucapkan terima kasih kepada keprihatinan Bagan. Walaupun dia seorang yang berketurunan Cina, dia juga mengambil berat tentang adanya arak dalam penerbangan kita. Saya kira kalau bab arak ini, melalui Dewan yang mulia ini, kita minta supaya jangan kata *domestic flight, international* pun kalau boleh jangan ada. Kerana kita memakai nama Malaysia. Malaysia ini negara Islam. Kalau sudah Malaysia negara Islam, bagaimana kita hendak letakkan arak di dalam kapal terbang kita, *serve* kepada orang. Jadi dengan harapan itu, bila tidak ada arak, tidak adalah masalah yang kita dapati pemabuk-pemabuk di dalam kapal terbang-kapal terbang kita. Untuk Bagan, saya minta*, for the record*, tariklah balik kenyataan Bagan itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih Jasin. Memang saya di sini dengan tidak ragu-ragu lagi menarik balik tuduhan saya bahawa Jasin pernah membangkitkan perkara iaitu hendak menutup SRJKC. Sebenarnya bukan keluar daripada mulut Yang Berhormat Jasin tetapi orang lain. Itulah penerangan saya ini. Yang Berhormat Jasin ada menyeru supaya minuman keras dilarang sama sekali di dalam pesawat MAS ini. Memang perkara ini pernah dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini. Ada juga Ahli-Ahli Yang Berhormat yang pernah membangkitkan beberapa tahun yang dahulu tetapi kerana penumpang-penumpang dari negara yang tidak sama, berbilang negara dan kita tidak boleh menafikan kesukaan mereka kerana bukan semua orang suka minum dalam pesawat. Meminum arak atau minuman keras dalam pesawat hanya kerana, selepas minum hendak masuk tidur dengan lena dan sampai ke destinasi dan bukan hendak minum kerana jadi mabuk.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Pasir Mas, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang Di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat pun minat juga ya?

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Saya tertarik daripada apa yang telah disentuh oleh Yang Berhormat bagi Bagan, bagaimana beliau merasa suatu macam yang tidak kena bila MAS melayan pelancong-pelancong yang menggunakan MAS daripada negara ke negara lain. Ini pengalaman saya sendiri Tuan Yang Di-Pertua, di waktu saya pergi mengerjakan umrah bersama dengan ramai rombongan di waktu itu. Di waktu kami balik daripada umrah, boleh dikatakan sebuah kapal terbang itu terdiri daripada rombongan Umrah iaitu daripada Mekah, daripada Jeddah ke Malaysia. Barangkali yang ada daripada orang Filipina dalam 10 orang sahaja orang Filipina. Kesemuanya yang datang daripada Umrah bukan musim Haji, Umrah di bulan Ramadhan, di bulan puasa. Tiba-tiba di bulan puasa juga dia mengangkat arak khusus hanya kepada orang-orang Filipina yang 10 orang itu. Apakah MAS tidak merasa suatu perasaan kepada orang yang baru sahaja balik Umrah? Betul, orang baru balik daripada Umrah ini tidak..... sekali-kali daripada arak tetapi setidak-tidaknya mereka menghormati orang yang baru balik daripada mengerjakan Umrah ini. Kalaulah *flight* itu ke London misalnya, pun kita tidak bersetuju, apa lagi yang baru balik daripada Umrah - untuk melayani 10 orang sahaja bukan ramai, 10 orang sahaja orang Filipina. Saya bilang orang Filipina itu ada 10 orang sahaja, tidak lebih daripada itu.

Kalau banding dengan *flight* lain yang kita juga pergi ke luar negara di mana arak diberi hanya sekali sahaja. Selepas daripada itu mereka daripada *flight* lain. Selain dari MAS, sekali sahaja mereka beri percuma, kali yang kedua itu saya rasa bukan percuma, mesti dibeli. Tetapi MAS ini beberapa kali dia beri, dua kali, tiga kali, empat kali, sepuluh kali. Sudah muntah pun dia beri lagi kepada mereka yang menagih arak di atas kapal terbang yang menggunakan penerbangan MAS ini, apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Memang saya tidak bersetuju pada musim Umrah di mana kaki tangan-kaki tangan MAS ini tidak memberi perhatian kepada para Umrah ini dan saya berharaplah kerajaan boleh memandang berat tentang pandangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Mas .

Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan kelakuan-kelakuan tidak seronok ini dalam perbahasan saya ini kerana kelakuan-kelakuan ini semua boleh membangkitkan

huru-hara dalam kabin dan dalam pesawat dan ini akan menggugat keselamatan pesawat dan ini juga ada berkait dengan apa yang kita sedang bincangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerana negara kita ini memerlukan ramai pekerja-pekerja asing dan saya pernah mendapat pengaduan dari pramugari kapal terbang bahawa pekerja-pekerja asing dari negara Asia Tenggara, mereka ini apabila naik ke kapal terbang mereka ini macam harimau lepas dari kurungan. Mereka tidak sabar-sabar minta minuman keras dan selepas itu menyentuh badan-badan pramugari ini.

**Beberapa ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya berharap kerajaan boleh berhubung dengan kerajaan asal pekerja asing ini. Saya tidak mahu membangkitkan dan menamakan negara-negara ini takut mereka nanti kata kita membuat tuduhan kepada pekerja mereka. Sebelum pekerja-pekerja asing ini menaiki pesawat mereka diberi didikan supaya bersopan-santun dan menghormati pramugari kita dalam pesawat-pesawat.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan keselamatan lapangan terbang, dalam hal ini saya meminta kerajaan supaya boleh membenarkan permohonan wakil-wakil rakyat iaitu Ahli-ahli Parlimen kadang-kala mereka ada keperluan memasuki kawasan selepas *gate* atau di kaunter peperiksaan kastam atau imigresen supaya menyambut tetamu-tetamu dan tidak payahlah kerana hendak menghantar kawan-kawan atau ahli keluarga ke luar negeri, tidak payahlah masuk ke dalam bangunan yang dilarang oleh orang-orang luar. Tetapi hendak menyambut orang-orang luar atau menyambut tetamu-tetamu khas atau ahli keluarga bolehlah dibenarkan kerana apabila kami pergi sana mereka kata hendak memohon kelulusan dari sekuriti. Tetapi apabila kita pergi ke kaunter sekuriti untuk memohon pas kelulusan mereka tidak membenarkan dengan alasan-alasan yang mungkin tidak boleh diterima oleh kami. Saya berharap kami diberi layanan supaya boleh dapat memasuki kawasan-kawasan tertentu.

Satu lagi perkara yang terakhir iaitu *car park lot* di lapangan kapal terbang. Di lapangan kapal terbang misalnya di Pulau Pinang ada menyediakan lot-lot VIP. Apabila kita hendak menyambut kawan atau hendak menghantar kawan, kita singgah di petak VIP dan bawa masuk ke bangunan dan pergi keluar dan apabila sudah keluar didapati sudah kena saman oleh polis. Itu kena bayar RM100 denda dan kami tanya kepada pihak polis, memang itu tempat VIP. Lalu saya pun bertanya VIP itu siapa? Dia pun

kata, Yang Berhormat tidak boleh pakai atau meletakkan kereta di sana hanya menteri atau apa-apakah sahaja yang boleh pakai. Itu saya ingat tidak munasabahlah. Saya berharap MAB boleh menulis surat kepada pihak polis bahawa para wakil rakyat dan khasnya ahli parlimen boleh dibenarkan untuk meletak kereta di petak letak kereta VIP berhadapan dengan terminal. Sekian sahaja Yang Berhormat, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Tanjong.

**4.48 ptg**

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana diberi kesempatan ini untuk turut mengambil bahagian dalam membahaskan pindaan kepada rang undang-undang yang bertujuan untuk memperluaskan pemakaian Akta 307 ini bagi menangani masalah tindakan keganasan di lapangan terbang. Saya rasa memang tepat pada masanya negara kita memeterai pelaksanaan Protocol Montreal ini sebab ini merupakan satu tindakan yang amat perlu untuk memastikan bukan sahaja keselamatan negara tetapi juga di samping itu menjadikan keselamatan ini dilihat sebagai satu perkara yang perlu untuk penerbangan dan juga menjadikan negara kita sebagai satu destinasi pelancongan yang dapat menjamin keselamatan semua pelancong yang masuk dan keluar negara ini.

Lebih-lebih lagi selepas negara Malaysia ini diberi satu gelaran yang tidak kita terima sebagai satu *launching pad* kepada keganasan antarabangsa tidak lama dahulu. Perhatian dan pelaksanaan *Protocol Montreal* dan juga lain-lain akta dan polisi berhubung dengan keselamatan *aviation* ini haruslah menjadi satu usaha yang gigih bagi memulihkan imej negara ini dari terjejas dan kita haruslah memandang berat terhadap kemungkinan ancaman pengganas ini sebagai satu isu keselamatan negara di samping menjadi satu isu komersial di mana kita ingin menjadi destinasi pelancongan yang selamat.

Saya rasa dalam zaman globalisasi ini kita menghadapi pelbagai perubahan di dalam sektor penerbangan ini yang menampakkan persaingan yang begitu hebat, yang menjadikan tambang kapal terbang menurun yang membolehkan lebih ramai orang berkesempatan untuk menaiki kapal terbang masuk ke negara ini dan ke luar negara yang lain. Ini semestinya memberi pelbagai cabaran kepada negara ini untuk menyahut cabaran ini dan saya berharap selepas pelaksanaan protokol ini kerajaan, khususnya

kementerian dan juga agensi-agensi yang bertanggungjawab seperti Jabatan Penerbangan Awam, *Malaysian Airport Berhad* dan sebagainya dapat bekerjasama dengan kementerian dan kerajaan untuk menggubal strategi untuk memperbaiki keselamatan *aviation* di negara ini.

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua bahawa pada zaman ini kita sering mendengar penggunaan teknologi moden amatlah diperlukan, penggunaan teknologi informasi atau ICT seperti *Satelite Based Navigation*, digital teknologi, memberi peluang yang luas kepada negara kita ini untuk mempertingkatkan tahap keselamatan penerbangan dalam negara ini. Saya rasa kita perlu menggunakan teknologi moden ini sebab ia akan memberikan kepada kita satu kelebihan untuk memajukan tahap keselamatan dalam lapangan terbang dan di dalam negara ini.

Dan juga saya berharap teknologi moden ini dapat peranan yang amat penting oleh kementerian dan agensi-agensi yang diberi tanggungjawab seperti memperkenalkan sistem komputer *automated passengers screening system* dan juga menyediakan *data base passengers screening* yang akan dapat membantu kita mengesan orang-orang yang disyaki ada hubungan dengan kumpulan pengganas antarabangsa ataupun serantau ini. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri selepas pelaksanaan *Protocol Montreal* dan pindaan Akta ini adakah *Malaysian Airport Berhad* ini akan diarahkan untuk menyerahkan pelan tindakan kepada kementerian berhubung dengan bagaimana mereka akan dapat mempertingkatkan keselamatan dalam lapangan terbang, khususnya dalam pengurusan lapangan terbang, seperti *passengers screening*, tindakan-tindakan untuk mengawal kepada tempat-tempat yang sensitif dan juga bagaimana untuk mempertingkatkan keperluan peralatan dan teknologi untuk menjadikan lapangan terbang kita mencapai tahap yang antarabangsa?

Saya ingin tahu sama ada *Malaysian Airport Berhad* ada mengendalikan *assessment* ataupun penilaian terhadap setiap lapangan terbang di negara ini untuk memastikan tahap *warn ability*, keselamatan setiap lapangan terbang dan juga sama ada selama ini MAB dan lain-lain badan ada memerlukan *criminal background checks* terhadap semua kakitangan dan *staff-staff* lapangan terbang di mana sepanjang hari ini

kita mendengar ada berlakunya insiden-insiden, sabotaj dan sebagainya di dalam pesawat, di dalam lapangan terbang, peralatan dan sebagainya.

Saya juga ingin Timbalan Menteri memaklumkan kepada Dewan ini sama ada semua lapangan terbang di negara ini telah pun direka bentuk dengan tahap keselamatan yang tertinggi, kalau tidak, sama ada lapangan terbang ini memenuhi standard antarabangsa sebab ini adalah satu perkara yang amat diperlukan. Kita tidak dapat ketinggalan dalam menggunakan alat-alat yang mempunyai teknologi yang canggih untuk menghadapi pelbagai cabaran, khususnya ancaman daripada kumpulan pengganas seperti menggunakan peralatan komputer untuk *scrutinize luggages* yang mungkin mengandungi bahan-bahan yang boleh menjadi bahan *explosives.*

Di samping itu, saya juga ingin tahu daripada Timbalan Menteri mewakili kementerian, sejauh mana kerjasama diperolehi dari Pos Malaysia dan juga Kastam Malaysia untuk menguruskan pakej yang mungkin mengandungi bahan-bahan *explosive* dan juga bahan-bahan yang akan mengancam keselamatan kapal terbang semasa penerbangan. Sebab baru-baru ini kita pun dapat kes di mana surat yang mengandungi bahan letupan dikirim dari Semenanjung Malaysia ke Sarawak yang mengandungi bahan-bahan letupan. Ini haruslah diberi perhatian yang sewajarnya. Dan juga pihak Kastam sama ada mereka diberi *authority* untuk menyemak segala pakej yang dihantar ke luar negara sama ada mengandungi bahan-bahan yang tidak selamat.

Saya rasa MAB dan juga kementerian haruslah memandang ancaman, bahan-bahan *explosive* ini dan juga objek-objek yang membahayakan yang mungkin terletak di dalam kargo sebab apabila kita mengadakan penerbangan bukan sekadar penerbangan yang membawa penumpang tetapi pesawat yang membawa kargo-kargo juga haruslah diberi pemantauan yang sewajarnya. Dan, sama ada setakat ini kita boleh yakin segala tindakan yang diambil oleh MAB dan syarikat penerbangan, Kastam dan POS, kita dapat menghadapi ancaman bahan-bahan kimia ataupun *biological* sebagai satu alat yang akan digunakan oleh pengganas.

Saya juga berterima kasih atas hujah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam yang memberitahu Dewan ini bahawa Jabatan Penerbangan Awam dikategorikan di dalam kategori I oleh FAA, Amerika Syarikat ini memanglah satu pencapaian yang kita harus pertahankan. Walaupun begitu saya ingin Timbalan Menteri

dapat memberi perhatian bahawa saya baru mahu *access* kepada *website* jabatan ini dan mendapati bahawa *latest update website* ini ialah pada bulan Oktober tahun lepas. Ini bermakna sudah hampir setengah tahun *website* ini tidak di*update*kan dan ini tidak dapat menggambarkan jabatan ini dalam kategori I FAA. Saya berharap Jabatan Penerbangan Awam ini dapatlah *update website* mereka dengan segala yang perlu tahu oleh rakyat ataupun penumpang yang prihatin terhadap keselamatan mereka.

Saya juga rasa sama dengan beberapa Ahli Yang Berhormat yang menyentuh tentang MAS dan saya pun ada Tuan Yang di-Pertua menerima *email* dari pihak yang tertentu meminta saya untuk membawa kepada perhatian Dewan ini, di mana saya rasa sudah pun dibawa kepada perhatian Dewan ini, iaitu berhubung dengan dasar MAS terhadap pramugari dengan melarang mereka mempunyai anak lebih daripada anak dua orang yang menjadi satu isu dalam Dewan ini.

Saya berharap MAS sebagai sebuah GLC kalau MAS dikatakan memeras staf dan pekerja mereka, ini bermaksud MAS adalah sebuah syarikat milikan kerajaan. Adakah ini juga bermaksud kerajaan memeras rakyat Malaysia yang bekerja dengan MAS? Saya berharap isu ini walaupun sudah diberikan perhatian oleh Menteri Sumber Manusia dan juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat saya berharap Jemaah Menteri khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat mengarahkan MAS untuk ulang kaji dan mengeluarkan perkara yang diskriminasi terhadap rakyat Malaysia sendiri dari *collective agreement* mereka yang akan dikaji semula supaya hak-hak rakyat tempatan juga diperlindungi oleh MAS yang harus dijadikan satu teladan kepada syarikat-syarikat yang lain di negara ini.

Saya juga berharap Timbalan Menteri dapat menjelaskan mengapa seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bagan terdapat 80 juruterbang telah meletakkan jawatan dari MAS sejak 15 bulan kebelakangan ini. Ini satu tekanan yang hebat kepada MAS kerana kehilangan begitu ramai juruterbang yang mempunyai pengalaman dan kelayakan. Adakah ini kerana seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Bagan, iaitu mereka mendapat gaji yang paling rendah berbanding dengan syarikat-syarikat penerbangan yang lain. Yang lebih penting lagi sama ada begitu ramai juruterbang yang meletak jawatan, adakah kekosongan ini akan menjejaskan tahap keselamatan penerbangan MAS. Saya berharap sebagai sebuah

GLC, MAS dan kerajaan haruslah memberi perhatian yang serius terhadap apa yang sedang berlaku di MAS, dengan ini saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tangga Batu, sila.

**5.03 ptg.**

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya juga ingin turut sama untuk membahaskan Akta Kesalahan-kesalahan Penerbangan 1984.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua maklum bahawa di dalam pengurusan organisasi, di dalam kes ini adalah pengurusan lapangan terbang, kita meletakkan pengurusan keselamatan adalah yang teratas sekali. Kita telah diajar tentang dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *safety and security excellent management system.* Sistem pengurusan keselamatan yang cemerlang perlu memberikan perhatian yang pertama sekali iaitu *premises and housekeeping* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

*Premises and housekeeping* ini lazimnya mempunyai ciri-ciri yang perlu dipatuhi oleh pihak pengurusan dan pentadbiran secara berkala. Kalau kita lihat di dalam negara kita, *Kuala Lumpur International Airport* (KLIA) adalah merupakan salah satu lapangan terbang yang boleh dijadikan *indicator* ataupun petunjuk kepada bagaimana pentingnya kita memberikan perhatian kepada ciri-ciri keselamatan penerbangan di negara kita.

MAB iaitu Malaysia Airport Berhad diberikan tanggungjawab dan peranan yang penuh di dalam memastikan bahawa tanggungjawab menjamin keselamatan lapangan terbang serta keselamatan penumpang-penumpang, keselamatan kapal terbang dan segala-galanya di bawah bumbung KLIA itu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita perhatikan hari ini KLIA dalam usia yang begitu muda telah menampakkan ciri-ciri kekurangan perhatian kita kepada aspek *repairs and maintenance* dengan izin. Aspek membaiki dan selenggaraan di mana kita dapati baru-beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian umpamanya sebelum penumpang-penumpang dibawa daripada bangunan utama ke *satellite building* mereka memerlukan *aero train* untuk sampai ke *satellite building* ataupun pulang ke bangunan utama.

*Aero train* ini Tuan Yang di-Pertua, kes yang baru dialami oleh saya sendiri apabila saya sampai ke *aero train*, pintunya terbuka. Kemudian saya baru ingin

melangkah masuk, pintunya tertutup dan pintu ini sepatutnya mempunyai *motor sensor* apabila kita melangkah masuk ataupun tangan kita dah masuk sepatutnya dah terbuka kembali. Tetapi apa yang berlaku pintu ini terus tertutup dan menghimpit tangan saya. Nasib baik ada penumpang di sebelah dalam mencapai *hand luggage* saya, kalau tidak dengan tangan saya putus dan beg-beg dibawa ke *main building*. Ini berlaku pada jam 11.20 pagi tadi.

Nasib baiklah penumpang *aero train* yang berada di dalam itu seorang yang jujur dan amanah kerana apabila saya tiba kemudian mereka menyerahkan kembali beg tangan yang saya bawa itu. Ini sedikit sebanyak telah menjejaskan aspek *service delivery system* atau sistem penyampaian perkhidmatan yang disebut-sebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, dan kali ini bukan terkena kepada penduduk kita sendiri mungkin juga akan terkena kepada pengunjung-pengunjung di peringkat antarabangsa yang sedikit sebanyak boleh menampakkan terjejasnya imej kecemerlangan, kegemilangan dan keterbilangan yang ingin dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di mata antarabangsa.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Tuan Yang di-Pertua, bukan itu sahaja.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kepong bangun.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** .....ada satu ketika.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kepong, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Kepong minat dengan saya. Terima kasihlah kepong. Sila, sila.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia pun tersepit tangan barangkali.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Penjelasan, penjelasan. Yang pertama saya setujulah sebab saya pun menggunakan KLIA dengan kerap kali dan rakan di Tumpat dan semua Ahli Parlimen pun menggunakan. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa papan tanda

itu mestilah diperbaiki. Kadangkala kita perlukan teleskop untuk tengok papan tanda itu. *The signage* itu mesti diperbaiki.

Yang kedua ialah kefasihan kakitangan di dalam bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia mesti diperbaiki.

Yang ketiga mengenai teksi. Teksi teruklah itu. Kita ada dua tiga jenis teksi. Teksi haram pun ada, teksi bawah tanah pun ada, teksi atas tanah pun ada. Kita tidak bolehlah. Kalau ada satu teksi pun cukuplah. Cukuplah satu teksi dan kemudian perkhidmatan teksi itu mestilah diperbaiki. Mesti diperbaiki kerana kadangkala kita banding dengan lapangan terbang yang lain ini memang teruk. Tidak begitu baik. Dan ada satu perkara lagi mengenai bagasi atau beg kita yang terlalu lewat. Perkhidmatan lewat.

**Datuk Ronald Kiandee:** Soalan, soalan!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ha, soalan? Penjelasan sahaja bukan soalan. Dia bukan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat tidak payah tengok sana Yang Berhormat. Tengok sini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Haa, ini masalah kita. Terima kasih.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Ketiga-tiga perkara Yang Berhormat Kepong hendak sebut itu memang saya dah isi dalam senarai apa yang saya hendak cakap. Terima kasihlah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Baik, baik.

